Sektor Kewangan

Sumber dan Kegunaan Dana Sistem Kewangan

Peningkatan aktiviti ekonomi pada tahun 2000 dicerminkan dalam pertumbuhan jumlah aset sistem kewangan, yang meningkat sebanyak RM70.7 bilion atau 6% kepada RM1,243 bilion pada akhir tahun 2000 (peningkatan sebanyak RM76.6 bilion atau 7% pada tahun 1999). Ini didorong oleh peningkatan dalam jumlah aset institusi perantaraan kewangan bukan bank (NBFI) dan sistem perbankan. Sistem perbankan mencatatkan pertumbuhan pada kadar yang lebih sederhana, dengan jumlah aset yang meningkat sebanyak 3.2%. Memandangkan kadar pertumbuhan yang tinggi dalam jumlah aset NBFI (+12.2%), bahagian sistem perbankan dalam jumlah aset sistem kewangan menurun sedikit daripada 68.6% pada akhir tahun 1999, kepada 66.8% pada akhir tahun 2000.

Dalam sistem perbankan, sebahagian besar daripada peningkatan jumlah aset adalah disebabkan peningkatan dalam jumlah aset bank perdagangan (termasuk bank-bank Islam), lebih daripada mengimbangi penurunan dalam jumlah aset syarikat kewangan dan bank saudagar. Jumlah aset bank perdagangan mencatatkan peningkatan sebanyak 6.4% (+5.1% pada tahun 1999), terutamanya mencerminkan peningkatan di dalam pinjaman dan pendahuluan serta peningkatan dalam deposit yang disimpan dengan institusi kewangan lain.

Bagi NBFI, jumlah aset meningkat sebanyak 12.2% (+11.9% pada tahun 1999). Berikutan itu, bahagian NBFI dalam jumlah aset sistem kewangan terus meningkat daripada 31.4% pada akhir tahun 1999 kepada 33.2% pada akhir tahun 2000. Pertumbuhan yang pesat ini disokong terutamanya oleh pengembangan dalam aset Kumpulan Wang Simpanan Pencen dan insurans (+RM28.3 bilion) yang mencakup sebanyak 63.2% dari peningkatan dalam jumlah aset NBFI.

Pada tahun 2000, sebahagian besar daripada sumber baru disumbangkan melalui deposit yang disimpan dengan institusi kewangan dan caruman kepada dana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, pencen dan insurans. Deposit yang disimpan dengan institusi kewangan meningkat sebanyak 4.6% (+10.8% pada tahun 1999). Pertumbuhan yang perlahan dalam deposit ini dicerminkan terutamanya oleh pertumbuhan yang perlahan dalam deposit yang

Graf 4.1
Harta Sistem Kewangan pada akhir tahun 2000*a* (% bahagian)



a Awalan

Jadual 4.1
Harta Sistem Kewangan

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2000*a*
	1999	2000*a*	
	RM bilion		
Sistem perbankan	**37.3**	**25.9**	**829.9**
Bank Negara Malaysia	22.3	1.9	148.9
Bank perdagangan[1]	23.5	30.8	513.6
Syarikat kewangan	–7.2	–7.0	109.4
Bank saudagar	0.0	–2.3	36.9
Syarikat diskaun	–1.4	2.6	21.1
Badan perantaraan kewangan bukan bank	**39.3**	**44.8**	**413.1**
Kumpulan wang simpanan pekerja, pencen dan insurans	27.9	28.3	269.8
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	*18.5*	*18.7*	*185.8*
Kumpulan wang simpanan dan pencen lain	*3.6*	*3.2*	*31.8*
Kumpulan wang insurans nyawa	*5.4*	*5.9*	*38.1*
Kumpulan wang insurans am	*0.4*	*0.5*	*14.1*
Institusi kewangan pembangunan[2]	2.0	3.4	25.1
Institusi tabungan[3]	6.1	7.1	32.3
Institusi kewangan lain[4]	3.3	6.0	85.9
Jumlah	**76.6**	**70.7**	**1243.0**

[1] Termasuk Bank Islam Malaysia Berhad dan Bank Muamalat Malaysia Berhad (sejak 1999).
[2] Termasuk Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (MIDF), Bank Pertanian Malaysia, Perbadanan Kemajuan Borneo, Bank Pembangunan Sabah Berhad, Perbadanan Kredit Sabah, Eksport-Import Bank Malaysia Berhad, Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad dan Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad.
[3] Termasuk Bank Simpanan Nasional, Bank Kerjasama Rakyat dan syarikat koperasi.
[4] Termasuk unit amanah (ASN, ASB, ASW2020, ASN 2, ASM (Malaysia) dan ASM Mara), syarikat perumahan, Lembaga Tabung Haji, Syarikat Jaminan Kredit Malaysia Berhad, Cagamas Berhad, syarikat pemajakan, syarikat pemfaktoran dan syarikat modal usaha niaga.

a Awalan

disimpan dengan sistem perbankan (sila rujuk bab mengenai Perkembangan Monetari dan Fiskal). Walau bagaimanapun, deposit kekal mencakupi sebahagian besar (47.1%) daripada jumlah sumber dana pada akhir tahun 2000 (47.8% pada tahun 1999). Begitu juga, institusi perbankan (terdiri daripada bank perdagangan, syarikat kewangan, bank saudagar dan syarikat diskaun) kekal sebagai penyimpan deposit terbesar, mencakup sebanyak 82.7% daripada jumlah deposit sistem kewangan (83.2% pada tahun 1999).

Dari segi pemegang, deposit tersebut dipegang terutamanya oleh sektor swasta bukan kewangan (terdiri daripada individu dan perusahaan perniagaan), mencakup sebanyak 65.1% daripada jumlah deposit yang disimpan pada akhir tahun 2000 (62.5% pada tahun 1999). Deposit kumpulan ini meningkat sebanyak 9% pada tahun 2000 (+5.1% pada tahun 1999) sejajar dengan kenaikan umum jumlah pendapatan dan keuntungan

Jadual 4.2
Sumber dan Kegunaan Dana Sistem Kewangan

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2000*a*
	1999	2000*a*	
	RM bilion		
Sumber:			
Modal dan rizab	12.0	8.0	123.3
Mata wang	9.9	–3.8	26.7
Deposit[1]	54.6	25.6	585.6
Peminjaman	–0.8	–0.3	7.6
Dana dari institusi kewangan lain[1]	0.7	–2.7	69.0
Kumpulan wang insurans dan simpanan	26.2	26.8	240.7
Tanggungan lain	–26.0	17.0	190.2
Jumlah	**76.6**	**70.7**	**1243.0**
Kegunaan:			
Mata wang	5.9	–2.6	6.6
Deposit dengan institusi kewangan lain	27.2	7.4	186.4
Bil	6.1	0.1	16.5
Perbendaharaan	*–0.1*	*0.6*	*4.2*
Perdagangan	*6.2*	*–0.4*	*12.3*
Pinjaman dan pendahuluan[2]	–11.7	23.8	496.4
Sekuriti	14.1	33.5	272.2
Kerajaan Malaysia	*3.3*	*10.6*	*85.4*
Asing	*0.3*	*0.3*	*1.8*
Korporat	*12.3*	*20.8*	*178.1*
Lain-lain	*–1.8*	*1.9*	*6.9*
Emas dan rizab pertukaran wang	17.5	–3.9	109.8
Harta lain	17.5	12.4	155.0

[1] Berkuat kuasa 1998, rizab berkanun institusi perbankan telah dikelaskan sebagai "Dana daripada institusi kewangan lain" berbanding "Deposit". Sehubungan dengan ini, data untuk tahun sebelumnya juga telah dipinda seperti yang sepatutnya.
[2] Tidak termasuk pinjaman yang telah dijual kepada Danaharta dan Cagamas. Termasuk pinjaman yang telah dijual kepada Cagamas dan Danaharta, perubahan tahunan pinjaman dan pendahuluan sistem kewangan akan berjumlah sebanyak RM5 bilion pada tahun 1999 dan RM32.7 bilion pada tahun 2000, sementara jumlah tertunggak pada akhir tahun 2000 akan berjumlah sebanyak RM553.8 bilion.

a Awalan

Graf 4.2
Sumber dan Kegunaan Dana Sistem Kewangan pada akhir tahun 2000*a* (% bahagian)



a Awalan

Jadual 4.3
Deposit Sektor Swasta Bukan Kewangan[1] dengan Sistem Kewangan[2]

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2000*a*
	1999	2000*a*	
	RM bilion		
Deposit[3] dengan:			
Bank perdagangan	21.4	19.7	269.7
Syarikat kewangan	–7.3	–1.2	57.8
Bank saudagar	–0.4	2.8	13.6
Syarikat diskaun	0.2	1.3	5.3
Bank Simpanan Nasional	0.0	3.8	10.8
Lain-lain	3.2	5.0	24.3
Jumlah	**17.1**	**31.3**	**381.5**
Deposit permintaan	9.1	7.2	48.5
Deposit tetap	16.1	14.6	252.6
Deposit tabungan	8.9	9.4	61.8
NID[4]	–15.5	-0.1	2.8
Repo[5]	–1.5	0.3	15.8
Deposit tetap *di antaranya:*			
Sehingga 1 tahun	*17.8*	*12.4*	*232.1*
Lebih dari 1 tahun	*–1.7*	*2.2*	*20.4*

[1] Merujuk kepada deposit perusahaan perniagaan (tidak termasuk PABK) dan individu
[2] Tidak termasuk kumpulan wang simpanan dan insurans, serta institusi kewangan lain.
[3] Merujuk kepada deposit permintaan, tabungan dan tetap, instrumen deposit boleh niaga dan repo.
[4] Merujuk kepada instrumen deposit boleh niaga.
[5] Merujuk kepada perjanjian belian balik.
a Awalan

perniagaan sepanjang tahun. Seperti tahun-tahun yang lepas, deposit tetap terus mencakupi sebahagian besar daripada kenaikan dalam deposit yang disimpan oleh sektor swasta bukan kewangan (+RM14.6 bilion). Dari segi tempoh cukup matang, deposit tetap terus tertumpu kepada tempoh cukup matang yang pendek.

Jadual 4.4
Haluan Kredit[1] kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2000
	1999	2000*a*	
	RM bilion		
Pinjaman dan pendahuluan	**–6.5**	**14.9**	**455.4**
Pertanian	1.7	2.6	13.3
Perlombongan dan kuari	–0.3	0.0	1.4
Perkilangan	–2.2	1.7	57.0
Perumahan	5.6	12.1	83.1
Pembinaan[2]	–7.3	–3.3	82.2
Perkhidmatan perniagaan	11.4	–0.9	20.4
Perdagangan am	0.3	1.2	19.0
Pengangkutan dan penyimpanan	0.2	–0.1	14.1
Pembelian saham	–5.6	–0.1	22.9
Kredit penggunaan	–1.3	5.9	55.8
Lain-lain	–9.0	–4.2	86.2
Pelaburan dalam sekuriti korporat	**12.3**	**20.8**	**178.1**
Jumlah	**5.8**	**35.6**	**633.4**

[1] Tidak termasuk kredit kepada perusahaan awam bukan kewangan.
[2] Termasuk pinjaman kepada harta tanah.
a Awalan

Simpanan berkontrak dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan pencen dan sumbangan kepada kumpulan wang insurans kekal sebagai dana utama bagi sistem kewangan, meningkat sebanyak 12.5% (13.9% pada tahun 1999), untuk mencakup sebanyak 19.4% daripada jumlah dana yang disimpan oleh sistem kewangan pada tahun 2000. Sementara itu, modal dan rizab sistem kewangan meningkat sebanyak 6.9% (+11.6% pada tahun 1999), terutamanya disebabkan oleh pengukuhan dalam kedudukan modal institusi perbankan.

Graf 4.3
Deposit Sektor Swasta Bukan Kewangan dengan Sistem Kewangan pada akhir tahun 2000*a* (% bahagian)



a Awalan

Graf 4.4
Haluan Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan pada akhir tahun 2000*a* (% bahagian)



a Awalan

Peningkatan dalam jumlah sumber sistem kewangan pada tahun 2000 terutamanya adalah kerana pelaburan dalam sekuriti serta pinjaman dan pendahuluan. Sejajar dengan kekuatan pertumbuhan ekonomi, pembiayaan yang disalurkan daripada sistem kewangan pulih sepanjang tahun ini. Jumlah pinjaman dan pendahuluan meningkat sebanyak RM23.8 bilion atau 5% pada tahun 2000 (-RM11.7 bilion atau –2.4% pada tahun 1999). Sebahagian besar kenaikan ini disalurkan untuk pembelian rumah kediaman, pembelian kenderaan penumpang dan juga disalurkan kepada sektor pertanian dan sektor perkilangan.

Selaras dengan perkembangan dalam pasaran PDS, pelaburan dalam sekuriti oleh sistem kewangan mencatatkan kenaikan sebanyak 14% pada tahun 2000 (+6.3% pada tahun 1999). Secara khusus, kenaikan yang nyata dikesan dalam pelaburan pasaran sekuriti korporat (+RM20.8 bilion) dan sekuriti kerajaan (+RM10.6 bilion). Dana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan pencen terus kekal sebagai pelabur utama dalam sekuriti, mencakup sebanyak 64.5% daripada kenaikan dalam pelaburan sekuriti. Pegangan kasar emas dan rizab pertukaran asing menurun sedikit sebanyak RM3.9 bilion pada tahun 2000 (peningkatan sebanyak RM17.5 bilion pada tahun 1999) di dalam akaun perkhidmatan pembayaran, pembayaran semula pinjaman luar, pelaburan luar negeri, aliran keluar portfolio dan kerugian dalam penilaian pertukaran asing.

Pengurusan Sistem Perbankan

Momentum usaha untuk mengukuhkan sektor perbankan yang dilaksanakan dalam tahun 1999 terus digiatkan lagi pada tahun 2000. Penyusunan institusi dan tindak balas polisi untuk mengurangkan kesan daripada krisis kewangan ke atas sistem perbankan telah berjaya dalam mengembalikan kestabilan kewangan dan menyambung semula proses pertumbuhan. Pada tahun 2000, langkah-langkah penstabilan dan pemulihan turut dilengkapi oleh langkah-langkah jangka panjang, bertujuan untuk membina sebuah sektor perbankan domestik yang berdaya tahan dan berdaya saing, di samping meningkatkan kecekapan dan menggalakkan persaingan yang lebih sengit di antara peserta-peserta di sektor perbankan. BNM telah menggunakan kesempatan ini untuk lebih berpandangan ke hadapan bagi membina asas yang diperlukan agar sektor kewangan menjadi lebih berdaya tahan dalam menghadapi cabaran masa hadapan dan untuk terus memainkan peranannya yang penting di dalam ekonomi.

Berikutan pertumbuhan ekonomi yang kukuh serta kejayaan usaha penyusunan semula, sektor perbankan telah menjadi lebih kukuh pada tahun 2000. Aktiviti-aktiviti pinjaman telah diteruskan semula dan semakin meningkat. Kemajuan yang ketara terus dicapai oleh agensi-agensi penstrukturan semula seperti Danaharta, Danamodal dan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) dalam mengukuhkan sektor perbankan. Tumpuan agensi-agensi ini sepanjang tahun 2000 ialah ke arah mencapai nilai pemulihan dan pulangan yang maksimum daripada aset yang dipegang/diurus menerusi pelbagai mekanisme penyelesaian. Di samping itu, menyedari peranan perusahaan bersaiz kecil dan sederhana (SME) dalam menyumbang ke arah pembangunan ekonomi secara keseluruhannya, usaha-usaha juga telah diambil bagi mempercepatkan pemulihan SME dan meletakkan mereka di atas asas yang lebih kukuh bagi menyokong proses pertumbuhan ekonomi.

Langkah-langkah Perbankan Yang Diperkenalkan Pada Tahun 2000

Rangka kerja pengawalseliaan telah diperkukuhkan lagi pada tahun 2000 dengan pengenalan beberapa langkah baru dan pindaan ke atas peraturan-peraturan pengawalseliaan yang sedia ada.

Pelaburan di dalam Syer dan Kepentingan Dalam Syer

BNM telah memperkemaskan had-had berhemat ke atas pelaburan di dalam syer dan kepentingan dalam syer oleh institusi perbankan. Penyemakan ini mengemaskinikan had pelaburan yang dibenarkan kepada 5% daripada modal berbayar syarikat yang dilabur atau 5% daripada modal berbayar dan rizab institusi perbankan tersebut, mengikut mana yang lebih rendah, di dalam mana-mana syarikat (bertaraf syer amanah atau syer bukan amanah) yang disenaraikan di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Di samping itu, institusi-institusi perbankan juga telah dibenarkan mengambil bahagian di dalam tawaran am permulaan tertakluk kepada had yang sama. Pendedahan institusi perbankan di dalam pelaburan ekuiti dan separa ekuiti secara agregatnya dikekalkan pada 25% daripada modal berbayar dan rizab institusi perbankan.

Sebelum ini, pelaburan institusi perbankan di dalam syer amanah dan kepentingan dalam syer amanah telah dihadkan kepada 10% modal berbayar syarikat yang dilabur atau 5% modal berbayar dan rizab institusi perbankan tersebut, yang mana lebih rendah. Sementara itu, pegangan syer bukan amanah dan kepentingan dalam syer bukan amanah telah dihadkan kepada tidak melebihi 5% daripada modal berbayar syarikat dilabur atau 5% modal berbayar dan rizab institusi perbankan tersebut, mengikut mana yang lebih rendah. Perbezaan had ini adalah berikutan liberalisasi ke atas skop pelaburan ekuiti yang dibenarkan secara progresif dari tahun ke tahun. Memandangkan risiko yang berkaitan dengan pelaburan di dalam syer dan kepentingan dalam syer syarikat-syarikat amanah secara relatifnya tidak berbeza dengan pelaburan di dalam syarikat-syarikat bukan amanah, perbezaan had pelaburan tidak lagi dianggap relevan.

Garis Panduan Minimum Mengenai Penawaran Perkhidmatan Perbankan Internet

Berkuat kuasa 1 Jun 2000, institusi perbankan domestik dibenarkan menawar rangkaian penuh produk dan perkhidmatan perbankan menerusi internet. Selaras dengan peraturan yang melarang pembukaan cawangan baru oleh bank-bank asing yang diperbadankan di Malaysia dan definisi cawangan yang meliputi terminal-terminal elektronik, bank-bank asing yang diperbadankan di Malaysia dibenar menubuhkan laman web komunikatif berkuat kuasa dari 1 Januari 2001 dan laman web urus niaga berkuatkuasa dari 1 Januari 2002.

Bagi mengawasi penawaran produk dan perkhidmatan perbankan melalui internet, BNM telah mengeluarkan "Garis Panduan Minimum bagi Penawaran Perkhidmatan Perbankan Internet oleh Institusi Perbankan Berlesen". Di bawah garis panduan ini, pihak lembaga pengarah dan pengurusan kanan institusi perbankan diberi tanggungjawab utama dalam memastikan kebolehlaksanaan, keselamatan dan integriti aktiviti perbankan internet yang tidak akan menimbulkan risiko kerugian yang besar kepada para pendeposit. Tanggungjawab tersebut meliputi usaha memperkenalkan langkah-langkah berikut:

- satu rangka kerja pengurusan risiko yang efektif dan komprehensif bagi membolehkan pengenalpastian, pengkuantitian, pemantauan dan pengurusan kesemua risiko yang terbabit. Rangka kerja pengurusan risiko tersebut hendaklah juga fleksibel dan sofistikated bagi menangani perubahan di dalam persekitaran elektronik dan kemajuan teknologi;
- dasar keselamatan bagi perbankan internet termasuk keperluan perlindungan untuk dilaksanakan bagi sistem perbankan internet, rancangan kontingensi dan rancangan penyambungan perniagaan, semakan objektif dan keperluan-keperluan audit;
- keperluan perlindungan dan pentadbiran bagi penggunaan khidmat pihak ketiga, pengiklanan, pengaturan jalinan web, perikatan strategik/perkongsian;
- keperluan sumber manusia termasuk program-program latihan bagi memastikan ketersediaan dan kecukupan kepakaran dan kakitangan mahir bagi menjalankan dan menyokong sistem perbankan internet; dan

- program perlindungan pengguna yang proaktif bagi mendidik para pengguna mengenai risiko-risiko yang terlibat di dalam perbankan internet dan hak serta tanggungjawab mereka termasuk penggubalan Piagam Pelanggan bagi Perbankan Internet. Piagam pelanggan tersebut perlu memuatkan, antara lainnya, komitmen berhubung kerahsiaan maklumat pelanggan, ketelusan produk dan perkhidmatan dan perkhidmatan yang boleh diharap dan berkualiti.

Piagam Pelanggan Mengenai Pemberian Pinjaman kepada Industri Kecil dan Sederhana oleh Institusi Perbankan

Bermula tahun 2000, institusi perbankan dikehendaki mempamerkan piagam pelanggan yang menyatakan dengan jelas dokumen dan maklumat yang diperlukan oleh institusi perbankan untuk memproses sesuatu permohonan pinjaman industri kecil dan sederhana (IKS). Ini termasuklah syarat kelayakan bagi memperoleh pinjaman, definisi daya maju projek dan masa yang diambil oleh institusi perbankan untuk memproses sesuatu permohonan pinjaman. Piagam pelanggan tersebut perlu dipamerkan dengan jelas atau disediakan di kesemua premis cawangan institusi perbankan.

Satu daripada alasan yang sering digunakan bagi kelewatan memproses permohonan pinjaman ialah pengemukaan dokumen dan maklumat penting yang tidak lengkap oleh pemohon. Dengan adanya piagam pelanggan berkenaan, para peminjam akan lebih maklum berhubung pelbagai keperluan yang dikehendaki oleh institusi perbankan dan akan lebih arif dalam mengemukakan maklumat tertentu yang diperlukan. Di samping itu, institusi perbankan juga dikehendaki memaklumkan kesemua penolakan secara bertulis dengan menyatakan aspek atau kriteria tertentu yang tidak ditepati oleh peminjam. Secara keseluruhannya, pendedahan yang lebih tinggi ini bertujuan untuk mempertingkatkan lagi kesedaran di kalangan IKS dan seterusnya, membantu untuk mempercepat dan memudahkan pemerosesan permohonan pinjaman oleh institusi perbankan. Budaya ini akan membantu membentuk komuniti yang lebih berpengetahuan di kalangan IKS dan menyumbang ke arah pembangunan IKS secara teratur dalam jangka panjang.

Penyelesaian Pinjaman Tidak Berbayar Perusahaan Bersaiz Kecil dan Sederhana – Program Usahawan

Program Usahawan diperkenalkan pada 9 Jun 2000 bagi mempercepatkan penyelesaian masalah pinjaman tidak berbayar (NPL) yang dihadapi oleh perusahaan bersaiz kecil dan sederhana (SME) akibat krisis kewangan. Pengenalan program ini melengkapkan langkah-langkah lain yang telah dilaksanakan sebelum ini bagi menyelesaikan pinjaman bermasalah di dalam industri SME, dengan lebih menjurus kepada peminjam yang mempunyai kemudahan kredit dengan beberapa institusi perbankan.

Umumnya, prinsip yang menjadi dasar perumusan program ini termasuk garis panduan penyusunan semula pinjaman yang standard dan mudah, proses yang telah diselaraskan dan sokongan pembiayaan yang standard untuk operasi sedia ada, di samping program latihan yang sistematik dan berstruktur.

Memandangkan NPL yang bersaiz besar pada masa ini dikendalikan oleh Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Danaharta) dan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC), program ini menumpukan perhatian kepada NPL yang bersaiz lebih kecil dalam lingkungan RM500,000 dan RM5 juta. Memandangkan matlamat utama program ini adalah bagi memberi bantuan kewangan kepada SME yang berdaya maju tetapi terjejas oleh krisis kewangan, hanya pinjaman yang diklasifikasikan sebagai NPL di antara 1 Januari 1998 dan 30 April 2000 layak mendapat bantuan di bawah program ini. Tempoh tamat sehingga penghujung bulan April 2000 ini bertujuan mengurangkan bahaya moral di mana pembayaran balik sengaja tidak dibuat agar pinjaman tersebut diklasifikasikan sebagai tidak berbayar dan sekali gus layak menyertai program ini. Masalah NPL yang dialami oleh SME terbabit telah mengehadkan akses mereka untuk mendapatkan pembiayaan baru. Bagi membolehkan SME meneruskan operasi mereka dan turut serta dalam pemulihan ekonomi, adalah kritikal bagi SME untuk terus mendapat akses kepada

pembiayaan baru. Oleh itu, satu ciri utama program ini ialah pemberian pembiayaan baru yang tidak melebihi 30% daripada NPL mereka yang sedia ada kepada SME yang terjejas. Satu mekanisme perkongsian risiko diguna pakai bagi pembiayaan baru yang diberikan di mana kerugian yang mungkin timbul daripada pembiayaan baru akan ditanggung oleh Kerajaan dan institusi perbankan dengan nisbah 70:30. Bahagian kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan diberi dalam bentuk jaminan menerusi Syarikat Jaminan Kredit. Pembayaran balik yang diterima daripada SME di bawah program ini adalah berdasarkan konsep masuk kemudian keluar dahulu (*"last-in-first-out"*) di mana pinjaman baru akan dibayar balik terlebih dahulu sebelum membuat pembayaran balik bagi pinjaman lain yang diberikan oleh institusi perbankan berkenaan.

Industri SME adalah merupakan satu komponen penting ekonomi. Oleh yang demikian, adalah penting bagi industri SME membangun secara teratur dan sistematik agar ianya dapat memberi sumbangan yang lebih efektif dan bermakna kepada ekonomi. Oleh itu, satu ciri tambahan kepada program ini ialah program latihan dan kesedaran yang wajib dihadiri oleh SME. Program tersebut meliputi kursus-kursus berstruktur dalam pengurusan perniagaan, peningkatan kepakaran dan latihan mengenai pengurusan aliran tunai kewangan, perakaunan berkomputer dan instrumen dagangan dan kaedah-kaedah pembiayaan.

Peningkatan Dana Modal Minimum

Pada 15 November 2000, BNM mengumumkan kenaikan dalam jumlah minimum dana modal yang tidak terjejas oleh kerugian bagi institusi perbankan yang akan berkuatkuasa daripada 31 Disember 2001. Keperluan dana modal minimum dinaikkan kepada RM2 bilion bagi kumpulan perbankan domestik (terdiri daripada bank perdagangan, bank saudagar dan syarikat kewangan) dan RM300 juta bagi bank asing yang diperbadankan di Malaysia.

Modal asas yang lebih besar dan mantap akan memperkukuhkan daya tahan dan kedudukan modal institusi perbankan bagi menghadapi cabaran-cabaran yang akan timbul daripada persekitaran yang lebih global dan liberal dan dalam menangani kejutan-kejutan di masa depan. Pada masa yang sama, peningkatan ini akan membolehkan institusi perbankan meningkatkan kecekapan operasi mereka dengan membuat pelaburan tertentu di bidang-bidang strategik dan teknologi maklumat.

Langkah-langkah Liberalisasi Pada Tahun 2000

Beberapa langkah liberalisasi juga telah dilaksanakan di sepanjang tahun 2000 bertujuan untuk meningkatkan tahap kecekapan dan persaingan dalam sektor perbankan.

Penggunaan Khidmat Pihak Ketiga Bagi Operasi Perbankan

Berkuat kuasa 14 April 2000, institusi perbankan diberi kelulusan menyeluruh untuk menggunakan khidmat pihak ketiga bagi fungsi-fungsi bukan teras. Ini termasuk fungsi-fungsi yang tidak melibatkan proses membuat keputusan atau yang menjejaskan imej, integriti dan kredibiliti institusi-institusi perbankan. Institusi perbankan juga dikehendaki mematuhi beberapa langkah pelindung sebelum melaksanakan sebarang persetujuan berhubung penggunaan khidmat pihak ketiga. Langkah-langkah pelindung ini termasuk kajian usaha wajar, mekanisme laporan dan pemantauan, ujian secara berkala dan kajian ke atas kerja yang dijalankan oleh pihak ketiga dan rancangan kontingensi sekiranya perjanjian dengan pihak ketiga tersebut dihentikan secara tiba-tiba.

Apabila pasaran menjadi semakin liberal dan berdaya saing, keperluan bagi institusi perbankan merangka semula strategi dan merombak proses kerja dan fungsi operasi mereka bagi mencapai tahap kecekapan dan kelebihan daya saing yang lebih tinggi menjadi lebih mendesak. Penggunaan khidmat pihak ketiga yang telah sedia memiliki infrastruktur akan membolehkan institusi perbankan memanfaatkan kemahiran dan kepakaran pihak ketiga dan mengelakkan institusi perbankan daripada keperluan membina infrastruktur tersebut sendiri, sekali gus mengurangkan beban kewangan mereka.

Risiko membuat pelaburan dalam teknologi yang sudah lapuk dapat dikurangkan di samping mengurangkan keperluan untuk mempertingkatkan teknologi dengan kerap dan mempercepatkan tindak balas kepada para pelanggan. Pendekatan yang lebih fokus akan membolehkan institusi perbankan menumpukan perhatian kepada fungsi-fungsi teras mereka dengan lebih efektif. Ia juga akan membolehkan institusi perbankan menumpukan perhatian kepada usaha merumus strategi-strategi perniagaan yang bersesuaian yang akan meningkatkan kelebihan daya saing dan akhirnya, tahap kecekapan keseluruhan mereka.

Penghapusan Had RM150,000 ke atas Jualan Pinjaman Perumahan dengan Rekursa kepada Cagamas

Bagi tempoh di antara 17 April 2000 dan penghujung bulan Mac 2001, institusi perbankan dibenarkan menjual pinjaman perumahan yang diberikan untuk pembelian rumah berharga RM150,000 ke atas kepada Cagamas Berhad.

Pembangunan pasaran pengsekuritian, yang dirintis oleh Cagamas Berhad, sejak penghujung tahun 1990an menerusi pembelian pinjaman dengan rekursa, menyediakan saluran yang penting bagi institusi perbankan mendapatkan sumber pembiayaan yang lebih murah. Sebelum kelonggaran tersebut, gadai janji rumah kediaman yang boleh disekuritikan adalah terhad kepada gadai janji bagi pembelian rumah berharga RM150,000 ke bawah. Sekatan ini melengkapi larangan ke atas pemberian pinjaman lain yang dikenakan ke atas institusi-institusi perbankan bagi menangani aktiviti bersifat spekulasi yang telah mengakibatkan lonjakan dalam harga harta kediaman berharga tinggi. Seiring dengan peningkatan ketara di dalam jumlah aktiviti di pasaran pengsekuritian, sumber pinjaman perumahan yang layak disekuritikan juga telah berkurangan dengan nyata. Pada masa yang sama, Cagamas Berhad juga telah memulakan skim pembelian tanpa rekursa bagi melebarkan skop aktiviti pengsekuritiannya. Kelonggaran sementara ini akan membolehkan institusi perbankan memperluaskan sumber pembiayaan mereka dan pada masa yang sama, membantu dalam melancar dan meneruskan aktiviti pengsekuritian.

Pemansuhan Moratorium Upah bagi Institusi Perbankan

Berkuat kuasa 18 April 2000, moratorium ke atas kenaikan upah yang dikenakan sejak bulan Januari 1987 telah dimansuhkan. Berikutan liberalisasi ini, institusi perbankan kini mempunyai kelonggaran dalam menentukan ganjaran, elaun dan bonus kakitangan mereka (tidak termasuk Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah) berlandaskan tahap produktiviti dan kecekapan mereka. Lembaga Pengarah bertanggungjawab dalam memastikan bahawa pakej upah yang diberikan kepada kakitangan mereka tidak keterlaluan tetapi sebaliknya, adalah sejajar dengan tahap produktiviti dan kecekapan mereka. Institusi perbankan juga digalak menubuhkan satu Jawatankuasa Ganjaran yang memantau pakej upah bagi pengurusan kanan dan kakitangan utama dan bagi memastikan bahawa pakej upah tersebut selaras dengan objektif dan strategi institusi perbankan tersebut.

Moratorium upah dilaksanakan buat pertama kalinya pada bulan Januari 1987 sewaktu kemelesetan ekonomi, selaras dengan seruan Kerajaan supaya mengehadkan kenaikan upah agar ianya sejajar dengan tahap produktiviti, terutamanya memandangkan bilangan profesional, ahli-ahli perbankan yang mahir dan berpengalaman di dalam negara adalah terhad. Sejak pelaksanaannya, larangan ini telah diliberalisasi dan diubahsuai secara beransur-ansur sejajar dengan perkembangan di pasaran buruh dan ekonomi.

Kepentingan tenaga kerja pakar dan pintar dalam membentuk sebuah sektor perbankan yang efisien dan efektif akan terus dititikberatkan. Di dalam persekitaran yang bercirikan perkembangan yang pesat dan daya saing yang meningkat, institusi perbankan perlu mempunyai keupayaan untuk menarik dan mengekalkan bakat terbaik dan kakitangan mahir di dalam organisasi mereka agar dapat terus berjaya. Khususnya, menggaji ahli-ahli profesional yang telah mendapat pengalaman dan kepakaran di dalam pasaran kewangan yang lebih maju dan yang berkebolehan di dalam

bidang-bidang utama seperti pengurusan risiko, pembangunan sistem dan pelaksanaan perikatan di mana tenaga kerja tempatan adalah berkurangan. Model saraan yang lebih fleksibel akan memudahkan proses ini.

Rasionalisasi Struktur Operasi Institusi Perbankan – Aktiviti Jualan-Silang dan Pemusatan Operasi Dalaman

Bermula daripada 5 Jun 2000, institusi perbankan dibenar mengendalikan aktiviti-aktiviti jualan-silang menerusi pengaturan agensi dan menyatukan operasi-operasi dalaman yang sama pada pusat lokasi yang dipilih. Semua aktiviti jualan-silang akan dijalankan melalui perhubungan prinsipal-ejen dan mesti terikat oleh kontrak dengan institusi prinsipal. Aktiviti-aktiviti ini juga mesti dilaporkan di dalam buku institusi prinsipal. Institusi perbankan juga dibenarkan menjual-silang produk dan perkhidmatan kewangan yang dimiliki oleh anak syarikat mereka atau anak syarikat bagi syarikat induk terdekat atau melantik anak syarikat tersebut sebagai ejen mereka bagi menjual-silang produk dan perkhidmatan kewangan mereka.

Mana-mana unit perniagaan dan operasi dalaman yang telah dirasionalisasikan dan membabitkan pelanggan institusi perbankan hendaklah ditempatkan di dalam salah satu daripada institusi berlesen bagi memastikan peruntukan kerahsiaan perbankan terus dipatuhi. Institusi perbankan juga dikehendaki mempunyai sistem dan kawalan dalaman yang perlu di samping rancangan penyambungan perniagaan.

Memandangkan persaingan di antara institusi perbankan semakin meningkat, kecekapan operasi menjadi unsur penting dalam memastikan kejayaan dan seterusnya, kewujudan berterusan institusi tersebut dalam jangka panjang. Ini boleh dicapai dengan membenarkan institusi perbankan menggabungkan operasi dan fungsi umum sekali gus mengelakkan pertindihan aktiviti dan infrastruktur. Langkah ini akan membolehkan institusi perbankan mencapai penjimatan kos yang lebih tinggi menerusi ekonomi berskala serta membenarkan institusi perbankan memaksimumkan sinergi kumpulan yang akan menghasilkan produk dan perkhidmatan pada harga yang lebih berdaya saing.

Perjanjian Beli Balik oleh Institusi Tidak Berlesen

Berkuat kuasa 1 Julai 2000, menurut "Perintah Bank dan Institusi-Institusi Kewangan (Pindaan Takrif Deposit) 2000", institusi-intitusi yang tidak dilesen oleh BNM dibenar menjalankan urus niaga perjanjian beli balik (repo) dengan peniaga utama bagi tempoh kematangan kurang daripada satu bulan.

Sebelum ini, institusi-institusi bukan bank tidak dibenarkan berurus niaga dalam repo memandangkan dana yang diperoleh daripada urus niaga tersebut ditakrifkan sebagai pengambilan deposit menurut Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989. Larangan ini menyekat urus niaga dalam kertas hutang yang aktif di pasaran sekunder, seterusnya menghalang pembangunan pasaran hutang sekunder yang aktif. Liberalisasi ini akan membantu melepaskan pegangan kaptif sekuriti hutang oleh institusi-institusi bukan bank dan membolehkan semua peserta pasaran memegang sekuriti hutang. Yang lebih penting, liberalisasi ini akan menyumbang ke arah mempertingkatkan mudah tunai di dalam pasaran sekuriti dan pembangunan keseluruhan pasaran bon.

Kemasukan Keuntungan Setengah Tahun yang Diaudit ke dalam Pengiraan Nisbah Modal Berwajaran Risiko

Berkuat kuasa 7 November 2000, institusi perbankan dibenarkan mengambil kira keuntungan sebelum cukai setengah tahun yang telah diaudit sebagai modal asas bagi tujuan pengiraan nisbah modal berwajaran risiko, had kredit kepada seseorang pelanggan dan had ke atas terbitan instrumen deposit boleh niaga.

Kadar pertumbuhan pinjaman yang pesat berikutan prestasi ekonomi yang melambung telah mendorong BNM memperkenalkan langkah-langkah bagi menyederhanakan peningkatan di dalam modal asas pada tahun 1996. Di samping memendekkan tempoh kematangan pinjaman subordinat kepada 3 tahun, institusi perbankan juga tidak dibenar memasukkan keuntungan setengah tahun ke dalam modal asas mereka berkuatkuasa bulan Januari 1997. Memandangkan kebimbangan mengenai pengembangan agresif kunci kira-kira telah reda, kelonggaran untuk membenarkan kemasukan keuntungan setengah tahun yang telah diaudit ke dalam pengiraan modal asas akan membantu institusi perbankan membina semula dan memantapkan kunci kira-kira mereka.

Tumpuan utama sepanjang tahun 2000 ialah program penggabungan institusi perbankan domestik. Usaha-usaha telah ditumpukan untuk memastikan perundingan penggabungan yang bermula pada tahun 1999 berjaya diselesaikan menjelang penghujung tahun 2000. Dalam hal ini, BNM telah memainkan peranan sebagai fasilitator, terutama sekali apabila terdapat pertikaian atau percanggahan pendapat dalam rundingan antara pihak-pihak yang terlibat. Bagi menggalakkan institusi perbankan mempercepatkan penyelesaian rundingan penggabungan, beberapa insentif cukai telah diberi oleh Kerajaan, seperti pengecualian duti setem dan cukai laba harta tanah dan pengiktirafan kerugian institusi yang akan diambil alih bagi tujuan pengiraan cukai. Insentif-insentif ini disediakan bagi kumpulan-kumpulan perbankan yang berjaya memeterai Perjanjian Jual-Beli Bersyarat pada atau sebelum 31 Ogos 2000. Rundingan penggabungan yang didasarkan atas prinsip-prinsip pasaran, sebilangan besarnya telah diselesaikan pada atau sebelum 30 Ogos 2000, dibantu sebahagian besarnya oleh ihsan dan komitmen daripada pihak-pihak yang terlibat.

Pada 31 Disember 2000, program penggabungan selesai dilaksanakan dengan jayanya, dengan 50 daripada 54 buah institusi perbankan domestik digabungkan ke dalam 10 kumpulan perbankan dan 94% daripada jumlah aset sektor perbankan domestik dirasionalisasi dan disatukan. Sebuah institusi perbankan telah menyempurnakan proses penggabungannya pada 1 Mac 2001 manakala tiga buah institusi lagi telah diberi kelulusan untuk memulakan perundingan dengan kumpulan perbankan teras yang lain. Bagi mengukuhkan lagi modal asas kumpulan perbankan yang telah dibentuk di bawah proses penggabungan, dana modal minimum yang tidak terjejas oleh kerugian bagi kumpulan perbankan domestik telah ditingkatkan kepada RM2 bilion sementara institusi perbankan asing dikehendaki meningkatkan dana modal mereka kepada RM300 juta menjelang 31 Disember 2001. Sehingga akhir suku tahun pertama tahun 2001, hanya satu kumpulan perbankan domestik dan lima buah institusi perbankan asing masih belum mematuhi keperluan dana modal minimum yang baru ini.

Bagi melengkapi usaha penyatuan dan rasionalisasi, BNM terus melaksanakan beberapa pembaharuan pengawalseliaan dan penyeliaan. Selaras dengan objektif ini, beberapa langkah telah diperkenalkan bagi meningkatkan lagi kekukuhan dan kapasiti institusi perbankan.

Langkah-langkah Memperkukuhkan Daya Tahan Sektor Perbankan

Semasa krisis kewangan baru-baru ini, kualiti aset yang rendah ternyata merupakan kebimbangan utama institusi perbankan. Ketiadaan proses pengurusan risiko kredit yang kukuh dan efektif di beberapa institusi telah menyebabkan pentadbiran dan pengurusan pinjaman yang lemah, yang seterusnya boleh mengancam kesolvenan institusi berkenaan. Dalam melangkah ke hadapan, pengurusan risiko kredit yang efektif adalah kritikal untuk memastikan bahawa aktiviti pemberian kredit institusi perbankan dijalankan dengan cara yang berhemat, sekaligus mengurangkan risiko kemungkinan bank mengalami kegagalan. Dalam hal ini, BNM telah mengeluarkan garis panduan mengenai pengurusan risiko kredit yang menggariskan keperluan-keperluan tertentu yang perlu dipatuhi oleh institusi perbankan dan juga amalan terbaik yang patut diikuti oleh institusi perbankan. Prinsip-prinsip utama garis panduan ini ialah untuk memastikan bahawa terdapat pengawasan yang berpatutan oleh Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan, adanya infrastruktur yang mencukupi untuk pengurusan risiko kredit yang berkesan dan kawalan dalaman dan prosedur-prosedur audit yang komprehensif bagi mengurus risiko kredit. Selain daripada itu,

had ke atas kemudahan kredit kepada seseorang pelanggan telah diketatkan daripada 30% kepada 25% daripada dana modal agar selaras dengan amalan terbaik antarabangsa dan bagi mengurangkan pendedahan yang berlebihan institusi perbankan kepada seseorang pelanggan. Satu kertas perundingan yang mencadangkan pindaan-pindaan selanjutnya ke atas skop dan definisi kemudahan kredit dan seorang pelanggan seperti yang terkandung di dalam Garis Panduan Had Kredit ke atas Seseorang Pelanggan (GP5) juga telah dikeluarkan. Institusi perbankan akan dikehendaki mematuhi had pemberian pinjaman kepada seseorang pelanggan di peringkat kumpulan dan juga di peringkat entiti, dan dengan ini mengurangkan kemungkinan sesebuah institusi di dalam sesuatu kumpulan mempunyai pendedahan yang keterlaluan kepada seseorang pelanggan, walaupun pendedahan kepada seseorang pelanggan di peringkat kumpulan tersebut masih berada di dalam lingkungan had yang dibenarkan. Had ke atas pinjaman bersaiz besar juga akan dikurangkan kepada 10% daripada modal asas institusi perbankan, dan bukan lagi di tahap 15% daripada dana modal seperti dahulu.

Bagi melengkapi usaha penyatupaduan, BNM terus melaksanakan beberapa pembaharuan dalam pengawalseliaan dan penyeliaan yang bertujuan untuk mempertingkatkan daya tahan dan memperbaiki tahap daya saing dan kecekapan institusi perbankan.

Salah satu daripada kelemahan utama proses pengurusan risiko kredit ialah kekurangan kakitangan kredit yang cekap yang mempunyai pemahaman yang menyeluruh mengenai risiko-risiko berhubung dengan aktiviti pemberian pinjaman. Di masa lalu, institusi perbankan menawarkan latihan dalaman bagi kakitangan kredit masing-masing tetapi sukatan dan kualiti program latihan tersebut berbeza di antara sesebuah institusi dengan institusi yang lain. Memandangkan betapa pentingnya melahirkan kakitangan yang cekap bagi mengurus dan mengawal risiko kredit di dalam institusi perbankan, satu program akreditasi telah diperkenalkan, di mana kakitangan yang terlibat dalam penilaian, kelulusan dan kajian semula kredit, perlu menjalani program latihan yang serupa yang dikendalikan oleh Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM) dan lulus ujian serta menerima pengesahan sebelum layak menandatangani atau meluluskan sesuatu permohonan kredit. Program ini meliputi bidang-bidang kritikal amalan pengurusan risiko kredit yang baik seperti prinsip-prinsip utama dalam pemberian pinjaman yang baik, analisis penyata kewangan dan aliran tunai, teknik-teknik mengenai analisis kualitatif risiko dan langkah-langkah memperbaiki kemerosotan dalam kredit. Program ini juga menetapkan tanda aras bagi program latihan dalaman yang boleh dikendalikan oleh setiap institusi perbankan secara sendirian. Ujian tersebut meliputi soalan-soalan yang memerlukan aplikasi konsep, prinsip dan peraturan, termasuk kajian kes yang dirumus untuk menguji keupayaan analitikal pegawai-pegawai kredit dalam menilai daya maju sesuatu permohonan pinjaman. Program ini bertujuan untuk memastikan kesemua kakitangan yang mengendalikan kredit mempunyai pemahaman yang menyeluruh mengenai risiko-risiko berhubung dengan aktiviti pemberian pinjaman, yang seterusnya dapat membantu meningkatkan budaya kredit dan standard kredit institusi perbankan.

Penyelia-penyelia BNM juga terus mempertingkatkan teknik-teknik penyeliaan mereka dengan penekanan ke arah mengukuhkan sistem pemeriksaan dalam premis dan pemantauan dari luar premis bagi mengenal pasti kelemahan yang mungkin wujud. Ujian tekanan juga telah dijalankan secara berkala. Ini penting bagi memastikan masalah dapat dikenal pasti dengan lebih awal dan langkah-langkah pre-emptif diambil bagi menangani masalah tersebut. Di samping itu, satu kertas perundingan mengenai langkah-langkah pembetulan segera (PCM) telah dikeluarkan pada tahun 2000 yang mencadangkan satu set langkah-langkah pengawalseliaan yang akan dikenakan secara automatik ke atas institusi perbankan yang didapati beroperasi dengan cara yang memudaratkan kepentingan pendeposit. Set langkah-langkah automatik ini memberi tumpuan kepada menangani kemerosotan di dalam kecukupan modal dan masalah mudah tunai. Langkah-langkah ini akan dapat membantu menghadkan penundaan penyeliaan,

kelewatan atau kegagalan dalam mengambil langkah-langkah yang bersesuaian terhadap institusi perbankan yang bermasalah.

Walaupun pelbagai usaha telah diambil semenjak tahun 1998 untuk mempercepatkan penyelesaian pinjaman tidak berbayar (NPL) perusahaan bersaiz kecil dan sederhana (SME), kemajuannya agak lembap memandangkan bilangan akaun yang besar. Institusi perbankan juga enggan menawarkan pembiayaan baru kepada peminjam-peminjam tersebut berdasarkan kedudukan kredit mereka yang lemah. Ini sudah tentu menjejaskan proses pemulihan SME yang berdaya maju. Selagi SME ini dibelenggu dengan masalah-masalah NPL, mereka tidak akan mampu untuk mengekalkan operasi mereka bagi menyokong pertumbuhan ekonomi. Bagi memaksimumkan kecekapan dan mempercepatkan proses penyelesaian pinjaman SME, BNM telah melancarkan Program Usahawan bagi menyokong perniagaan yang berdaya maju. Prinsip-prinsip utama program tersebut termasuklah penggunaan garis panduan penyusunan semula pinjaman yang standard dengan syarat-syarat yang mesra-perniagaan dan penyediaan sokongan pembiayaan kepada SME yang berdaya maju. Pinjaman-pinjaman baru yang diberi di bawah program ini sebahagiannya dijamin oleh Kerajaan menerusi Syarikat Jaminan Kredit Malaysia Berhad yang memikul 70% daripada risiko kredit sementara 30% lagi ditanggung oleh institusi yang memberi pinjaman tersebut. Dalam mengorak langkah ke hadapan, keupayaan dan kapasiti SME perlu dipupuk dan diperkukuhkan bagi memastikan sektor ini berkembang menjadi industri yang cergas dan menjadi tunggak penting dalam ekonomi. Oleh yang demikian, satu unsur penting program ini adalah latihan mandatori yang dijalankan oleh IBBM bagi peminjam-peminjam yang turut serta dalam program ini. Oleh itu, program ini bukan sahaja bertujuan untuk menyusun semula dan memulihkan NPL, malah bertujuan membantu ke arah meningkatkan kesedaran yang meluas dan mendidik SME mengenai bidang-bidang utama dalam perniagaan dan pengurusan kewangan bagi meningkatkan daya saing dan daya tahan mereka dalam jangka masa panjang.

Langkah-langkah bagi Meningkatkan Kecekapan dan Menggalakkan Persaingan

Sektor perbankan yang bersedia untuk menghadapi cabaran masa hadapan perlu mempunyai fokus, berdaya tahan dan berdaya saing. Berlatarbelakangkan situasi ini, beberapa langkah telah diperkenalkan pada tahun 2000 bagi meningkatkan tahap daya saing institusi perbankan.Pada masa lepas, institusi perbankan tidak dibenarkan menggunakan khidmat pihak ketiga dengan meluas untuk menjalankan fungsi-fungsi operasi mereka disebabkan kebimbangan mengenai peruntukan kerahsiaan dan keupayaan pihak ketiga tersebut mengekalkan kualiti perkhidmatan. Institusi perbankan terpaksa melabur sumber manusia dan kewangan yang banyak bagi mengurus aktiviti-aktiviti operasi bukan teras mereka yang secara keseluruhannya memberikan nilai ditambah yang rendah kepada perniagaan mereka. Sejumlah besar masa dan wang terpaksa diperuntukkan untuk mengambil dan melatih kakitangan bagi fungsi-fungsi tersebut. Berikutan kemajuan pesat dalam perkembangan teknologi, adalah perlu bagi institusi-institusi perbankan untuk bertindak dengan lebih cepat terhadap permintaan-permintaan pelanggan dan cabaran-cabaran ekoran daripada persekitaran yang lebih berdaya saing, sekali gus mengkehendaki institusi-institusi meningkatkan kepakaran dan keupayaan di dalam bidang-bidang khusus mereka serta pengkhususan di dalam fungsi-fungsi teras perbankan. Menyedari hakikat ini, mulai April 2000, BNM telah memberi kelulusan sarwa bagi institusi perbankan untuk menggunakan khidmat pihak ketiga untuk menguruskan fungsi-fungsi operasi bukan teras mereka. Fungsi-fungsi operasi bukan teras adalah fungsi-fungsi yang tidak mempunyai kedudukan yang strategik bagi sesebuah institusi perbankan seperti fungsi pembayaran gaji dan proses kemasukan data. Ini akan meringankan beban institusi perbankan dalam melabur sejumlah besar masa dan wang untuk menguruskan fungsi-fungsi tersebut, sekali gus membolehkan mereka memaksimumkan hasil pulangan dengan menumpukan sumber mereka ke arah membangunkan keupayaan dalam bidang-bidang teras perniagaan mereka. Walau bagaimanapun, Lembaga Pengarah institusi perbankan bertanggungjawab untuk memantau dan menempatkan mekanisme-mekanisme pengawalan bagi memastikan integriti dan kualiti kerja yang dijalankan oleh pihak ketiga terpelihara agar ianya tidak menjejaskan penyediaan perkhidmatan kepada para pelanggan.

Keupayaan institusi perbankan menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan menerusi

pelbagai rangkaian pengedaran menjadi semakin penting dalam mengekalkan kelebihan daya saing mereka dalam persekitaran global yang baru. Peserta-peserta global yang utama telah mula membentuk pusat kewangan sehentian untuk memenuhi permintaan para pelanggan dengan lebih berkesan dan cekap. Selaras dengan proses penyusunan yang dijalankan oleh kumpulan-kumpulan perbankan semasa proses penggabungan, kelonggaran yang lebih telah diberikan kepada institusi perbankan di dalam kumpulan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti jualan-silang dan merasionalisasikan operasi dalaman mereka untuk memaksimumkan sinergi kumpulan dan ekonomi berskala. Institusi perbankan dibenarkan menjual-silang produk dan perkhidmatan kewangan entiti-entiti di dalam kumpulan yang sama, termasuk produk dan perkhidmatan kewangan yang dipunyai oleh institusi kewangan bukan perbankan mereka, dengan syarat kepentingan pemegang saham minoriti tidak dikompromikan. Dengan ini, institusi perbankan yang lebih kecil boleh mendapat akses kepada kumpulan pelanggan yang besar menerusi rangkaian pemasaran yang meluas di samping dapat menikmati penjimatan kos yang lebih tinggi dan meraih kepakaran institusi perbankan yang lebih besar. Pemusatan operasi dalaman juga akan membolehkan operasi dijalankan dengan lebih cekap dan berkesan dan mencegah pertindihan fungsi-fungsi operasi yang seakan-akan sama.

Tahap keupayaan, kepakaran dan inovasi pekerja akan menentukan daya saing sesebuah institusi perbankan. Menyedari hakikat ini, strategi-strategi proaktif perlu dilaksanakan bukan sahaja untuk mengekalkan sekumpulan ahli-ahli perbankan yang berpengalaman dan berkualiti tinggi di dalam industri, tetapi juga untuk menarik bakat-bakat terbaik bagi menerajui proses pembangunan. Salah satu daripada galakan utama ialah pakej upah yang ditawarkan oleh institusi perbankan. Di masa lepas, skim-skim upah bagi kakitangan institusi perbankan adalah kurang berdaya saing disebabkan oleh kebimbangan bahawa skim-skim tersebut tidak berpadanan dengan tahap produktiviti. Sedikit sebanyak, ini telah menyekat keupayaan institusi perbankan untuk mengekalkan sebahagian daripada ahli-ahli profesional yang mempunyai kualiti terbaik di dalam industri. Bagi membolehkan institusi perbankan mengekalkan serta menarik sumber tenaga manusia yang mempunyai kepakaran yang tinggi dan inovatif, yang boleh menyumbang kepada pembangunan sektor perbankan dengan lebih berkesan dan efektif, BNM telah memansuhkan Garis Panduan Mengenai Moratorium Upah dengan memberikan autonomi yang lebih tinggi kepada institusi perbankan untuk menetapkan gaji, elaun dan bonus pekerja-pekerja mereka berdasarkan tahap produktiviti dan kecekapan mereka. Bagi memantau pakej upah pengurusan kanan dan kakitangan utama, institusi perbankan digalakkan menubuhkan Jawatankuasa Pampasan bagi memastikan pakej upah adalah tidak keterlaluan. Pemansuhan garis panduan ini merupakan satu langkah penting dalam memberi kelonggaran yang lebih dalam pemberian ganjaran kepada para pekerja berdasarkan pencapaian dan produktiviti.

Inisiatif latihan semula sedang disusun bagi melicinkan peralihan kakitangan ke industri-industri lain. Satu laman web akan diwujudkan khusus untuk memberi peluang kepada kakitangan yang terbabit untuk menyatakan kesediaan mereka bagi mengisi jawatan kosong dan untuk menyediakan saluran kepada laman web yang mengiklankan kekosongan jawatan.

Objektif program penggabungan bagi institusi perbankan domestik ialah pembentukan sekumpulan institusi perbankan teras yang berdaya tahan, kompetitif dan berpandangan jauh, yang mampu menghadapi cabaran yang wujud daripada proses liberalisasi dan globalisasi. Dalam pelaksanaan proses penggabungan, institusi perbankan boleh meraih faedah yang lebih daripada ekonomi berskala menerusi pelaburan yang lebih tinggi di dalam teknologi dan sekumpulan kakitangan terlatih yang lebih besar bagi mengekalkan kecekapan dan daya saing. Sebarang bentuk rasionalisasi dari segi cawangan dan bilangan kakitangan tidak dapat dielakkan bagi mengurangkan penindihan sumber dan memaksimumkan faedah penggabungan.

Daripada sepuluh kumpulan perbankan domestik, empat kumpulan telah mengesahkan pemberhentian kakitangan tidak akan berlaku dalam beberapa tahun yang akan datang memandangkan bilangan kakitangan yang sedia ada diperlukan bagi mengekalkan operasi mereka yang semakin meningkat. Bagi enam kumpulan perbankan lagi, walaupun akan terdapat pengurangan kakitangan, bilangan kakitangan yang mungkin diberhentikan dijangka terkawal, tidak melebihi 10,000 kakitangan. Bagi kakitangan yang akan meninggalkan industri ini, inisiatif-inisiatif latihan semula sedang disusun bagi melicinkan peralihan kakitangan ini ke industri-industri lain di dalam ekonomi. Program latihan semula yang komprehensif telah digubal menerusi perundingan dengan peserta-peserta utama di dalam industri dan IBBM bagi membantu kakitangan-kakitangan yang terjejas semasa proses rasionalisasi. Program tersebut akan dijalankan secara usaha sama di IBBM sebagai tambahan kepada program yang dijalankan oleh institusi perbankan sendiri. Program ini merangkumi lima modul, melibatkan program untuk meningkatkan keberkesanan diri pada masa-masa mencabar, menguruskan proses penukaran kerjaya, pengurusan kewangan persendirian, menubuhkan perniagaan sendiri dan mempertingkatkan kemahiran teknologi maklumat. Subsidi kewangan juga akan disalurkan melalui Tabung Latihan Kakitangan untuk meminimumkan beban kewangan ke atas institusi perbankan dan juga para peserta program. Tambahan lagi, bagi memberikan sokongan selanjutnya kepada kakitangan yang terlibat, satu laman web akan diwujudkan, khusus untuk membolehkan kakitangan yang terbabit menyatakan kesediaan mereka bagi mengisi kekosongan jawatan dan untuk menyediakan hubungkait dengan pengiklanan di laman web.

Dalam landskap kewangan antarabangsa, kemajuan teknologi maklumat telah mengubah dengan pantas cara perniagaan dijalankan. Perubahan yang meluas ke atas peserta-peserta pasaran, keperluan peserta-peserta dan jumlah aktiviti jelas menunjukkan bahawa institusi perbankan perlu meningkatkan daya saing dan kecekapan mereka. Dalam menuju ke hadapan, teknologi maklumat akan menjadi faktor penting dalam meningkatkan kecekapan dalaman serta keberkesanan dalam mendapatkan pelanggan menerusi rangkaian pengedaran alternatif. Sebagai sebahagian daripada proses ini, institusi perbankan domestik telah diberikan permulaan awal untuk menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan perbankan melalui internet bermula pada 1 Jun 2000. Bank-bank asing yang diperbadankan di Malaysia akan dibenarkan menawarkan perkhidmatan perbankan internet komunikatif bermula pada 1 Januari 2001, dan perkhidmatan perbankan internet urus niaga bermula pada 1 Januari 2002. Masa yang lebih awal yang diberikan kepada institusi perbankan domestik adalah bagi membolehkan mereka membina kapasiti dan keupayaan di dalam bidang perniagaan baru ini sebelum institusi perbankan asing menyertai persaingan tersebut. Ini adalah penting bagi memastikan terdapatnya persaingan yang adil di antara institusi perbankan domestik dan asing apabila dasar perbankan internet diliberalisasikan bagi membenarkan tahap penglibatan yang sama bagi kesemua peserta di dalam sektor perbankan. Jangka masa yang telah ditetapkan ini juga menunjukkan komitmen terhadap meliberalisasikan secara progresif sekatan-sekatan yang dikenakan ke atas operasi institusi perbankan asing di Malaysia.

Walaupun internet memberi faedah kepada institusi perbankan dan pelanggan mereka, institusi perbankan juga perlu mengambil kira risiko-risiko yang berkaitan dan kawalan-kawalan yang mesti diwujudkan bagi menguruskan risiko-risiko tersebut. Dalam hal ini, BNM telah mengeluarkan "Garis Panduan bagi Pembekalan Perkhidmatan Perbankan Internet oleh Institusi Perbankan Berlesen" yang menggariskan keperluan-keperluan tertentu yang harus dipatuhi oleh institusi perbankan dalam menawarkan perbankan internet. Bidang-bidang utama yang diliputi di dalam garis panduan ini termasuklah peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan para pengurus dalam mengekalkan pengawasan aktif ke atas pembekalan perkhidmatan perbankan internet, proses-proses pengurusan risiko bagi menangani risiko-risiko, keperluan keselamatan bagi memelihara integriti perbankan internet dan pendidikan pengguna. Objektif muktamad ialah bagi memastikan risiko-risiko yang bersangkutan dengan penyediaan perkhidmatan perbankan internet diurus dengan baik bagi melindungi hak pengguna dan pada masa yang sama, mengekalkan integriti institusi perbankan.

Di samping langkah-langkah untuk meningkatkan tahap kecekapan di dalam sektor perbankan,

usaha juga digemblengkan ke arah meminimumkan kesan herotan akibat amalan-amalan tertentu yang diterima pakai oleh institusi perbankan. Salah satu daripada dasar utama yang diketengahkan ialah pemansuhan pembayaran komisen oleh syarikat-syarikat kewangan kepada peniaga-peniaga kereta sebagai balasan kepada kes-kes pembiayaan sewa beli yang disalurkan kepada mereka. Di masa lepas, komisen ini ditentukan berdasarkan jumlah pinjaman dan tempoh pinjaman sewa beli tersebut. Ini menyebabkan kos yang lebih tinggi kepada para pengguna kerana kadar faedah yang dikenakan ke atas pinjaman sewa beli oleh syarikat-syarikat kewangan adalah lebih tinggi. Bagi memberhentikan amalan tersebut, pembayaran komisen adalah dilarang. Sebaliknya, syarikat-syarikat kewangan dibenarkan membayar fi pengendalian sehingga RM600 untuk setiap kes pembiayaan sewa beli yang disalurkan oleh peniaga-peniaga kereta. Fi pengendalian yang standard ini merupakan pembayaran bagi perkhidmatan-perkhidmatan tertentu yang diberikan oleh peniaga-peniaga kereta seperti membantu pengguna melengkapkan dokumen-dokumen permohonan pinjaman yang perlu dan menyediakan maklumat pinjaman sewa beli kepada para pelanggan. Kos ini akan dibiayai sepenuhnya oleh syarikat-syarikat kewangan tanpa membebankan para pengguna. Dengan itu, ianya menghasilkan penjimatan kos yang lebih tinggi kepada para pengguna dan pada masa yang sama, memastikan peniaga-peniaga kereta diberi pampasan sewajarnya bagi perkhidmatan yang disediakan.

Kesimpulan

Landskap kewangan pada masa akan datang sebahagian besarnya akan dipengaruhi oleh perubahan di dalam struktur ekonomi sejajar dengan Wawasan 2020. Di dalam ekonomi yang sedang membangun seperti Malaysia, sektor kewangan akan memainkan peranan penting dalam membantu dan menyokong proses pertumbuhan ekonomi. Oleh yang demikian, institusi kewangan perlu bersifat dinamik dan proaktif dalam menyediakan perkhidmatan bagi menyokong proses peralihan ekonomi. Perubahan-perubahan di sektor kewangan diperlukan semasa ekonomi berkembang ke arah mencapai struktur ekonomi yang berbagai dan pertumbuhan yang mapan serta seimbang dengan kestabilan harga. Memandangkan peranan kritikal yang dimainkan oleh sektor kewangan Malaysia dalam mencapai objektif-objektif ini, Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) telah digubal bagi menggariskan hala tuju sektor kewangan bagi tempoh 10 tahun yang akan datang. (PISK dibincangkan dengan lebih terperinci di dalam Bab 5)

Jadual 4.5
Danaharta: Kaedah Pemulihan

	Jumlah pinjaman[1] RM bilion	Kutipan yang dijangka RM bilion	Kutipan yang dijangka %
Pinjaman berbayar	2.57	2.57	100
Penstrukturan pinjaman biasa	7.06	6.54	93
Penyelesaian hutang	6.34	4.86	77
Skim penyusunan	6.08	5.07	83
Pentadbir khas - skim yang telah diluluskan	2.50	1.54	62
Perampasan dan penjualan	7.63	2.12	28
Lain-lain	2.02	1.10	55
Tindakan undang-undang	1.63	-	-
Jumlah	**35.83**	**23.80**	**66**

[1] Termasuk faedah terakru sebanyak RM0.789 bilion.

Penstrukturan Sektor Perbankan

Danaharta, Danamodal dan CDRC terus mencatatkan peningkatan yang ketara dalam operasi mereka pada tahun 2000. Sehingga 31 Disember 2000, Danaharta telah mengambil alih dan sedang mengurus NPL dengan hak ke atas pinjaman berjumlah RM47.5 bilion (2,835 akaun), yang mana RM39.3 bilion adalah merupakan hak ke atas pinjaman yang diambil alih daripada sistem perbankan. Nilai buku NPL yang diambil alih daripada sistem perbankan berjumlah RM37.5 bilion, merangkumi 44% daripada jumlah NPL dalam sistem perbankan. Pengambilalihan NPL oleh Danaharta telah berjaya mengurangkan baki NPL di dalam sistem perbankan ke paras yang mudah diurus. Pada 31 Disember 2000, nisbah NPL bersih sistem perbankan telah menyederhana kepada 6.3% berdasarkan klasifikasi 6-bulan, daripada paras tertinggi sebanyak 9% pada penghujung bulan November 1998. Purata wajaran kadar diskaun untuk NPL yang diambil alih oleh Danaharta secara relatifnya kekal stabil, iaitu sebanyak 55% pada akhir bulan Disember 2000 berbanding dengan 56% pada akhir tahun sebelumnya. Pada tahun 2000, Danaharta telah menerbitkan tiga *tranche* bon kupon sifar sebagai bayaran bagi NPL yang diambil alih, meningkatkan jumlah nilai nominal bon yang diterbitkan kepada RM11.1 bilion (dengan nilai bersih sebanyak RM8.2 bilion) pada akhir Disember 2000.

Pada tahun 2000, Danaharta memberi tumpuan kepada proses pengurusan pinjaman dan asetnya. Pelbagai teknik penyelesaian telah diguna pakai ke atas pinjaman dan aset, seperti penyusunan semula dan penjadualan pinjaman yang berdaya maju secara aktif; perampasan, pelantikan Pentadbir Khas dan Skim Perkiraan bagi pinjaman yang tidak berdaya maju. Pada 31 Disember 2000, Danaharta telah berjaya menyusun semula pinjaman sebanyak RM35.8 bilion (merangkumi lebih kurang 74% daripada pinjaman di bawah portfolionya), dengan kutipan dijangka sebanyak RM23.8 bilion. Ini merupakan kadar kutipan sebanyak 66% ke atas jumlah pinjaman. Danaharta menjangka akan dapat menyelesaikan baki NPL sebanyak RM12.4 bilion (dalam nilai kasar) menjelang penghujung tahun 2001. Jadual 4.5 menunjukkan kaedah-kaedah pemulihan yang telah digunakan oleh Danaharta.

Kaedah pemulihan Danaharta tidak semata-mata menjurus kepada perampasan dan penjualan harta cagaran. Danaharta, sebagai sebuah syarikat pengurusan aset, lebih menumpukan perhatian terhadap pengurusan aset dan telah memilih langkah pemulihan yang dapat memaksimumkan nilai pemulihan aset-aset tersebut. Keutamaan diberi bagi menyusun semula pinjaman, seboleh mungkin, dan akan hanya beralih kepada kaedah perampasan dan penjualan harta cagaran sebagai usaha terakhir. Penyusunan semula pinjaman telah menghasilkan kadar kutipan yang lebih tinggi berbanding dengan perampasan dan penjualan harta cagaran semata-mata, sepertimana yang ditunjukkan dalam jadual di atas.

Pada 31 Disember 2000, hasil daripada langkah pemulihan yang telah diambil, Danaharta telah menerima hasil kutipan pemulihan sebanyak RM12 bilion, terdiri daripada wang tunai sebanyak RM6.4 bilion dan bakinya dalam bentuk pinjaman berbayar, sekuriti dan harta benda. Kutipan sebanyak RM11.8 bilion lagi dijangka akan diterima dari masa ke semasa, sebahagiannya daripada pembayaran balik pinjaman berbayar.

Berikutan pencapaian pemulihan yang membanggakan, Danaharta telah mengagihkan RM4.4 bilion daripada hasil kutipan bersih daripada pemulihan dan pengurusan pinjaman Kumpulan Bank Bumiputra Malaysia Berhad dan Kumpulan Sime Bank Berhad. Bagi pinjaman yang diambil alih, RM200.3 juta daripada kutipan bersih telah diagihkan kembali kepada 12 institusi kewangan. Pengagihan ini adalah berdasarkan persetujuan di antara Danaharta dengan institusi penjual, di mana Danaharta akan berkongsi sebarang lebihan kutipan (selepas ditolak kos kutipan dan kos pegangan) daripada penjualan pinjaman/aset dengan institusi penjual pada nisbah 80 (institusi penjual):20 (Danaharta).

Mengenai tender harta benda yang dikendalikan oleh Danaharta, 4 tender telah dikendalikan sehingga akhir Disember 2000 di mana 449 harta tanah (tidak termasuk hotel dan harta tanah lipur) dengan nilai indikatif sebanyak RM985.9 juta, telah ditawarkan. Harta tanah yang tidak dapat dijual semasa tender tersebut telah dipindahkan kepada Danaharta Hartanah Sdn Bhd untuk ditawarkan sekali lagi kepada pasaran untuk penjualan sekunder. Sehingga 31 Disember 2000, Danaharta telah menjual 325 harta tanah dengan hasil jualan sebanyak RM535 juta. Danaharta juga telah menyelesaikan penjualan perniagaan empat buah syarikat perkayuan di bawah pengurusan Pentadbir Khas. Bida yang berjaya diterima bernilai sebanyak RM44 juta, menghasilkan premium sebanyak 7% di atas nilai indikatif aset berkenaan. Bagi perniagaan yang selebihnya yang belum dapat dijual, opsyen lain yang munasabah sedang dipertimbangkan untuk memaksimumkan nilai pemulihan. Sebagai tambahan, Danaharta juga telah melancarkan satu tender bagi hotel dan harta lipur pada tahun 2000. Tiga buah hotel yang dirampas dan perniagaan/aset bagi 8 hotel di bawah pengurusan Pentadbir Khas telah ditawarkan semasa tender tersebut. Penjualan perniagaan oleh Pentadbir Khas merupakan sebahagian daripada proses penyusunan semula NPL bagi syarikat peminjam. Danaharta telah menerima sebanyak 15 bida, di mana hanya tiga tawaran telah berjaya diselesaikan. Bagi 8

Danaharta, Danamodal dan CDRC terus mencatatkan prestasi yang memberangsangkan dalam operasi mereka pada tahun 2000.

Graf 4.5
Pergerakan Aset



buah hotel lagi, opsyen lain yang munasabah memaksimumkan nilai pemulihan akan dipertimbangkan, iaitu seperti proses tender semula, rundingan dengan para pelabur yang telah menyatakan minat, pembubaran atau usaha sama.

Komposisi aset Danaharta akan berubah dari masa ke semasa dari bentuk NPL yang belum diolah kepada pelbagai jenis aset dan akhir sekali kepada wang tunai. Apabila Danaharta beralih daripada fasa penubuhan ke fasa pengurusan, komposisi NPLnya turut berubah daripada NPL yang belum diolah kepada NPL yang telah diproses di mana hasil kutipan telah diterima atau akan dilaksanakan. Arah aliran ini ditunjukkan di dalam Graf 4.5.

Pada 31 Disember 1999, Danaharta telah memulakan proses pemulihan ke atas lebih kurang RM15 bilion daripada portfolionya. Jumlah ini telah bertambah kepada RM35.83 bilion pada 31 Disember 2000, dengan pinjaman berjumlah RM12.4 bilion masih belum diselesaikan. Berdasarkan kemajuan yang dicapai hingga kini, Danaharta berada dalam kedudukan yang baik untuk mencapai sasaran tarikh pembubarannya menjelang tahun 2005.

Danamodal tidak membuat sebarang suntikan modal tambahan pada tahun 2000. Berikutan kedudukan ekonomi yang bertambah baik dan seiring dengan program penggabungan bagi institusi perbankan domestik, 8 institusi perbankan telah membayar balik pinjaman mereka berjumlah RM3.4 bilion kepada Danamodal, menjadikan jumlah suntikan modal terkumpul sebanyak RM3.7 bilion pada 31 Januari 2001. Sewaktu proses penggabungan tersebut, Danamodal telah memainkan peranan aktif dalam menerajui proses perundingan penggabungan bagi institusi perbankan di mana Danamodal adalah pemegang saham terbesar. Hasil dari proses penggabungan, 2 buah institusi perbankan telah membayar balik pinjaman mereka kepada Danamodal. Di mana Danamodal terus memegang saham dalam institusi perbankan, Danamodal akan mengkaji kesemua opsyen yang munasabah agar dapat memaksimumkan pemulihan daripada pelaburan modal serta dapat memberi kefleksibelan kewangan kepada Danamodal untuk menebus bonnya berjumlah RM11 bilion apabila bon-bonnya matang pada tahun 2003. Pertimbangan sewajarnya akan diberi untuk memastikan kedudukan kewangan institusi perbankan atau syarikat bank induk tidak akan terjejas akibat pembayaran balik modal tersebut.

Bagi proses penyusunan semula hutang korporat, Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) telah berjaya menyelesaikan hutang 42 buah syarikat berjumlah RM27.3 bilion sehingga 31 Disember 2000. Dalam proses penyusunan semula hutang tersebut, pelbagai teknik telah diguna pakai, iaitu seperti penukaran hutang kepada ekuiti, penukaran hutang kepada sekuriti hutang swasta, penyertaan *"white knights"* dan pengurangan modal berbayar peminjam. CDRC juga telah menolak 21 kes yang melibatkan hutang berjumlah RM7.8 bilion. Oleh yang demikian, sehingga 31 Disember 2000, CDRC mempunyai 12 kes tertunggak yang belum diselesaikan, melibatkan jumlah hutang sebanyak RM12.1 bilion. Perkembangan penyusunan semula hutang korporat di bawah penyeliaan CDRC adalah lebih perlahan disebabkan faktor-faktor berikut:-

(i) Bilangan pemiutang yang lebih besar yang terlibat dalam proses penyusunan semula hutang;
(ii) Keperluan untuk mendapat persetujuan 100% daripada semua pihak yang terlibat; dan
(iii) Prestasi pasaran modal yang merudum sejak beberapa bulan kebelakangan ini, menyebabkan beberapa peminjam sukar melaksanakan skim penyusunan semula hutang.

Untuk mendapatkan manfaat dan mengukuhkan ekonomi pada jangka masa

Rencana III

Biro Kredit Pusat dan Sistem Maklumat Pusat Rujukan Kredit

Pengenalan

Hanya segelintir sahaja daripada mereka yang berada di luar sistem perbankan, pernah mendengar mahupun mengetahui tentang kewujudan Biro Kredit Pusat (BKP) di Malaysia. BNM telah menguruskan biro maklumat kredit semenjak tahun 1982. Apakah biro maklumat kredit? Pada asasnya, biro maklumat kredit merupakan penyenaraian latar belakang kredit peminjam dari dahulu sehingga kini. Berkait rapat dengan biro kredit tersebut ialah sistem pangkalan data pusat yang menyimpan maklumat kredit peminjam. Dengan adanya pangkalan data maklumat peminjam, termasuk individu dan syarikat, secara langsung akan menimbulkan rasa kebimbangan terutamanya mengenai kerahsiaan maklumat tersebut. Rencana ini membentangkan peranan BKP di dalam sistem kewangan dan beberapa isu yang berkaitan dengan kerahsiaan maklumat. Rencana ini juga memberi maklumat mengenai sistem pangkalan data baru yang sedang dibangunkan oleh BNM, yang dikenali sebagai Sistem Maklumat Pusat Rujukan Kredit (CCRIS).

Peranan Biro Kredit Pusat

BKP telah ditubuhkan di bawah seksyen 30(1)(mmm) Akta Bank Pusat 1958 untuk menjalankan fungsi-fungsi berikut:

- mengumpul maklumat kredit pelanggan institusi perbankan, terdiri daripada bank perdagangan, bank Islam, syarikat kewangan, bank saudagar dan institusi kewangan yang lain seperti institusi pembiayaan perindustrian; dan
- menyediakan maklumat kredit yang dikumpulkan kepada institusi-institusi tersebut.

Dalam melaksanakan fungsi-fungsi yang tersebut di atas, BKP memainkan peranan yang penting dalam pengurusan risiko kredit dan menggalakkan budaya kredit yang sihat dalam sistem kewangan. Sebaik sahaja pinjaman diberikan, institusi kewangan menghadapi risiko kegagalan pembayaran balik pinjaman yang berpunca daripada berbagai sebab, termasuk permohonan kredit yang palsu. Oleh yang demikian, sebagai langkah berhemat, institusi kewangan perlu melaksanakan semakan ke atas latar belakang peminjam sebelum memutuskan untuk memberi pinjaman. Semakan ke atas latar belakang peminjam termasuk sejarah kredit peminjam boleh diperolehi daripada beberapa punca, termasuk semakan di BKP. Pangkalan data BKP mengandungi maklumat yang meliputi jumlah pendedahan kredit peminjam daripada sistem kewangan dan kedudukan kewangan kemudahan kredit yang sedia ada. Semakan ke atas latar belakang peminjam merupakan sebahagian daripada proses pengurusan risiko kredit setiap institusi kewangan, memandangkan ianya dapat memberi penunjuk mengenai tahap kedudukan hutang peminjam. Kawalan pengurusan risiko kredit yang rapi adalah diperlukan dalam memastikan kualiti portfolio aset. Amalan pengurusan risiko kredit yang lemah boleh menjejaskan kestabilan kewangan. Ketika krisis kewangan melanda negara-negara Asia pada tahun 1997-1998, keperluan bagi pengurusan risiko kredit yang lebih baik oleh institusi kewangan di rantau ini menjadi lebih ketara, berikutan kegagalan beberapa institusi di negara-negara yang terjejas oleh krisis tersebut.

Di samping membantu institusi kewangan dalam membuat penilaian risiko kredit ke atas peminjam atau bakal peminjam, pangkalan data BKP juga adalah sangat penting kepada BNM, terutamanya dalam memantau institusi kewangan di bawah penyeliaannya dan mengawasi kemungkinan berlakunya risiko sistemik di dalam sistem perbankan. Pangkalan data tersebut dapat membantu penyelia-penyelia perbankan dalam membuat penilaian terhadap tahap risiko kredit di setiap institusi kewangan dan berfungsi sebagai sistem amaran awal untuk mengesan sebarang tanda tekanan ke atas sistem perbankan. Dengan itu, BNM dapat mengarah institusi berkenaan supaya melaksanakan langkah-langkah pembetulan segera bagi mengekalkan kekukuhan kewangan dan memastikan kestabilannya.

Peranan penting yang dimainkan oleh biro maklumat kredit sememangnya telah diperakui di seluruh dunia. Sesungguhnya, biro maklumat kredit telahpun beroperasi di banyak negara maju dan negara sedang membangun. Terdapat juga biro perdagangan yang beroperasi mengumpul dan menjual maklumat mengenai peminjam. Ini lazimnya berlaku di negara-negara maju, seperti di Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia. Selain daripada itu, terdapat juga beberapa bank pusat di dunia yang

mengendalikan biro kredit kebangsaan yang tidak berorientasikan keuntungan, terutamanya di negara-negara sedang membangun.

Kerahsiaan maklumat

BKP memproses maklumat-maklumat yang dianggap sangat penting dan sulit, memandangkan data yang dikumpul dan disalurkan semula kepada institusi kewangan adalah berkaitan dengan peminjam tertentu institusi berkenaan. Sebagai penyimpan maklumat penting tersebut, BNM telahpun mewartakan perundangan untuk melindungi kerahsiaan peminjam dan mempertahankan peruntukan mengenai kerahsiaan perbankan.

Institusi perbankan dikehendaki mematuhi kerahsiaan perbankan di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 (ABIK), dan Akta Bank Islam 1983 bagi bank-bank Islam. Peruntukan undang-undang ini pada dasarnya melarang institusi perbankan daripada mendedahkan perihal pelanggan mereka kecuali dalam keadaan yang dibenarkan oleh undang-undang, di mana salah satu daripadanya ialah melaporkan maklumat peminjam tersebut ke BKP, di bawah peruntukan seksyen 43 (2) ABIK dan seksyen 19 (1) Akta Bank Islam. Peruntukan berkenaan adalah terhad kepada penggunaan maklumat bagi tujuan biro maklumat kredit sahaja, terutamanya bagi penilaian risiko kredit peminjam. Walau bagaimanapun, biro maklumat kredit tidak mengumpul sebarang maklumat mengenai simpanan pelanggan.

Peruntukan-peruntukan di bawah ABIK dan Akta Bank Islam, adalah selaras dengan seksyen 30 (1) (mmm) Akta Bank Pusat. Peruntukan dalam Akta Bank Pusat membolehkan penubuhan BKP. Pada masa yang sama, peruntukan tersebut juga mengenakan kawalan ke atas pendedahan maklumat oleh BKP. Khususnya, BKP dibenarkan mendedahkan maklumat hanya kepada institusi kewangan yang melaporkan pinjaman pelanggan mereka ke BKP dan maklumat tersebut adalah dianggap sulit di BNM dan institusi kewangan berkenaan. Lanjutan dari itu, BNM, pada dasarnya, telah menetapkan bahawa institusi kewangan hanya boleh mendapat akses kepada maklumat tersebut untuk tujuan penilaian kredit yang sah sahaja. Oleh yang demikian, maklumat tersebut tidak dapat diperoleh secara bebas. Dari sudut perundangan, ternyata bahawa biro maklumat kredit tidak dibenarkan untuk mendedahkan maklumat kepada mana-mana pihak ketiga.

Sistem Maklumat Pusat Rujukan Kredit (CCRIS)

BNM telah memulakan sistem pangkalan data kredit pusat pada akhir tahun 1980an. Pada peringkat awal, adalah diakui bahawa sistem ini didapati tidak berkesan dari segi teknikal dan adalah tidak mesra pengguna, dengan itu, memberi faedah yang terhad kepada institusi kewangan. Dari tahun ke setahun, sistem tersebut telah melalui beberapa proses pemeringkatan untuk memperbaiki kualiti dan ketepatan data dan juga menyediakan akses yang lebih mudah kepada pengguna. Pada masa ini, BKP sedang mengendalikan sistem pangkalan data yang dikenali sebagai Sistem Maklumat Kredit (CRIS). Sistem ini akan digantikan dengan sistem yang lebih canggih dan menyeluruh, dikenali sebagai Sistem Maklumat Pusat Rujukan Kredit (CCRIS) yang akan dilaksanakan pada Julai 2001.

Sistem baru ini akan mempertingkatkan keupayaan BKP dari segi liputan maklumat dan penyaluran semula perkhidmatan kepada institusi kewangan. CCRIS akan mengumpul dan menyimpan maklumat kredit semua peminjam institusi kewangan bagi kegunaan biro maklumat kredit. Maklumat-maklumat peminjam tersebut merangkumi orang perseorangan, perniagaan, syarikat dan Kerajaan serta agensi-agensinya. Semua maklumat mengenai peminjam yang baru di institusi kewangan akan direkodkan pada peringkat permohonan. Institusi kewangan dikehendaki supaya sentiasa mengemaskinikan maklumat tersebut bagi menjamin ketulusan dan ketepatannya. Maklumat peminjam yang direkodkan di dalam CCRIS termasuk maklumat rujukan pengenalan diri yang diperlukan seperti nama, nombor kad pengenalan, tarikh lahir atau tarikh pendaftaran, dan juga data mengenai kemudahan kredit yang diambil oleh peminjam, termasuk maklumat mengenai pengendalian kewangan kemudahan tersebut.

Bagi memperbaiki penyaluran maklumat kredit kepada institusi kewangan, akses kepada CCRIS oleh institusi kewangan akan dibuat secara *on-line.* Sehubungan dengan itu, institusi kewangan boleh menggunakan Internet atau 'WAN' *(Wide-Area Network)*

persendirian di antara BNM dan institusi kewangan melalui COINS *(Corporate Information Superhighway).* Ciri-ciri penting tentang CCRIS adalah seperti yang digambarkan dalam rajah berjadual berikut:



Memandangkan institusi kewangan boleh mendapatkan akses kepada pangkalan data CCRIS melalui Internet, sudah tentu terdapat kebimbangan mengenai keselamatan sistem tersebut. Bagi memastikan sistem tersebut tidak dimasuki oleh pengguna yang tidak sah, beberapa langkah pencegahan yang berkesan telah diambil. Sehubungan dengan itu, kad pintar terkini, enkripsi data dan teknologi *firewall* digunakan. Semua pengguna yang diberi kebenaran oleh institusi kewangan dikehendaki mendaftar dengan BNM. Bagi mencegah penyalahgunaan keistimewaan akses pengguna, sistem tersebut akan mempunyai ciri-ciri jejak audit yang meluas yang akan dipantau dengan rapi bagi mengawal potensi kebocoran rahsia.

Rumusan

Peranan BKP akan menjadi bertambah penting dengan perluasan skop pangkalan data yang baru di dalam CCRIS, apabila ianya telah disempurnakan. Maklumat kredit yang diperlukan oleh institusi kewangan untuk tujuan menilai secara efektif risiko kredit semua bakal peminjam dan peminjam yang sedia ada akan menjadi lebih komprehensif dan disalurkan dengan lebih berkesan kepada institusi kewangan. Dari perspektif yang lebih luas, BKP dan CCRIS dapat membantu membangunkan budaya kredit yang sihat di dalam sistem kewangan. Negara ini secara keseluruhannya akan mendapat manfaat daripada perkembangan tersebut di mana kredit dapat disalurkan kepada sektor ekonomi yang lebih berdaya maju seperti yang sepatutnya dan seterusnya akan mengurangkan risiko institusi kewangan serta menjamin kestabilan sistem kewangan. Sungguhpun pencapaian objektif tersebut amat penting, keperluan kerahsiaan maklumat dan hak persendirian individu tidak boleh dikompromi. Dalam mengurus biro maklumat kredit dan rangka perundangan yang menetapkan batas-batas biro maklumat kredit, BNM telah memastikan keseimbangan di antara kedua-dua keperluan yang bersaing ini.

panjang, CDRC turut memainkan peranan penting dalam menerajui proses penstrukturan industri pengangkutan awam. Skim penyusunan semula hutang bagi industri pengangkutan awam telah selesai dan akan dilaksanakan dalam tempoh yang terdekat ini. CDRC juga telah melengkapkan kajian ke atas penstrukturan industri keluli dan telekomunikasi dan sedang menimbang opsyen-opsyen untuk menangani pelbagai isu berkenaan dengan industri-industri tersebut.

Prestasi Sistem Perbankan

Keuntungan

Mencerminkan prestasi ekonomi yang kukuh pada tahun 2000 dan aktiviti pinjaman yang lebih tinggi, sistem perbankan mencatatkan peningkatan yang ketara dalam keuntungan sebelum cukai sebanyak 107.5% kepada RM9.7 bilion untuk tahun kalendar 2000, berbanding RM4.7 bilion yang dicatat pada tahun 1999. Tahap ini melebihi tahap keuntungan sebelum cukai sebanyak RM7.7 bilion yang dicatat pada tahun 1997, sekali gus membuktikan bahawa sistem perbankan telah pulih sepenuhnya daripada krisis yang melanda negara-negara Asia. Akibatnya, pulangan ke atas aset dan ekuiti meningkat dengan ketara, masing-masing sebanyak 1.5% dan 20.4% .

Yang nyata, syarikat kewangan dan bank saudagar masing-masing telah pulih daripada kedudukan rugi pada tahun lepas dengan mencatat keuntungan sebelum cukai, masing-masing sebanyak RM1.9 bilion (+306.7%) dan RM0.6 bilion (+441.8%). Keuntungan sebelum cukai bank perdagangan terus meningkat sebanyak 23.5% kepada RM7.1 bilion. Kadar pertumbuhan keuntungan yang lebih rendah adalah disebabkan keuntungan luar biasa yang dicatat oleh sebuah bank perdagangan pada tahun 1999, yang kemudiannya bergabung pada tahun 2000.

Tahap keuntungan yang lebih tinggi adalah disebabkan terutamanya oleh pendapatan faedah bersih yang lebih tinggi (+RM3.7 bilion atau +24.7%) dan peruntukan untuk hutang lapuk dan ragu yang lebih rendah (-27.4%). Pendapatan faedah bersih meningkat pada tahun 2000 disebabkan perbelanjaan faedah yang menurun dengan nyata (-18.5%) berbanding penurunan di dalam pendapatan faedah kasar (-2.4%). Penurunan perbelanjaan faedah sebanyak RM4.6 bilion adalah

Jadual 4.6
Sistem Perbankan[1]: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar			
	1999	2000*a*	Perubahan Tahunan	
	RM juta			%
Pendapatan faedah selepas ditolak faedah tergantung	39,883	38,944	–939	–2.4
(Faedah tergantung)	*5,249*	*4,977*	*–272*	*–5.2*
Tolak: Perbelanjaan faedah	25,010	20,394	–4,616	–18.5
Pendapatan faedah bersih	14,873	18,550	3,676	24.7
Campur: Pendapatan bukan faedah	6,079	6,721	643	10.6
Tolak: Kos kakitangan	3,663	4,620	957	26.1
Kos overhed	4,178	4,849	671	16.1
Keuntungan sebelum peruntukan	13,111	15,802	2,691	20.5
Tolak: Peruntukan hutang lapuk dan ragu	8,451	6,133	–2,318	–27.4
Keuntungan sebelum cukai	4,660	9,669	5,009	107.5
di mana:				
Bank perdagangan	5,775	7,133	1,358	23.5
Syarikat kewangan	–943	1,949	2,892	306.7
Bank saudagar	–172	587	759	441.8
Pulangan ke atas aset (%)	0.7	1.5		
Pulangan ke atas ekuiti (%)	9.8	20.4		

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam.
a Awalan

Graf 4.6
Margin Kadar Faedah Bersih



disebabkan terutamanya oleh kadar faedah yang lebih rendah yang dibayar ke atas deposit (-RM3.4 bilion atau –18.4%), meskipun kadar faedah deposit ditingkatkan sebanyak 25 mata asas pada bulan Ogos 2000 dan jumlah deposit yang disimpan telah meningkat (+RM15.9 bilion atau +3.5%). Walau bagaimanapun, peningkatan dalam jumlah deposit adalah tertumpu kepada deposit tetap jangka pendek dengan tempoh matang kurang daripada satu tahun (+RM10.8 bilion atau +5.9%), manakala deposit dengan tempoh matang lebih daripada satu tahun berkurangan sebanyak RM4.4 bilion. Pengurangan pendapatan faedah kasar sebanyak RM1.2 bilion adalah semata-mata berpunca daripada penguncupan dalam pendapatan yang diterima daripada aktiviti pemberian pinjaman (-RM1.2 bilion), yang sebahagiannya diimbangi oleh peningkatan dalam pendapatan faedah daripada pemegangan sekuriti hutang sebanyak RM0.4 bilion. Walaupun aktiviti pinjaman berkembang pada tahun 2000, pendapatan faedah yang lebih rendah adalah disebabkan oleh penurunan secara keseluruhannya di dalam kadar faedah bagi pinjaman. Syarikat kewangan mendapat manfaat daripada peningkatan akaun-akaun baru pembiayaan sewa beli yang berkadar faedah tetap, yang menghasilkan margin faedah yang lebih tinggi dalam tahun-tahun awal tempoh pinjaman tersebut.

Pendapatan bukan faedah sistem perbankan meningkat sebanyak RM0.6 bilion atau 10.6% pada tahun 2000 kepada RM6.7 bilion. Kenaikan ini adalah berpunca terutamanya daripada pendapatan fi yang meningkat sebanyak RM0.5 bilion atau 17.8% pada tahun 2000 kepada RM3 bilion. Selaras dengan trend ke arah penyahantaraan yang semakin meningkat, institusi perbankan dijangka akan memberi lebih tumpuan kepada penyediaan perkhidmatan berasaskan fi bagi melengkapi pendapatan tradisional yang berasaskan dana.

Graf 4.7
Sistem Perbankan[1]: Keuntungan



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

Graf 4.8
Purata Kadar Berian Pinjaman dan Purata Kos Dana



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

Nota: PKBP termasuk faedah tergantung dan faedah penalti
PKD tidak termasuk kos overhed, keperluan berkanun dan keperluan aset mudah tunai

Pengurangan peruntukan bagi kerugian hutang pada tahun ini turut menyumbang kepada peningkatan dalam keuntungan. Hanya sebanyak RM6.1 bilion telah dicajkan pada tahun 2000, iaitu 27.4% atau RM2.3 bilion lebih rendah daripada jumlah yang diperuntukkan pada tahun sebelumnya. Peruntukan yang lebih rendah adalah disebabkan terutamanya oleh pengurangan dalam peruntukan khas memandangkan kadar NPL telah stabil dalam lingkungan RM50 bilion pada tahun ini dan juga akibat pertambahan NPL baru yang menyederhana dengan ketara. Kedudukan keuntungan yang lebih baik telah juga membolehkan institusi perbankan meningkatkan peruntukan am. Peruntukan am yang dicajkan meningkat sebanyak RM365 juta atau 144.8% kepada RM617 juta pada tahun 2000.

Kos kakitangan meningkat sebanyak 26.1% pada tahun 2000 kepada RM4.6 billion berikutan penarikan balik moratorium saraan. Pada masa yang sama, kos overhed meningkat sebanyak 16.1% kepada RM4.8 bilion, yang mana sebahagiannya disebabkan oleh kos yang berkaitan dengan penggabungan.

Tahap produktiviti juga bertambah baik sejajar dengan keuntungan lebih tinggi yang dicapai. Keuntungan sebelum cukai bagi setiap pekerja meningkat daripada RM49,500 pada tahun 1999 kepada RM104,400 pada tahun 2000. Nisbah perbelanjaan kepada pendapatan turut naik dengan ketara daripada 59.2% pada tahun 1999 kepada 36.8% pada tahun 2000.

Aktiviti Berian Pinjaman

Dengan momentum pertumbuhan ekonomi yang semakin meningkat pada tahun 2000, permintaan terhadap pembiayaan terus mencatat aliran menaik sekali gus menyebabkan peningkatan dalam kadar kelulusan dan pengeluaran pinjaman pada tahun ini. Pinjaman baru yang diluluskan oleh sistem perbankan pada tahun 2000 meningkat sebanyak 26.7% kepada RM131.7 bilion, manakala pengeluaran kemudahan kredit yang telah diluluskan bertambah sebanyak 12.6% kepada RM357.3 bilion pada tahun 2000.

Di peringkat awal pemulihan ekonomi pada tahun 1999, kebanyakan pembiayaan telah disalurkan untuk membiayai aktiviti perdagangan yang sebahagian besarnya

Jadual 4.7
Sistem Perbankan[1]: Aktiviti Pembiayaan

	Bagi tahun		Pertumbuhan tahunan %
	1999	2000	
	RM bilion		
Kelulusan pinjaman	104.0	131.7	26.7
Pengeluaran pinjaman	317.4	357.3	12.6
Pembayaran balik pinjaman	331.9	345.0	4.0
	Pada akhir tahun		Pertumbuhan tahunan %
	1999	2000	
	RM bilion		
Jumlah pinjaman[2]	424.5	446.3	5.1
Jumlah pinjaman terlaras[3]	424.5	453.4	6.8
Jumlah pembiayaan ekonomi terlaras[4]	502.9	554.2	10.2

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam.
[2] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta.
[3] Jumlah pinjaman kasar, diselaraskan untuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta serta pinjaman yang telah dihapus kira dan ditukar kepada ekuiti.
[4] Jumlah pinjaman kasar, diselaraskan untuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta, pinjaman yang telah dihapus kira dan ditukar kepada ekuiti dan jumlah sekuriti hutang swasta.

berjangka pendek. Ini mengakibatkan kadar pusingan yang tinggi dan pertumbuhan pinjaman yang mendatar ataupun negatif. Dengan lebihan kapasiti di beberapa industri tertentu mula berkurangan pada tahun 2000 ekoran pertumbuhan pesat ekonomi, pinjaman berjangka panjang yang disalurkan bagi membiayai pelaburan untuk pertambahan kapasiti, mula meningkat pada tahun ini. Hasilnya, pembayaran balik pinjaman mencatat peningkatan yang marginal iaitu hanya 4% dengan jumlah RM345 bilion pada tahun 2000 berbanding dengan RM331.9 bilion pada tahun 1999. Oleh yang demikian, jumlah pinjaman sektor perbankan, termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta, meningkat sebanyak 5.1% kepada RM446.3 bilion pada akhir tahun 2000. Sekiranya pinjaman yang telah dihapus kira dan ditukar kepada ekuiti dicampurkan semula, jumlah pinjaman meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 6.8%.

Tiada sasaran pertumbuhan pinjaman minimum ditetapkan oleh BNM bagi tahun 2000. Sebagai galakan kepada institusi perbankan untuk terus menyalurkan pinjaman bagi mengukuhkan lagi pemulihan ekonomi, Kerajaan menawarkan insentif cukai kepada

institusi perbankan yang mencatat pertumbuhan pinjaman tahunan sebanyak 10% atau lebih bagi tahun kalendar 2000. Bagi institusi-institusi berkenaan, pendapatan faedah bersih daripada pinjaman dan pendapatan perniagaan yang diperolehi daripada aktiviti pembiayaan secara Islam yang melebihi 8% akan dikecualikan daripada pendapatan boleh cukai. Kira-kira 25 buah institusi perbankan (termasuk dua buah institusi perbankan Islam) layak mendapat manfaat daripada insentif cukai tersebut.

Seperti pada tahun lepas, sejumlah besar dana telah diluluskan bagi membiayai pembelian harta kediaman (18.7% daripada jumlah kelulusan pinjaman pada tahun 2000). Pinjaman yang diluluskan bagi tujuan ini meningkat sebanyak 20.8% berbanding jumlah yang diluluskan pada tahun 1999. Daripada jumlah pinjaman yang diluluskan bagi pembelian harta kediaman, 72.6% adalah untuk pembelian harta kediaman berharga RM250,000 atau kurang. Pinjaman baru yang diluluskan bagi sektor perkilangan bertambah sebanyak 47.3% kepada RM20.8 bilion mencakupi 15.8% daripada jumlah pinjaman yang diluluskan pada tahun 2000. Rejim kadar faedah yang rendah dalam suasana sentimen pengguna dan pelabur yang bertambah baik telah merangsang permintaan yang lebih tinggi terhadap pembiayaan sewa beli sebagaimana yang diperlihatkan melalui peningkatan jualan kereta. Pinjaman baru yang disalurkan bagi membiayai pembelian kenderaan pengangkutan meningkat sebanyak 47.5% kepada RM17.9 bilion atau 13.6% daripada jumlah pinjaman baru yang diluluskan di sepanjang tahun 2000.

Peningkatan pengeluaran pinjaman pada tahun ini sebahagian besarnya adalah kepada sektor perkilangan, yang mencakupi 26% (RM93 bilion) daripada jumlah pengeluaran pinjaman. Sebanyak 17.5% (RM62.7 bilion) lagi daripada pengeluaran keseluruhan disalurkan kepada sektor perdagangan borong, runcit, restoran dan perhotelan. Pengeluaran pinjaman kepada sektor harta benda yang luas merangkumi 18% (RM64.4 bilion) daripada jumlah pengeluaran pinjaman bagi tahun 2000, yang mana sebahagian besarnya (75.8% atau RM48.8 bilion) adalah disalurkan bagi pembelian harta kediaman dan kepada sektor pembinaan.

Analisis pola pembayaran balik pinjaman mengikut sektor juga menunjukkan bahawa pembayaran balik pinjaman yang tertinggi (26.3%) diterima adalah daripada sektor perkilangan disebabkan aliran tunai yang bertambah baik seiring dengan aktiviti ekonomi yang semakin rancak dan prestasi eksport yang kukuh. Sebanyak 17.7% (RM60.9 bilion) lagi adalah merupakan pembayaran pinjaman daripada sektor perdagangan borong, runcit, restoran dan perhotelan.

Dana yang diterbitkan menerusi pasaran bon meningkat dengan ketara pada tahun 2000 apabila pengeluar bon mengambil kesempatan daripada kadar faedah semasa yang rendah untuk menerbitkan dana jangka panjang dan mengunci kos pembiayaan pada kadar faedah yang rendah tersebut. Sepanjang tahun ini, sejumlah RM26.9 bilion sekuriti hutang swasta baru telah diterbitkan, menghasilkan peningkatan di dalam jumlah sekuriti hutang swasta sebanyak 28.8% pada tahun 2000 kepada RM100.8 bilion pada akhir tahun 2000. Secara agregat, jumlah pinjaman (diselaraskan untuk pinjaman yang dihapus kira dan penukaran pinjaman kepada ekuiti) dan jumlah sekuriti hutang swasta mencatat pertumbuhan tahunan sebanyak 10.2% kepada RM554.2 bilion pada akhir tahun 2000.

Kepelbagaian portfolio pinjaman sektor perbankan secara amnya dikekalkan. Berian pinjaman secara gadai janji bagi pembelian harta kediaman dan pinjaman kepada industri perkilangan masing-masing merangkumi 17.5% dan 15.0% daripada jumlah pinjaman pada akhir tahun 2000. Memandangkan gadai janji bagi harta kediaman adalah bercagarkan harta benda dan kadar NPL dari segi sejarahnya adalah rendah, pendedahan kepada sektor harta benda kediaman adalah terkawal dan tidak akan menimbulkan risiko yang tinggi kepada sistem perbankan. Begitu juga dengan sektor perkilangan, di mana pendedahan yang tinggi kepada sektor tersebut telah diagih-agihkan di antara pelbagai subsegmen dan industri di dalam sektor perkilangan itu sendiri.

Berdasarkan unjuran pertumbuhan ekonomi yang lebih sederhana bagi tahun 2001, pertumbuhan pinjaman juga dijangka akan berkembang pada kadar yang agak sederhana. Cabaran yang perlu dihadapi adalah untuk mengekalkan permintaan sektor swasta terhadap pembiayaan baru dan

Graf 4.9
Sistem Perbankan[1]: Nisbah Pinjaman Tidak Berbayar Bersih



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

memastikan bahawa SME akan terus mendapat kemudahan pembiayaan.

Kualiti Aset

Sistem perbankan mencatat tahap NPL yang lebih rendah pada tahun 2000 berbanding dengan tahap pada tahun lepas. Nisbah NPL bersih berdasarkan pengkelasan 6-bulan secara relatifnya kekal stabil di sepanjang tahun 2000, bergerak di dalam jalur yang kecil di antara 0.5 mata peratusan (turun naik di antara 6.3% – 6.8%) sebelum mencatat tahap 6.3% pada akhir bulan Disember 2000. Tahap ini adalah 10 mata asas lebih rendah daripada tahap 6.4% yang telah dicatatkan pada akhir Disember 1999. Sungguhpun NPL kasar telah meningkat sebanyak 3.5%, faedah tergantung telah meningkat sebanyak 21.5% kepada RM8 bilion. Sekiranya faedah tergantung tidak diambil kira, nilai pokok

Jadual 4.8
Sistem Perbankan[1]: Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan Hutang Ragu dan Lapuk

	Pada akhir tahun					
	1999			2000		
	Sebenar[2]	Klasifikasi		Sebenar[2]	Klasifikasi	
		3-bulan	6-bulan		3-bulan	6-bulan
	RM juta					
Bank perdagangan						
Peruntukan am	6,306.5	6,311.8	5,203.6	6,366.9	6,338.8	5,216.6
Faedah tergantung	4,591.9	4,737.6	4,181.7	5,597.7	5,697.3	5,281.4
Peruntukan khas	11,070.6	11,399.1	10,085.6	11,268.2	11,436.1	10,437.7
Pinjaman tidak berbayar	33,451.4	40,267.1	29,182.6	35,441.9	40,640.9	31,329.5
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih (%)[3]	*6.5*	*8.8*	*5.4*	*6.4*	*8.1*	*5.3*
Jumlah peruntukan / Pinjaman tidak berbayar (%)	*65.7*	*55.7*	*66.7*	*65.6*	*57.8*	*66.8*
Syarikat kewangan						
Peruntukan am	1,441.6	1,211.0	1,258.8	1,670.6	1,664.2	1,680.5
Faedah tergantung	1,989.5	2,098.9	1,985.3	2,343.3	2,475.5	2,225.6
Peruntukan khas	5,270.2	4,975.6	5,275.1	4,765.1	4,929.5	4,439.0
Pinjaman tidak berbayar	14,415.2	19,073.4	13,570.5	14,255.4	17,725.3	13,481.5
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih (%)[3]	*9.7*	*16.3*	*8.6*	*9.3*	*13.4*	*8.8*
Jumlah peruntukan / Pinjaman tidak berbayar (%)	*60.4*	*43.4*	*62.8*	*61.6*	*51.2*	*61.9*
Bank saudagar						
Peruntukan am	415.4	406.7	407.6	396.0	355.3	355.8
Faedah tergantung	481.2	520.8	441.0	505.6	566.3	520.9
Peruntukan khas	1,086.5	1,003.7	882.8	819.2	810.4	780.5
Pinjaman tidak berbayar	3,764.5	5,589.9	3,487.5	3,018.4	4,289.7	3,059.6
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih (%)[3]	*12.7*	*23.4*	*12.3*	*10.5*	*18.2*	*10.9*
Jumlah peruntukan / Pinjaman tidak berbayar (%)	*52.7*	*34.5*	*49.6*	*57.0*	*40.4*	*54.2*
Sistem perbankan						
Peruntukan am	8,163.5	7,929.5	6,870.0	8,433.5	8,358.2	7,252.9
Faedah tergantung	7,062.6	7,357.3	6,608.0	8,446.7	8,739.1	8,027.9
Peruntukan khas	17,427.2	17,378.3	16,243.6	16,852.5	17,176.1	15,657.2
Pinjaman tidak berbayar	51,631.1	64,930.3	46,240.6	52,715.7	62,655.8	47,870.7
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih (%)[3]	*7.4*	*11.0*	*6.4*	*7.1*	*9.6*	*6.3*
Jumlah peruntukan / Pinjaman tidak berbayar (%)	*63.2*	*50.3*	*64.3*	*64.0*	*54.7*	*64.6*

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam.
[2] Pinjaman yang diklasifikasikan sebagai pinjaman tidak berbayar mengikut dasar pengkelasan institusi perbankan masing-masing iaitu 3-bulan atau 6-bulan.
[3] Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih = (Pinjaman tidak berbayar selepas ditolak faedah tergantung selepas ditolak peruntukan khas) / (Jumlah pinjaman selepas ditolak faedah tergantung selepas ditolak peruntukan khas) x 100%.

NPL hanya menunjukkan peningkatan marginal sebanyak RM0.2 bilion atau 0.5% kepada RM39.8 bilion pada akhir bulan Disember 2000.

Berdasarkan pengkelasan 3-bulan, jumlah NPL kasar telah menurun sebanyak 3.5% kepada RM62.5 bilion pada akhir bulan Disember 2000. Demikian juga, sekiranya faedah tergantung tidak diambil kira, NPL berdasarkan pengkelasan 3-bulan menunjukkan penurunan yang lebih besar, iaitu, sebanyak 6.4% kepada RM53.9 bilion. Oleh yang demikian, NPL ditolak peruntukan khas dan faedah tergantung, telah menurun sebanyak 8.6% kepada RM36.7 bilion. Hasilnya, nisbah NPL bersih mencatatkan penurunan yang nyata dalam tempoh masa yang sama, daripada 11% kepada 9.6% pada akhir tahun 2000.

Jumlah pinjaman tertunggak juga semakin menurun, terutamanya pinjaman yang tertunggak di antara 2 hingga kurang daripada 3 bulan dan di antara 3 hingga kurang daripada 6 bulan. Jumlah pinjaman tertunggak di antara 3 hingga kurang daripada 6 bulan telah menunjukkan penurunan yang nyata sebanyak 22.7% daripada RM16.8 bilion pada akhir bulan Disember 1999 kepada RM13 bilion pada akhir bulan Disember 2000. Jumlah pinjaman tertunggak di antara 2 hingga kurang daripada 3 bulan pula telah menurun sebanyak 14.8% daripada RM13.3 bilion pada akhir Disember 1999 kepada RM11.3 bilion pada akhir bulan Disember 2000. Secara agregat, pinjaman tertunggak di antara 2 hingga kurang daripada 6 bulan mencakupi hanya 5.9% daripada jumlah pinjaman kasar pada akhir bulan Disember 2000.

Analisis selanjutnya menunjukkan bahawa secara agregat, pinjaman yang tertunggak selama 2 bulan atau lebih (selepas ditolak faedah tergantung dan peruntukan khas) sebagai peratusan daripada jumlah pinjaman bersih, telah menurun daripada 13.8% pada akhir bulan Disember 1999 kepada 12% pada akhir bulan Disember 2000. Di samping itu, jumlah pinjaman lampau tempoh turut menunjukkan aliran menurun, menunjukkan bahawa kes-kes baru pinjaman menjadi tertunggak, semakin berkurangan.

Ujian tekanan berkala yang dijalankan ke atas institusi perbankan juga menunjukkan bahawa di bawah andaian paling ketat dan senario paling buruk, nisbah modal berwajaran risiko sektor perbankan tidak akan jatuh ke tahap bawah 10%. Jumlah peruntukan untuk kerugian pinjaman bagi sistem perbankan telah meningkat sebanyak 4.1% pada tahun 2000, yang mana telah meningkatkan tahap perlindungan kerugian pinjaman bagi sektor perbankan daripada 64.3% pada akhir bulan Disember 1999 kepada 64.6% pada akhir bulan Disember 2000. Jika diambil kira nilai cagaran, tahap perlindungan kerugian pinjaman adalah di tahap 149%. Di samping itu, pengecualian daripada pengkelasan sebagai NPL yang diberikan sebagai insentif untuk mempercepatkan proses penyusunan semula pinjaman di bawah Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat hanyalah mencakupi 1.2% daripada jumlah pinjaman. Oleh yang demikian, pengecualian daripada pengkelasan sebagai NPL yang tamat tempoh bermula tahun 2001 tidak akan menyebabkan peningkatan NPL yang ketara. Tambahan pula, kebanyakan institusi perbankan telah mengamalkan sikap konservatif dengan menggantung pendapatan faedah daripada pinjaman-pinjaman tersebut serta membuat peruntukan khas secara progresif bagi pinjaman-pinjaman berkenaan.

Dengan pertumbuhan ekonomi yang dijangka lebih sederhana pada tahun 2001, sebarang peningkatan di dalam NPL boleh diserap oleh institusi perbankan dan tidak akan menggugat kestabilan sistem perbankan. Ujian tekanan dijalankan secara berkala untuk memastikan supaya sebarang masalah yang mungkin timbul atau bakal muncul dapat ditangani dengan segera supaya kestabilan kewangan dapat dikekalkan dan proses pengantaraan terus berfungsi dengan berkesan.

Graf 4.10
Sistem Perbankan[1]: Profil Pinjaman Tertunggak



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

Dari segi sektor ekonomi, sebahagian besar NPL sistem perbankan masih tertumpu di sektor perkilangan. NPL sektor perkilangan telah meningkat sebanyak 5.6% pada tahun 2000. Walau bagaimanapun, tahap NPL sektor perkilangan masih terkawal, merangkumi 14.1% daripada jumlah pinjaman kepada sektor tersebut. NPL di dalam sektor tersebut kebanyakannya tertumpu kepada perusahaan bersaiz kecil dan sederhana (SME). Oleh yang demikian, beberapa langkah telah diperkenalkan untuk membantu para peminjam SME, seperti Program Usahawan untuk SME, Tabung Pemulihan untuk Industri Kecil dan Sederhana dan Tabung Projek Usahawan Bumiputera (lihat Langkah-langkah Monetari di dalam Bab 2). Syarikat Jaminan Kredit juga telah distruktur semula untuk membolehkannya memainkan peranan yang lebih berkesan di dalam menyokong dan membangunkan sektor SME.

NPL sektor pembinaan telah menurun sebanyak RM101.9 juta dan merangkumi 15% daripada jumlah NPL sektor perbankan atau 22.8% daripada jumlah pinjaman kepada sektor tersebut. Sungguhpun nisbah NPL sektor pembinaan telah meningkat ke paras 22.8% pada akhir bulan Disember 2000 daripada 21.4% pada akhir bulan Disember 1999, peningkatan ini sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh penguncupan jumlah pinjaman kepada sektor ini. Pada akhir bulan Disember 2000, jumlah pinjaman kepada sektor pembinaan telah menurun sebanyak 7.2% berbanding dengan penurunan NPL di dalam sektor tersebut sebanyak 1.3%. Dengan sektor pembinaan secara keseluruhannya dijangka akan mencatat pertumbuhan positif pada tahun 2001, NPL di sektor ini dijangka akan bertambah baik.

Ekoran pertumbuhan kukuh di dalam sektor harta kediaman, pinjaman bagi pembelian harta kediaman telah meningkat sebanyak 17.7% pada tahun 2000. Walau bagaimanapun, NPL di sektor ini hanya meningkat sebanyak 14% daripada RM4.4 bilion kepada RM5.1 bilion pada akhir bulan Disember 2000. Hasilnya, nisbah NPL sektor ini kekal rendah pada tahap 7.1%.

Jadual 4.9
Sistem Perbankan[1]: Pinjaman Tidak Berbayar mengikut Sektor

	Pada akhir tahun				
	Pinjaman tidak berbayar mengikut sektor		Perubahan	Sebagai peratus daripada jumlah pinjaman kepada sektor ini	
	1999	2000	1999/2000	1999	2000
	RM juta		%		
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	690.6	702.5	1.7	7.8	6.4
Perlombongan dan kuari	230.5	210.3	–8.8	16.2	14.7
Perkilangan	8,273.0	8,733.0	5.6	13.8	14.1
Elektrik, gas dan air	102.1	252.9	147.8	1.4	3.3
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	4,272.7	4,678.5	9.5	12.3	13.1
Perdagangan borong	*1,960.1*	*2,007.6*	*2.4*	*10.7*	*10.3*
Perdagangan runcit	*1,276.1*	*1,300.5*	*1.9*	*12.0*	*11.9*
Restoran dan hotel	*1,036.5*	*1,370.4*	*32.2*	*17.4*	*26.4*
Sektor harta benda yang luas	18,949.7	20,666.5	9.1	13.5	14.0
Pembinaan	*8,027.0*	*7,925.1*	*–1.3*	*21.4*	*22.8*
Pembelian harta kediaman	*4,436.1*	*5,055.3*	*14.0*	*7.3*	*7.1*
Pembelian harta bukan kediaman	*3,447.5*	*4,132.4*	*19.9*	*12.6*	*15.5*
Harta tanah	*3,039.2*	*3,553.7*	*16.9*	*20.3*	*24.0*
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	2,082.0	1,917.6	–7.9	15.0	16.8
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	4,192.7	3,029.6	–27.7	13.5	9.6
Kredit penggunaan	6,508.0	6,260.7	–3.8	12.5	10.4
Kegunaan persendirian	*1,619.2*	*1,885.2*	*16.4*	*12.5*	*14.6*
Kad kredit	*275.2*	*377.8*	*37.3*	*5.1*	*5.1*
Pembelian barangan pengguna	*189.5*	*80.3*	*-57.6*	*20.8*	*10.1*
Pembelian kenderaan pengangkutan[2]	*4,424.1*	*3,917.4*	*–11.5*	*13.4*	*10.0*
Pembelian sekuriti	4,746.0	4,580.6	–3.5	19.1	18.8
Perkhidmatan sosial, masyarakat dan persendirian	751.0	754.5	0.5	10.8	12.4
Lain-lain	832.8	928.9	11.5	9.3	8.2
Jumlah	**51,631.1**	**52,715.7**	**2.1**		

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam.
[2] Termasuk kenderaan perdagangan.

Di sebalik prestasi pasaran saham yang kurang memberangsangkan pada tahun 2000, NPL kasar bagi pembelian sekuriti telah mengalami penurunan sebanyak 3.5%. Nisbah NPL bagi pinjaman untuk pembelian sekuriti telah menurun daripada 19.1% pada akhir bulan Disember 1999 kepada 18.8% daripada jumlah pinjaman untuk pembelian sekuriti pada akhir bulan Disember 2000. Peningkatan kualiti aset bagi sektor ini mungkin berpunca daripada pegangan sekuriti sebagai pelaburan jangka panjang dan bukannya bertujuan untuk pelaburan spekulatif jangka pendek.

Risiko pendedahan kepada negara asing oleh institusi perbankan masih kecil dan terkawal, iaitu sebanyak RM36 bilion atau hanya 5.6% daripada jumlah aset sistem perbankan. Daripada jumlah pendedahan ini, pinjaman tidak dijamin kerajaan, yang disalurkan oleh cawangan luar negara dan subsidiari institusi perbankan domestik berjumlah RM16.9 bilion atau lebih kurang 50% daripada jumlah pendedahan. Di samping itu, pendedahan luar kunci kira-kira institusi perbankan dalam bentuk komitmen yang diberikan dan derivatif, hanyalah sebanyak RM13 bilion. Aset-aset ini kebanyakannya terdiri daripada surat kredit (RM6.9 bilion) yang terbit daripada transaksi perdagangan dengan Singapura, Amerika Syarikat, Jepun, Hong Kong, Taiwan, United Kingdom dan Kesatuan Eropah.

Pengurusan Mudah Tunai

Mudah tunai di dalam sistem perbankan kekal pada tahap selesa di sepanjang tahun 2000, yang sebahagian besarnya disokong oleh prestasi eksport yang kukuh yang menyumbang

Graf 4.11
Mudah Tunai Sistem Perbankan pada tahun 2000



Graf 4.12
Sistem Perbankan: Profil Unjuran Lebihan/Kurangan Mudah Tunai Bagi Tempoh Satu Bulan Kehadapan pada 31 Disember 2000



kepada lebihan dagangan yang tinggi. Oleh itu, BNM seringkali campur tangan di pasaran antara bank, bagi memastikan kadar faedah berada di paras yang merangsang persekitaran ekonomi domestik. Jumlah campur tangan BNM dalam bentuk pinjaman antara bank dan terbitan Bil Bank Negara meningkat daripada RM46.1 bilion pada akhir Disember 1999 kepada RM50.2 bilion pada akhir Disember 2000. Hasil daripada pengurusan mudah tunai yang aktif, kadar faedah kekal stabil di sepanjang tahun, menyaksikan purata berwajaran kadar faedah 3 bulan antara bank turun naik dalam julat yang kecil sebanyak 14 mata asas, sebelum mengakhiri tahun pada tahap 3.21% setahun. Purata Kadar Pinjaman Asas bagi bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan juga masing-masing kekal pada tahap 6.78% setahun dan 7.95% setahun.

Rangka Kerja Mudah Tunai baru yang berkuat kuasa 1 Januari 2001 menggalak dan memupuk amalan terbaik di dalam pengurusan mudah tunai. Rangka Kerja baru tersebut memberi pengiktirafan kepada kemampuan dan kelemahan sesebuah institusi di dalam menguruskan mudah tunai. Di sepanjang tahun 2000, sistem perbankan keseluruhannya menjangkakan mudah tunai yang mencukupi untuk memenuhi permintaan pengeluaran luar jangka bagi tempoh sehingga sebulan. Sehingga 31 Disember 2000, institusi perbankan mempunyai lebihan mudah tunai kumulatif sebanyak RM8.6 bilion untuk memenuhi permintaan mudah tunai bagi tempoh seminggu dan lebihan sebanyak RM28.1 bilion

Graf 4.13
Sistem Perbankan[1]: Ketidaksepadanan Kedudukan Kadar Faedah Bersih pada 31 Disember 2000



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

lagi untuk memenuhi permintaan bagi tempoh sebulan. Sistem perbankan secara keseluruhannya mempunyai kapasiti yang mencukupi untuk menyerap kejutan yang timbul akibat penurunan jumlah deposit sehingga 12% dan 15% daripada jumlah deposit masing-masing bagi tempoh seminggu dan sebulan.

Risiko Kadar Faedah

Memandangkan jenis aktiviti perbankan serta kekurangan instrumen melindung nilai jangka panjang di pasaran, pendedahan kadar faedah institusi perbankan terus menyaksikan kedudukan jurang negatif untuk tempoh kematangan jangka pendek tidak melebihi satu tahun, menandakan kedudukan tanggungan melebihi aset. Sebaliknya, tempoh jangka sederhana dan panjang melebihi satu tahun mempamerkan kedudukan jurang positif.

Kedudukan jurang negatif untuk tempoh kematangan pendek timbul ekoran daripada ketidaksepadanan kematangan dalam aset dan profil pendanaan institusi perbankan. Lazimnya, sebahagian besar portfolio aset institusi perbankan terdiri daripada pinjaman, di mana tempoh kematangannya adalah melebihi satu tahun, dan kebanyakannya dibiayai oleh deposit jangka pendek yang tidak melebihi enam bulan. Kedudukan jurang positif dalam tempoh kematangan sederhana dan panjang adalah hasil daripada pegangan sekuriti hutang untuk tujuan pelaburan serta keperluan mudah tunai. Kedudukan jurang negatif dalam tempoh kematangan pendek boleh menyebabkan kerugian sekiranya kadar faedah meningkat.

Walaupun penumpuan diberikan terhadap usaha memperluaskan dasar pendanaan institusi perbankan terutamanya bagi jangka sederhana dan panjang, pasaran instrumen jangka panjang secara relatifnya adalah tidak membangun dari segi kecairan dan kematangan. Selain daripada pembiayaan dari Cagamas, kekurangan instrumen pendanaan bagi jangka panjang telah menghalang keupayaan institusi perbankan untuk melindung nilai kedudukan mereka.

Di dalam menaksirkan anggaran kerugian daripada pergerakan kadar faedah bagi pelbagai tarikh matang, konsep durasi boleh digunakan. Khususnya, kedudukan bersih berwajaran durasi mengukur bakal kerugian yang dianggarkan dalam nilai ekonomi tentang kedudukan institusi perbankan, di dalam dan di luar kunci kira-kira, akibat pergerakan satu mata peratusan dalam kadar faedah. Daripada profil kematangan, sumber utama risiko kadar faedah boleh dijangkakan dalam tempoh kematangan 3 sehingga 10 tahun, yang mana ia menunjukkan kedudukan bersih berwajaran durasi tertinggi sebanyak RM2.7 bilion, mewakili 43% daripada anggaran jumlah kedudukan bersih berwajaran durasi sistem perbankan. Bank perdagangan mempunyai pendedahan sebanyak RM1.5 bilion, diikuti dengan RM1.1 bilion bagi syarikat kewangan dan RM0.2 bilion bagi bank saudagar. Pendedahan tinggi syarikat kewangan adalah ekoran daripada pembiayaan sewa-beli jangka sederhana berkadar faedah tetap berjumlah RM36.5 bilion, mewakili 43% daripada jumlah portfolio pinjaman. Sementara itu, pendedahan bank perdagangan dan bank saudagar dalam tempoh kematangan 3-10 tahun adalah kerana pegangan sekuriti hutang berkadar tetap berjumlah RM15.1 bilion atau 25% daripada jumlah pegangan sekuriti tersebut. Dari segi mata

Jadual 4.10
Sistem Perbankan[1]: Kesan Kenaikan Kadar Faedah Sebanyak 1% ke atas Keuntungan dan Kunci Kira-kira

	Kedudukan bersih berwajaran durasi		
	RM juta	Sebagai peratusan daripada	
		Modal asas (%)	Saiz kunci kira-kira (%)
Bank perdagangan[1]	-4,250.8	-10.3	-0.9
Syarikat kewangan	-1,787.6	-20.1	-1.6
Bank saudagar	-248.6	-5.6	-0.7

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

wang, hampir kesemua pendedahan melibatkan kedudukan ringgit, manakala pendedahan dalam mata wang asing adalah kecil.

Selain daripada risiko kredit, risiko kadar faedah merupakan punca utama risiko, yang boleh mendatangkan kesan buruk pada keuntungan dan kunci kira-kira institusi perbankan. Ketahanan institusi perbankan daripada pergerakan kadar faedah boleh diukur daripada anggaran saiz kedudukan bersih berwajaran durasi kepada modal asas dan jumlah aset. Dalam sektor perbankan, syarikat kewangan secara berkumpulan mempunyai pendedahan terbesar kepada risiko kadar faedah, memandangkan jenis perniagaan syarikat kewangan tersebut. Kenaikan satu mata peratusan boleh mengurangkan modal asas syarikat kewangan sebanyak 20.1%. Pendedahan ini adalah lebih tinggi dari yang dicatatkan pada akhir tahun 1999 iaitu sebanyak 12.9%, akibat daripada pertumbuhan dua digit (23.9%) dalam pembiayaan sewa-beli. Selaras dengan perkembangan pinjaman belum jelas, kesan ketidaksepadanan kadar faedah ke atas modal asas bank perdagangan dan bank saudagar juga meningkat masing-masing kepada 10.3% dan 5.6% pada akhir 2000. Dari segi sensitiviti kunci kira-kira terhadap pergerakan kadar faedah, peralihan satu mata peratusan kadar faedah akan menukar nilai kunci kira-kira sebanyak 0.9% untuk bank perdagangan, 1.6% untuk syarikat kewangan dan 0.7% untuk bank saudagar.

Graf 4.14
Sistem Perbankan[1]: Komposisi Pelaburan Ekuiti



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

Risiko Ekuiti

Pelaburan sistem perbankan di dalam saham tersenarai meningkat sebanyak RM883 juta ataupun 130.4% pada tahun 2000 kepada RM1.6 bilion pada akhir bulan Disember 2000. Selain daripada pelaburan ekuiti menerusi pembelian terus di pasaran (34%), sebahagian besar daripada pegangan saham ini adalah hasil daripada penukaran pinjaman dan penjelasan hutang (62%). Akibatnya, 86.5% (+RM763 juta) daripada peningkatan tersebut adalah disebabkan oleh penukaran pinjaman yang sebahagian besarnya telah dilaksanakan semasa separuh pertama tahun 2000. Pegangan ekuiti hasil daripada aktiviti menaja jamin pula sebaliknya menurun dengan mendadak daripada 20% pada akhir tahun 1999 kepada 4% daripada jumlah pegangan saham tersenarai, disebabkan pelupusan sebahagian besar daripada pegangan saham di sepanjang tahun 2000. Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) yang menunjukkan aliran menaik bagi dua bulan pertama tahun 2000, (KLCI memuncak pada 1,013 mata pada bulan Februari 2000) dan seterusnya berlegar di paras melebihi 800, menyebabkan pegangan ekuiti melalui pembelian terus dari pasaran meningkat secara mendadak sebanyak 49% pada separuh tahun pertama. Namun demikian, tekanan ke bawah yang dialami KLCI pada separuh kedua tahun 2000 telah menyederhanakan kadar pertumbuhan ini kepada 25.6% bagi keseluruhan tahun 2000. Walaupun jumlah pelaburan ekuiti telah meningkat dengan nyata pada tahun 2000, pegangan ekuiti oleh sistem perbankan adalah masih kecil, merangkumi hanya 0.2% daripada jumlah aset sistem perbankan. Begitu juga dengan pegangan saham yang tidak tersenarai yang mana walaupun telah meningkat sebanyak 333% pada tahun 2000, jumlah pegangan tersebut iaitu sebanyak RM905 juta adalah terlalu kecil iaitu hanya 0.1% daripada jumlah aset sistem perbankan.

Dari segi jenis institusi, pegangan saham tersenarai oleh bank perdagangan mencatatkan kadar pertumbuhan yang tertinggi sebanyak 223% (+RM578 juta) manakala pegangan oleh syarikat kewangan dan bank saudagar masing-masing meningkat sebanyak 140% dan 25%. Bank saudagar mempunyai pendedahan yang tertinggi dengan pegangan saham tersenarai di

Graf 4.15
Sistem Perbankan[1]: Taburan mengikut Ekuiti sebagai Peratusan daripada Modal Asas pada 31 Disember 2000



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

tahap 6.9% daripada modal asas, manakala pendedahan ekuiti oleh bank perdagangan dan syarikat kewangan adalah masing-masing di tahap 1.9% dan 4.6% daripada modal asas mereka. Walaupun aktiviti menaja jamin bank saudagar telah berkurangan pada tahun 2000, pendedahan ekuiti bank saudagar meningkat sedikit berikutan pegangan ekuiti daripada penukaran pinjaman yang bertambah. Pegangan ekuiti melalui aktiviti menaja jamin telah merosot daripada 56% daripada jumlah pelaburan ekuiti industri bank saudagar pada akhir tahun 1999 kepada 21% pada akhir tahun 2000. Di peringkat individu, empat buah institusi mempunyai pendedahan ekuiti yang melebihi 20% daripada modal asas masing-masing.

Mencerminkan pasaran saham yang meruap sedikit, anggaran potensi penurunan nilai ekuiti berdasarkan turun naik KLCI bagi tempoh 10 hari pada tahun 2000 hanyalah 10%. Berdasarkan turun naik ini, potensi kerugian sistem perbankan disebabkan kejatuhan KLCI hanyalah sebanyak 0.3% daripada jumlah modal asas walaupun terdapat peningkatan yang ketara di dalam jumlah pelaburan ekuiti oleh sistem perbankan. Bank saudagar mencatat risiko ekuiti yang tertinggi iaitu sebanyak 0.7% berdasarkan saiz modal asas mereka yang kecil. Namun demikian, peratusan ini adalah jauh lebih rendah daripada tahap 1.2% yang dicatatkan pada tahun 1999. Pada masa yang sama, risiko ekuiti bank perdagangan dan syarikat kewangan pula masing-masing meningkat sebanyak 10 mata asas kepada 0.2% dan 0.5% untuk tahun 2000.

Memandangkan jumlah pelaburan ekuiti oleh institusi perbankan adalah kecil dan tertakluk kepada had-had berhemat yang ditetapkan oleh BNM, pergerakan di dalam harga ekuiti dijangka tidak akan mengurangkan nilai pegangan ekuiti sistem perbankan dengan ketara sehingga boleh menjejaskan kedudukan modal sistem perbankan.

Risiko Mata Wang Asing

Sistem perbankan mencatatkan penurunan di dalam kedudukan tidak dilindung tukaran mata wang asing bersih, dengan kedudukan lebihan belian secara keseluruhannya di sepanjang tahun. Kedudukan mata wang asing tidak dilindung bersih menurun sebanyak RM1.2 bilion (-40%) kepada RM1.8 bilion pada akhir tahun 2000.

Jumlah pegangan aset mata wang asing oleh institusi perbankan mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 17.7%, untuk mengambil manfaat daripada kadar faedah dolar Amerika Syarikat yang lebih tinggi, manakala tanggungan

Jadual 4.11
Sistem Perbankan[1]: Pendedahan kepada Ekuiti

	Kedudukan ekuiti[2] (RM juta)		Ekuiti[2]/Modal asas (%)		Potensi kerugian ekuiti[2] /Modal asas (%)	
	1999	2000	1999	2000	1999	2000
Bank perdagangan	259.1	836.9	0.6	1.9	0.1	0.2
Syarikat kewangan	174.0	417.3	2.1	4.6	0.4	0.5
Bank saudagar	244.1	305.8	6.1	6.9	1.2	0.7
Sistem perbankan[1]	677.2	1,560.0	1.2	2.8	0.2	0.3

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam.
[2] Merujuk kepada pelaburan dalam saham tersenarai sahaja.

mata wang asing kekal stabil. Kedudukan ini menghasilkan pertumbuhan aset mata wang asing bersih sebanyak RM5.8 bilion kepada RM10.5 bilion pada akhir tahun 2000. Walau bagaimanapun, pertumbuhan di dalam aset mata wang asing bersih diimbangi oleh penurunan di dalam urus niaga kontrak hadapan. Di sepanjang tahun 2000, institusi-institusi perbankan merupakan penjual bersih bagi kontrak hadapan mata wang asing. Bermula dengan kedudukan lebihan jualan sebanyak RM0.8 bilion pada akhir tahun 1999, kedudukan lebihan jualan bersih institusi perbankan telah meningkat secara berterusan kepada RM8.2 bilion. Peningkatan di dalam permintaan kontrak hadapan mata wang asing sebahagian besarnya didorong oleh pengimport yang mengambil kesempatan daripada perbezaan di antara kadar faedah Dolar Amerika dan Ringgit, dengan membeli kontrak hadapan bagi obligasi mata wang asing dan memanfaatkan diskaun ke atas kontrak hadapan. Pada masa yang sama, institusi perbankan mempertingkatkan deposit mata wang asing antara bank, sebanyak RM7.5 bilion kepada RM22 bilion pada akhir tahun 2000, sebahagian besarnya bagi tempoh matang kurang daripada 3 bulan. Tahap peningkatan tersebut adalah lebih ketara pada separuh tahun kedua berikutan pelebaran di dalam julat perbezaan di antara

Graf 4.16
Sistem Perbankan[1]: Pendedahan Mata Wang Asing



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

Graf 4.17
Sistem Perbankan[1]: Taburan Kedudukan Mata Wang Asing Tidak Dilindung Bersih pada 31 Disember 2000



[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam

kadar faedah Dolar Amerika dan Ringgit akibat peningkatan kadar faedah bank pusat Amerika sebanyak 3 kali pada tahun 2000 (Februari, Mac dan Mei), berjumlah 100 mata asas kepada 6.50% setahun.

Walau bagaimanapun, kadar pendedahan bersih terhadap risiko mata wang asing bagi institusi perbankan adalah terkawal. Pada akhir tahun 2000, kedudukan mata wang asing tidak dilindung bersih bagi bank perdagangan dan bank saudagar, sebagai peratusan modal asas, masing-masing berada pada paras 4.2% dan 0.4%, berbanding dengan 6.8% dan 2.3% pada akhir tahun 1999. Sebanyak sebelas buah institusi perbankan daripada 43 buah bank perdagangan dan bank saudagar mempunyai nisbah kedudukan tidak dilindung bersih kepada modal asas melebihi 5%, yang mana lima daripadanya mencatat pendedahan bersih melebihi 10%. Kadar pendedahan mata wang asing yang tinggi di kalangan bank milik asing kebanyakannya berpunca daripada urus niaga dengan bank induk masing-masing di luar negara.

Dari segi pendedahan kepada mata wang asing, institusi perbankan sebahagian besarnya terdedah

Jadual 4.12
Ketidaksepadanan Mata Wang Asing pada 31 Disember 2000 (RM juta)

	<1minggu	1minggu -<1 bulan	1-<3 bulan	3-<6 bulan	6-<1 tahun	≥ 1tahun
Kedudukan ketidak-sepadanan	–3,644.6	–775.9	2,110.3	869.1	–888.1	1,867

kepada Dolar Amerika dan Dolar Singapura, mencerminkan penyelesaian urus niaga perdagangan yang besar di dalam kedua-dua mata wang tersebut. Profil kecairan bagi mata wang asing pula menonjolkan kecenderungan kepada kedudukan perbezaan negatif bagi tempoh kematangan kurang daripada sebulan, yang ditampung oleh aset dengan kematangan bagi tempoh satu hingga enam bulan. Dengan kecenderungan kepada dasar monetari yang lebih longgar di Amerika Syarikat dan beberapa negara lain, julat di antara kadar faedah domestik dan luar negara dijangka akan mengecil, manakala kecenderungan terhadap kedudukan perbezaan negatif jangka pendek akan menyederhana.

Kekukuhan Modal

Prestasi keuntungan dan keadaan ekonomi domestik yang semakin bertambah baik terus mengukuhkan lagi kedudukan modal sistem perbankan dengan nisbah aset berwajaran risiko kekal berada pada paras melebihi 12% di sepanjang tahun berbanding tahap keperluan minimum 8%. Nisbah modal utama turut kukuh di sepanjang tahun, tidak pernah jatuh di bawah paras 10.5% dan jauh melebihi nisbah minimum antarabangsa, iaitu 4%.

Jumlah modal kumpulan-1 sistem perbankan meningkat sebanyak RM3.9 bilion (8.8%) kepada RM48.9 bilion pada akhir tahun 2000. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh tahap keuntungan lebih tinggi yang dicatat oleh sistem perbankan. Walaupun terdapat pembayaran balik suntikan modal Danamodal sebanyak RM810 juta oleh 3 buah institusi perbankan, jumlah modal kumpulan-2 hanya berkurangan sedikit sahaja sebanyak RM53.1 juta kerana ianya diimbangi oleh peningkatan peruntukan am sebanyak RM0.8 bilion pada tahun 2000. Secara keseluruhannya, jumlah modal asas meningkat sebanyak 3.2% atau RM1.8 bilion kepada RM56.2 bilion.

Berikutan pertumbuhan pinjaman yang lebih kukuh pada tahun 2000, jumlah aset berwajaran risiko bagi sistem perbankan meningkat sebanyak 4.2% atau RM18.5 bilion kepada RM457 bilion pada akhir tahun 2000. Pengembangan aset berwajaran risiko ini sebahagian besarnya berpunca daripada aset dalam kategori berwajaran risiko 100% dan 50% yang masing-masing meningkat sebanyak RM13.9 bilion atau 3.6% dan RM11.0 bilion atau 16.3%, ekoran pengembangan yang berterusan dalam pembiayaan gadai janji.

Dari segi jenis institusi, nisbah aset berwajaran risiko bagi syarikat kewangan dan bank saudagar pada tahun 2000 menunjukkan peningkatan yang ketara, masing-masing daripada 10.8% pada akhir Disember 1999 kepada 11.6% pada akhir Disember 2000 dan daripada 14.5% kepada 16.6%. Secara keseluruhannya, sistem perbankan menunjukkan penurunan dalam nisbah aset berwajaran risiko bagi tempoh September sehingga Disember 2000 disebabkan oleh kerugian yang dialami oleh beberapa institusi perbankan. Kerugian tersebut memberi kesan serta-merta ke atas kedudukan modal institusi berkenaan, manakala keuntungan yang dicatat oleh institusi perbankan lain hanya boleh dimasukkan sebagai sebahagian daripada modal, setelah diaudit dan diluluskan oleh BNM. Sekiranya keuntungan interim tersebut diambil kira, nisbah modal berwajaran risiko akan meningkat daripada 12.3% kepada 13.2%.

Jadual 4.13
Sistem Perbankan[1]: Komponen Modal

	Pada akhir tahun		Perubahan tahunan	
	1999	2000		
	RM juta		RM juta	%
Modal kumpulan-1	44,954.8	48,889.0	3,934.1	8.8
Modal kumpulan-2	14,980.8	14,927.7	–53.1	–0.4
Jumlah modal	59,935.6	63,816.7	3,881.1	6.5
Selepas menolak:				
Pelaburan di dalam anak-anak syarikat dan pegangan modal institusi perbankan lain	5,521.0	7,647.2	2,126.2	38.5
Modal asas	54,414.6	56,169.5	1,754.9	3.2
Aset berisiko:				
0%	121,707.4	118,145.9	–3,561.5	–2.9
10%	21,754.8	17,591.7	–4,163.0	–19.1
20%	103,923.0	101,363.3	–2,559.8	–2.5
50%	67,848.2	78,878.9	11,030.7	16.3
100%	381,651.6	395,552.7	13,901.1	3.6
Jumlah aset berwajaran risiko	438,535.8	457,024.0	18,488.2	4.2
Nisbah modal berwajaran risiko (%)				
Sistem perbankan[1]	**12.4**	**12.3**	**–0.1**	
Bank perdagangan	12.6	12.1	–0.5	
Syarikat kewangan	10.8	11.6	0.8	
Bank saudagar	14.5	16.6	2.1	

[1] Tidak termasuk institusi perbankan Islam.

Penurunan nisbah aset berwajaran risiko daripada 12.8% pada akhir November 2000 kepada 12.3% pada akhir Disember 2000 adalah juga disebabkan oleh penyempurnaan cadangan penggabungan beberapa institusi perbankan. Penggabungan tersebut telah mengakibatkan penguncupan modal asas sistem perbankan pada bulan Disember 2000 disebabkan modal asas institusi-institusi yang diambil alih telah terkeluar daripada pengiraan, sedangkan aset berwajaran risiko institusi-institusi tersebut diagregatkan bersama dengan bank induk masing-masing. Penggabungan ini juga telah mengakibatkan peningkatan yang ketara dalam pelaburan dalam anak syarikat sebanyak RM2.13 bilion atau 38.5% pada tahun 2000 kepada RM7.65 bilion. Peningkatan ini mengimbangi sebahagian daripada kenaikan jumlah modal kumpulan-1 yang meningkat sebanyak 8.8% pada tahun 2000.

Selaras dengan matlamat keseluruhan untuk mengukuhkan daya tahan institusi perbankan dan memperbaiki tahap pemodalan sistem perbankan, jumlah minimum wang modal yang tidak terjejas oleh kerugian bagi institusi perbankan domestik (terdiri daripada bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank saudagar) telah dinaikkan kepada RM2 bilion. Bagi institusi perbankan milik asing pula, keperluan wang modal minimum telah dinaikkan kepada RM300 juta. Kesemua institusi perbankan diberi tempoh sehingga 31 Disember 2001 untuk mematuhi keperluan modal baru tersebut.

Perbankan Islam

Sektor perbankan Islam mencatatkan prestasi yang kukuh sejajar dengan pertumbuhan ekonomi negara yang semakin pesat. Bahagian pasaran perbankan Islam berbanding sistem perbankan dari segi aset meningkat daripada 5.5% pada tahun 1999 kepada 6.9% pada tahun 2000, manakala deposit dan pembiayaan perbankan Islam masing-masing mencatatkan bahagian pasaran sebanyak 7.4% dan 5.3%. Pada akhir Disember 2000, terdapat 49 peserta dalam sistem perbankan Islam, terdiri daripada dua bank Islam dan 47 institusi perbankan konvensional yang menyertai Skim Perbankan Islam (institusi perbankan SPI). Institusi perbankan Islam SPI terdiri daripada 21 bank perdagangan, 14 syarikat kewangan, lima bank saudagar dan tujuh syarikat diskaun. Apabila proses penggabungan institusi-institusi perbankan dalam negeri disempurnakan kelak, bilangan peserta dijangkakan akan berkurangan kepada 35, terdiri daripada dua bank Islam dan 33 institusi perbankan SPI (13 bank perdagangan, lapan syarikat kewangan, lima bank saudagar dan tujuh syarikat diskaun).

Pada tahun 2000 dan awal tahun 2001, BNM telah mengambil langkah-langkah bersepadu untuk memastikan perbankan Islam bukan sahaja dapat memainkan peranan yang lebih penting di dalam pembangunan sistem kewangan di Malaysia, malahan pembangunannya akan memastikan keperluan pelanggan di Malaysia dan di rantau ini dipenuhi. Satu pencapaian besar dalam hala tuju perkembangan perbankan Islam untuk masa hadapan ialah pelancaran pelan induk sektor kewangan pada bulan Mac 2001, yang turut memaparkan pelan induk 10 tahun perbankan Islam dan takaful. Objektif keseluruhan pelan induk perbankan Islam dan takaful adalah untuk mewujudkan satu sistem kewangan Islam yang cekap, progresif dan lengkap selain daripada mempromosi Malaysia sebagai pusat perbankan dan kewangan Islam di rantau ini. Sehubungan ini, langkah-langkah akan ditumpukan untuk membina keupayaan institusi perbankan Islam (terdiri daripada bank-bank Islam dan institusi perbankan SPI) agar dapat bersaing secara berkesan untuk menguasai sekurang-kurangnya 20% daripada bahagian pasaran perbankan menjelang tahun 2010. Selain daripada itu, langkah-langkah khusus akan diambil untuk membangunkan infrastruktur kewangan dan rangka kerja pengawalseliaan bagi menyokong perkembangan industri perbankan Islam. Infrastruktur kewangan yang lengkap dengan rangka kerja Syariah dan perundangan yang berkesan akan meletakkan Malaysia dalam kedudukan terbaik untuk menerajui perbankan dan kewangan Islam di rantau Asia Timur. Sebuah jabatan khusus, iaitu Jabatan Perbankan Islam dan Takaful telah ditubuhkan di BNM dan jabatan ini dipertanggungjawabkan untuk merumus strategi-strategi dan dasar-dasar perbankan Islam selain daripada mengawalselia aktiviti-aktiviti perbankan Islam. Jabatan berkenaan juga dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan saranan-saranan yang terkandung dalam pelan induk perbankan Islam dan takaful.

Rencana IV

Penyeliaan Perbankan

Pengenalan

Penyeliaan perbankan memainkan peranan yang sangat penting dalam melindungi keutuhan dan kestabilan sistem kewangan. Matlamat utama penyeliaan perbankan adalah untuk menggalakkan sistem kewangan yang kukuh dan stabil, berdaya saing dan mampu bertahan daripada kejutan dalaman dan luaran. Alaf baru membawa pelbagai cabaran kepada penyelia perbankan. Berikutan perkembangan pesat inovasi kewangan dan teknologi, fungsi-fungsi asas perbankan, saluran pembayaran dan penghantaran dan juga risiko-risiko yang berkaitan telah mengalami perubahan yang ketara.

Penyatuan industri perbankan di Malaysia telah mewujudkan konglomerat kewangan yang lebih besar yang juga akan meningkatkan bidang, skop dan kompleksiti operasi perbankan. Integrasi pasaran dan peningkatan globalisasi akan menjadikan sempadan pasaran semakin kurang nyata dan seterusnya menjadikan ekonomi lebih terbuka dan meningkatkan persaingan pasaran. Berikutan daripada perkembangan landskap ini, penyelia perbankan perlu lebih berinovatif dan berpandangan jauh dalam merangka strategi dan proses penyeliaan.

Penyeliaan Berasaskan Risiko

BNM sentiasa meningkatkan teknik-teknik penyeliaan sejajar dengan perubahan tersebut bagi menilai dengan lebih baik risiko-risiko yang semakin kompleks yang dihadapi oleh institusi perbankan. Penilaian ke atas kedudukan kewangan sesebuah institusi perbankan pada satu-satu masa adalah tidak lagi mencukupi memandangkan kedudukan kewangan institusi perbankan berubah dari masa ke semasa dalam jangkamasa yang singkat. Ini dapat diselesaikan dengan memastikan kewujudan kawalan-kawalan yang bersesuaian supaya risiko-risiko ini dapat diuruskan secara berkesan.

Konsep ini terdapat dalam pendekatan berasaskan risiko yang mengutamakan keperluan untuk menilai kecukupan sistem dan kawalan pengurusan risiko, di samping mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang boleh memberi kesan ke atas prestasi kewangan dan juga keutuhan institusi kewangan. Oleh yang demikian, sumber penyeliaan ditumpukan kepada penilaian cara-cara institusi perbankan mengurus dan mengawal risiko, serta memastikan sama ada pihak pengurusan memahami dan memantau risiko secara berterusan. Untuk membantu institusi perbankan merangka proses pengurusan risiko, garis panduan minimum seperti garis panduan mengenai pengurusan risiko kredit, perbankan internet dan derivatif telah dikeluarkan.

Pendekatan penyeliaan berasaskan risiko meliputi:-

- Pengawasan luar premis *(off-site)* yang dinamik untuk mengenal pasti permasalahan institusi kewangan di peringkat awal;
- Perancangan efektif yang dikhususkan untuk pemeriksaan mengikut saiz dan aktiviti institusi kewangan; dan
- Penumpuan sumber penyeliaan ke atas bidang yang boleh mendedahkan institusi kewangan kepada risiko yang lebih tinggi.

Pengawasan luar premis bertumpu kepada analisis maklumat kewangan, nisbah dan tren yang meliputi kecukupan modal, kualiti aset, pengurusan, prestasi pendapatan dan kedudukan kecairan institusi perbankan. Objektif utama penyeliaan berasaskan risiko adalah untuk mengenal pasti masalah di peringkat awal. Untuk mencapai matlamat ini, BNM telah mewujudkan sistem pengawasan luar premis yang lebih dinamik. Sistem pengawasan ini memberi analisis yang teliti terhadap maklumat kewangan dan bukan kewangan dalam mengenal pasti institusi perbankan yang bermasalah di peringkat awal.

Proses pemeriksaan di premis *(on-site)* juga telah diselaraskan bagi memberi tumpuan yang lebih kepada penilaian jenis dan tahap sesuatu risiko yang dihadapi oleh institusi perbankan. Pemeriksaan menekankan penilaian risiko kredit, pasaran, kecairan dan operasi. Ini dilaksanakan melalui penggunaan teknik terkini termasuk tanda aras ke atas sistem institusi perbankan berbanding dengan amalan perbankan yang terbaik. Pemeriksaan di premis yang menggunakan pendekatan berasaskan risiko adalah tidak terhad kepada satu set prosedur yang rutin dan tetap. Prosedur yang akan dilaksanakan diubahsuai mengikut kesesuaian institusi perbankan yang dinilai. Institusi perbankan yang mempamerkan darjah

risiko yang lebih tinggi akan diawasi secara berterusan dan diperiksa di premis dengan lebih kerap.

Tadbir Urus Korporat

Pendekatan penyeliaan yang berasaskan risiko juga menyediakan sebuah rangka kerja penilaian yang lebih berkesan ke atas tadbir urus institusi kewangan. Dalam menjalankan penilaian, elemen-elemen berikut dikaji:-

- Kecukupan pengawasan oleh lembaga pengarah dan pihak pengurusan;
- Kecukupan polisi dan prosedur;
- Kecukupan proses dalam mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko; dan
- Audit dan sistem kawalan dalaman yang menyeluruh.

Sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan tahap tadbir urus institusi perbankan, BNM telah mengeluarkan Garispanduan mengenai Tugas dan Tanggungjawab Pengarah dan Perlantikan Ketua Eksekutif. Objektif garispanduan ini adalah untuk memastikan wujudnya Lembaga Pengarah yang efektif bagi memikul tanggungjawab sepenuhnya ke atas keseluruhan pengurusan institusi perbankan. Adalah juga dijangkakan dengan peningkatan kecekapan fungsi audit dalaman institusi perbankan, penggantungan yang lebih tinggi dapat diletakkan ke atas sistem kawalan dalaman bagi mewujudkan operasi, laporan kewangan dan pengawalseliaan yang lebih efektif dan juga membantu kepatuhan ke atas undang-undang, peraturan serta polisi dan prosedur dalaman. Bagi mencapai tujuan ini, BNM telah mengeluarkan Garispanduan Piawaian Audit Minimum untuk Juruaudit Dalaman institusi perbankan.

Kesan Keadaan Ekonomi Makro ke atas Sistem Perbankan

Walaupun dengan pengawalan yang berhemat, ketidakstabilan secara menyeluruh mungkin timbul berpunca daripada perubahan dalam keadaan ekonomi makro. Ini termasuk keadaan ekonomi makro yang kurang baik, pasaran kewangan yang tidak stabil dan kejutan luaran seperti krisis kewangan yang berlaku pada tahun 1997. Institusi perbankan secara kolektif juga boleh membuat penilaian yang kurang tepat ke atas prestasi sesetengah sektor yang boleh menyebabkan pendedahan melampau atau pemberian kredit yang berlebihan.

Dengan itu, mekanisme untuk memantau tren, tumpuan dan bidang risiko yang baru dalam sistem perbankan telah diwujudkan supaya langkah pencegahan/baik pulih berhemat boleh diambil untuk menghalang sebarang kesan negatif ke atas sistem kewangan. Satu mekanisme yang penting iaitu **ujian tekanan ke atas institusi perbankan** telahpun diwujudkan oleh penyelia bank dan institusi perbankan sendiri. Ujian ini dilakukan dengan mengambil kira perubahan-perubahan dalam keadaan ekonomi makro, pasaran kewangan dan perkembangan luaran untuk menguji daya tahan sistem perbankan. Ujian tekanan ini adalah sangat penting kerana ia dapat mendedahkan magnitud portfolio yang berisiko akibat keadaan ekonomi makro yang semakin mencabar. Memandangkan kecukupan modal institusi perbankan bergantung kepada nilai cagaran portfolio pinjaman, sebarang kemerosotan dalam nilai cagaran akan memberi kesan yang ketara terhadap keutuhan kewangan institusi-institusi perbankan. Oleh itu, ujian tekanan ini boleh mendedahkan potensi keadaan mudah terjejas di dalam sistem perbankan. Maklumat yang berpandangan jauh ini adalah berguna dalam penggubalan polisi dan perlaksanaan langkah-langkah pencegahan bagi menangani masalah yang mungkin timbul di peringkat institusi dan sistem kewangan sebelum ianya menjadi lebih ketara bagi menjamin kestabilan sistem kewangan.

Cabaran Berterusan yang Dihadapi oleh Penyeliaan Perbankan

Perbankan Elektronik

Walaupun diakui jenis-jenis risiko asas yang berhubung kait dengan perbankan elektronik bukan sesuatu yang baru, cara kemunculan risiko-risiko tersebut serta potensi dan kesan yang begitu cepat ke atas bank akan menjadi satu cabaran baru kepada penyelia perbankan. Perubahan pesat dalam inovasi teknologi yang menyokong pertumbuhan perbankan elektronik, peningkatan penggunaan khidmat pihak ketiga dan penggunaan rangkaian terbuka yang meluas seperti internet, akan juga memerlukan penyelia perbankan meningkatkan usaha untuk mengendalikan proses pengurusan risiko yang lebih teliti dan berterusan. Bagi menghadapi cabaran ini, keutamaan perlu diberi kepada peningkatan latihan teknikal bagi penyelia yang

sedia ada di samping mengambil kepakaran luar, bagi memastikan penyelia sentiasa peka dengan perkembangan pasaran dan teknologi yang kompleks.

Penyeliaan Bersepadu

Penyatuan industri perbankan dan kemunculan struktur kumpulan yang lebih kompleks memerlukan peningkatan rangka kerja bagi penyeliaan bersepadu. Rangka kerja tersebut harus mengambil kira konglomerat kewangan dengan komponen entiti yang mengandungi pelbagai keperluan modal dan faktor-faktor risiko. Penyelia perbankan perlu memastikan kedudukan kewangan konglomerat tidak hanya dinilai pada peringkat institusi tetapi juga di peringkat kumpulan. Di samping itu, terdapat keperluan untuk mengimbangi di antara sinergi dan kecekapan kumpulan dan memastikan aktiviti konglomerat kewangan tidak menghasilkan risiko sistemik yang keterlaluan. Pra-syarat yang perlu ada dalam rangka kerja penyeliaan bersepadu ialah perkongsian maklumat yang berkesan di antara pelbagai badan kawalselia.

Persetujuan Modal Baru

Perlaksanaan Persetujuan Modal Baru yang kini di peringkat akhir pasti akan menimbulkan pelbagai cabaran. Persetujuan tersebut memerlukan bank merangka sistem penarafan kredit dalaman masing-masing. Sistem ini membolehkan portfolio pinjaman diklasifikasikan menurut kelas-kelas risiko berdasarkan gred yang telah ditentukan dan klasifikasi ini digunakan untuk tujuan pembahagian modal, penentuan nilai harga pinjaman serta penentuan rizab hutang lapuk. Penyelia perbankan mempunyai dua tugas, iaitu memastikan institusi perbankan merangka sistem penarafan dalaman masing-masing serta melengkapkan diri agar dapat menilai kecukupan dan kecekapan sistem tersebut. Ini merupakan proses yang berterusan dan kebanyakan institusi perbankan kini sedang dalam proses merangka sistem penarafan ini.

Inisiatif dan Kerjasama Antara Sempadan

Rundingan dan kerjasama yang lebih kerap di antara penyelia pelbagai badan kawalselia dan rakan setara di peringkat antarabangsa perlu diwujudkan, terutamanya dalam bidang yang melibatkan isu-isu penyeliaan antara sempadan dan merangka amalan-amalan terbaik penyeliaan perbankan serantau. BNM akan terus aktif dalam kumpulan kerja di peringkat antarabangsa seperti kumpulan kerja yang dihasilkan melalui mesyuarat-mesyuarat Executives' Meeting of East Asia and Pacific Central Banks (EMEAP), South-East Asian Central Banks (SEACEN), South East Asia, New Zealand and Australia Central Banks (SEANZA) dan Asia Pasific Economic Co-operation (APEC). Kumpulan kerja ini membolehkan penyelia perbankan berkongsi pengalaman, pengetahuan dan yang paling penting, amalan-amalan terbaik yang diamalkan oleh penyelia perbankan.

Kesimpulan

Penyeliaan perbankan akan terus memainkan peranan dan melengkapkan diri bagi menghadapi cabaran di samping menggalakkan kestabilan sistem perbankan. Tumpuan akan terus diberikan kepada penyeliaan berasaskan risiko, langkah-langkah pencegahan dan menjalin kerjasama yang lebih rapat di antara badan kawalselia serantau dan antarabangsa bagi tujuan menggalakkan perkongsian pengalaman, pengetahuan dan amalan-amalan terbaik. Penyeliaan perbankan yang berkesan adalah sangat penting untuk menyokong keutuhan tunggak ekonomi negara dan memastikan dua matlamat BNM, iaitu kestabilan kewangan dan monetari dicapai untuk kemakmuran dan kemewahan jangka panjang negara. Walaupun penyeliaan perbankan menyediakan rangka kerja umum bagi memastikan kestabilan kewangan, tanggungjawab utama untuk memastikan keutuhan setiap institusi perbankan terletak pada lembaga pengarah dan pihak pengurusan masing-masing.

Jadual 4.14
Perbankan Islam: Data Utama

	Pada akhir tahun		Perubahan (%)	
	1999	2000	1999	2000
Bilangan institusi	**52**	**49**	**6.1**	**–5.8**
Bank perdagangan	22	21	–12.0	–4.5
Syarikat kewangan	16	14	–11.1	–12.5
Bank saudagar	5	5	–	–
Bank Islam	2	2	100.0	–
Syarikat diskaun	7	7	–	–
Jumlah aset (RM juta)	**36,136**	**47,068**	**65.3**	**30.3**
Bank perdagangan	15,589	20,094	33.6	28.9
Syarikat kewangan	4,806	7,150	41.6	48.8
Bank saudagar	1,439	1,507	80.8	4.7
Bank Islam	11,724	14,029	97.5	19.7
Syarikat diskaun	2,578	4,288	–	66.3
Jumlah deposit (RM juta)	**24,804**	**35,923**	**50.6**	**44.8**
Bank perdagangan	10,576	16,091	13.8	52.1
Syarikat kewangan	3,033	5,393	–1.3	77.8
Bank saudagar	401	867	49.8	116.2
Bank Islam	9,685	11,304	140.4	16.7
Syarikat diskaun	1,109	2,268	–	104.5
Jumlah pembiayaan (RM juta)	**13,724**	**20,891**	**28.0**	**52.2**
Bank perdagangan	4,920	8,606	9.2	74.9
Syarikat kewangan	2,996	5,090	42.1	69.9
Bank saudagar	778	769	84.8	–1.2
Bank Islam	5,030	6,426	37.8	27.8
Syarikat diskaun	–	–	–	–
Nisbah pembiayaan-deposit (%)	**55.3**	**58.2**	**–15.0**	**2.8**
Bank perdagangan	46.5	53.5	–4.0	7.0
Syarikat kewangan	98.8	94.4	44.0	–4.4
Bank saudagar	194.0	88.7	23.4	–105.3
Bank Islam	51.9	56.8	–42.7	4.9
Syarikat diskaun	–	–	–	–
Bilangan cawangan	**128**	**131**	**2.4**	**2.3**
Bank perdagangan	6	7	–14.3	16.7
Syarikat kewangan	2	2	–33.3	–
Bank Islam	120	122	50.0	1.7
Bilangan kaunter	**2,095**	**2,087**	**–21.5**	**–0.4**
Bank perdagangan	1,370	1,338	–15.4	–2.3
Syarikat kewangan	719	745	–6.1	3.6
Bank saudagar	6	4	–	–33.3

Sepanjang tahun 2000, usaha berterusan telah dilaksanakan bagi menyokong perkembangan sistem perbankan Islam. Antara usaha dan kajian semula yang telah dilaksanakan pada tahun 2000 adalah seperti berikut:

(i) Institusi perbankan Islam dibenarkan untuk menawarkan produk pembiayaan kadar terapung secara Islam tertakluk kepada kelulusan BNM. Langkah ini diharapkan akan mengurangkan risiko ketakpadanan aset dan liabiliti institusi perbankan Islam secara lebih cekap serta merangsang inovasi produk dalam industri ini;

(ii) Pindaan telah dibuat ke atas Garis panduan Instrumen Boleh Niaga Secara Islam (INI) dari segi penetapan harga, spesifikasi penerbitan, struktur kematangan dan amalan pasaran yang seragam. Pindaan-pindaan ini akan memberi fleksibiliti kepada institusi perbankan Islam dalam menstruktur INI dengan lebih berkesan bagi memenuhi keperluan pembiayaan mereka dan keperluan pelanggan yang semakin berbeza. Ia juga akan meningkatkan bekalan instrumen kewangan Islam berjangka panjang dalam pasaran wang secara Islam dan menanam keyakinan di kalangan peserta menerusi amalan pasaran yang seragam; dan

(iii) Bank-bank perdagangan SPI dibenarkan untuk menawarkan kemudahan pajakan Islam di bawah konsep Al-Ijarah Thumma Al-Bai, tertakluk kepada syarat bahawa kemudahan pajakan Islam tersebut adalah untuk pembiayaan peralatan industri dan mesin berat yang bernilai lebih daripada RM200,000.

BNM telah menetapkan sasaran bahawa institusi perbankan SPI dikehendaki menguasai sekurang-kurangnya lima peratus perniagaan perbankan Islam dari segi aset, deposit dan pembiayaan berbanding perniagaan institusi perbankan berkenaan menjelang akhir tahun 2000. Pada akhir Disember 2000, lima bank perdagangan, enam syarikat kewangan dan dua bank saudagar telah berjaya mencapai sasaran bagi ketiga-tiga komponen yang ditetapkan.

Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan

Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan untuk Perbankan Islam dan Takaful (Majlis) telah mengadakan lima mesyuarat sepanjang tahun 2000. Berikutan pelantikan seorang lagi ahli Majlis pada bulan Oktober 2000, bilangan ahli Majlis telah bertambah kepada tujuh orang. Pada tahun 2000, Majlis telah membincangkan lebih daripada 20 isu Syariah berhubung dengan operasi perbankan Islam dan takaful. Di antara keputusan-keputusan yang dicapai dalam beberapa isu penting, adalah seperti berikut:

(i) Institusi perbankan Islam dibenarkan memasukkan klausa ibra' (rebet) di dalam perjanjian pembiayaan sekiranya klausa tersebut tidak dianggap sebagai syarat kepada urus niaga berkenaan. Isu gharar (ketidakpastian) dalam urus niaga tidak timbul sekiranya klausa tersebut

didokumenkan dengan jelas dan terperinci dalam perjanjian;

(ii) Institusi perbankan Islam tidak dibenarkan untuk mengenakan fi iltizam (komitmen) bagi kemudahan seperti overdraf dan kredit pusingan secara Islam kerana ia menyalahi prinsip jual beli; dan

(iii) Bank-bank penerbit dibenarkan membeli balik sijil hutang boleh niaga secara Islam (NIDC) terbitan mereka sebelum tarikh matang. Harga pembelian balik NIDC boleh ditentukan berdasarkan persetujuan kedua-dua belah pihak.

Sumber dan Kegunaan Dana

Jumlah aset sektor perbankan Islam meningkat sebanyak RM10.9 bilion atau 30% kepada RM47.1 bilion pada akhir tahun 2000 ekoran aktiviti ekonomi yang semakin pesat. Sebahagian besar daripada pertumbuhan aset sebanyak RM7.2 bilion atau 66.1% merupakan komponen pembiayaan yang diberikan oleh institusi perbankan Islam. Dalam lingkungan sektor perbankan Islam pula, jumlah aset syarikat diskaun SPI telah mencatatkan peningkatan mendadak sebanyak 66.3% pada tahun 2000 berikutan peningkatan ketara dalam pegangan sekuriti hutang secara Islam sebanyak RM1.7 bilion. Syarikat kewangan SPI juga telah mencatatkan kenaikan yang ketara di dalam pertumbuhan asetnya sebanyak 48.8% pada tahun 2000 disebabkan terutamanya oleh peningkatan di dalam pembiayaan sewa beli secara Islam. Pada keseluruhannya, bank perdagangan SPI masih menguasai segmen pasaran terbesar dalam sistem perbankan Islam dengan bahagian pasaran sebanyak 42.7%, diikuti oleh bank Islam (29.8%) dan syarikat kewangan SPI (15.2%).

Seiring dengan aktiviti ekonomi yang lebih kukuh pada tahun 2000, sebahagian besar dana sektor perbankan Islam diperolehi daripada deposit, yang mencakup sebanyak 76.3% daripada jumlah keseluruhan sumber dana. Jumlah deposit mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 44.8% (RM11.1 bilion) kepada RM35.9 bilion pada akhir tahun 2000. Bank perdagangan SPI dan bank Islam menguasai bahagian yang terbesar dalam jumlah deposit, iaitu sebanyak 76.3% daripada jumlah deposit sektor perbankan Islam (81.7% dalam tahun 1999). Di kalangan peserta perbankan Islam, bank saudagar SPI mencatatkan kadar pertumbuhan deposit tertinggi sebanyak 116.2%, diikuti syarikat diskaun SPI sebanyak 104.5%. Pertumbuhan yang begitu tinggi di dalam jumlah deposit mencerminkan tahap keyakinan dan penerimaan masyarakat terhadap perbankan Islam yang semakin meningkat di samping membuktikan keupayaan perbankan Islam untuk memberi kadar pulangan yang setanding kepada para pelanggan dan pelaburnya.

Dari segi jenis pelanggan, sebahagian besar deposit diperolehi dari sektor swasta bukan kewangan dalam negeri, merangkumi syarikat perniagaan, kerajaan dan individu yang

Jadual 4.15
Perbankan Islam: Sumber dan Kegunaan Dana

	Pada akhir tahun			
	1999		2000	
	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian
Sumber:				
Modal dan rizab*	2,026	5.6	2,526	5.4
Debentur dan nota	–	...	–	...
Deposit[1]	24,804	68.6	35,923	76.3
di antaranya:				
IDB yang dikeluarkan	*80*	*0.2*	*500*	*1.1*
Repo	*384*	*1.1*	*431*	*0.9*
Jumlah belum dibayar kepada institusi kewangan	6,282	17.4	4,796	10.2
Tempatan	*6,281*	*17.4*	*4,796*	*10.2*
Asing	*1*	...	–	...
Penerimaan jurubank	198	0.5	597	1.3
Lain-lain	2,826	7.8	3,227	6.9
Jumlah	**36,136**	**100.0**	**47,069**	**100.0**
Kegunaan:				
Wang tunai[2]	254	0.7	348	0.7
Rizab dengan BNM	482	1.3	724	1.5
Jumlah belum diterima daripada institusi kewangan	8,823	24.4	8,743	18.6
Tempatan	*8,823*	*24.4*	*8,743*	*18.6*
Asing	–	...	–	...
Pelaburan	1,572	4.4	3,135	6.7
di antaranya:				
Stok dan saham	*54*	*0.1*	*82*	*0.2*
Debentur	*1,335*	*3.7*	*2,808*	*6.0*
Aset tetap	*173*	*0.5*	*245*	*0.5*
Pelaburan asing	–	...	–	...
Simpanan dengan rumah diskaun	1	...	–	...
Sekuriti boleh niaga	9,998	27.7	12,877	27.4
di antaranya:				
Bil perbendaharaan	–	...	–	...
SKM	*124*	*0.3*	*357*	*0.8*
IDB yang dipegang	*50*	*0.1*	*212*	*0.5*
Bon Cagamas	*109*	*0.3*	*134*	*0.3*
Pinjaman[3] (termasuk bil perdagangan)	13,724	38.0	20,891	44.4
Lain-lain	1,282	3.5	351	0.7
Jumlah	**36,136**	**100.0**	**47,069**	**100.0**

[1] Termasuk IDB yang dikeluarkan dan repo.
[2] Termasuk baki dengan BNM.
[3] Tidak termasuk pinjaman perumahan yang dijual kepada Cagamas Berhad.
* Termasuk untung semasa yang belum diaudit dan belum dilaras.

Jadual 4.16
Perbankan Islam: Deposit mengikut Jenis dan Institusi

	Perubahan tahunan				Pada akhir tahun 2000
	1999		2000		
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta
Deposit semasa	**2,328**	**76.4**	**1,190**	**22.1**	**6,564**
Bank perdagangan	1,181	58.3	580	18.1	3,786
Bank Islam	1,147	112.3	610	28.1	2,778
Deposit tabungan	**464**	**22.7**	**817**	**32.5**	**3,327**
Bank perdagangan	–11	–1.1	567	56.0	1,580
Syarikat kewangan	110	62.5	145	50.7	431
Bank Islam	365	43.1	105	8.7	1,316
Deposit pelaburan	**5,124**	**51.6**	**9,405**	**62.5**	**24,464**
Bank perdagangan	527	9.8	3,917	66.6	9,802
Syarikat kewangan	55	2.2	2,214	87.3	4,749
Bank saudagar	–206	–33.9	129	32.2	530
Bank Islam	4,748	318.7	877	14.1	7,115
Syarikat diskaun	1,109	–	1,159	104.5	2,268
Lain-lain deposit	**–651**	**–46.3**	**814**	**108.0**	**1,568**
Bank perdagangan	–229	–32.7	451	95.6	923
Syarikat kewangan	191	909.5	–	–	212
Bank saudagar	1	–	337	–	338
Bank Islam	–614	–89.9	26	37.7	95
Syarikat diskaun	–	–	–	–	–

mencakupi 73.5% daripada jumlah deposit. Deposit pelaburan terus kekal sebagai penyumbang terbesar deposit perbankan Islam sebanyak 84.6% daripada jumlah kenaikan deposit. Sepanjang tahun 2000, deposit semasa dan deposit simpanan masing-masing mencatatkan pertumbuhan sebanyak 22.1% dan 32.5%. Dari segi profil kematangan pelaburan deposit pula, 65.3% daripada jumlah deposit tertumpu kepada tempoh matang jangka pendek antara satu hingga tiga bulan. Kadar pulangan purata bagi deposit pelaburan adalah di antara 2.9% hingga 3.4% untuk pelaburan yang tempoh matangnya kurang daripada tiga bulan dan 3.5% hingga 4.7% untuk tempoh matang pelaburan satu tahun ke atas. Kekurangan minat terhadap pelaburan deposit jangka panjang adalah disebabkan kadar kenaikan pulangan yang tidak setimpal berbanding risiko jangka panjang yang mungkin ditanggung.

Dana pemegang saham bank Islam serta dana modal perbankan Islam institusi perbankan SPI semakin teguh dengan mencatatkan peningkatan ketara sebanyak RM500 juta kepada RM2.5 bilion pada akhir tahun 2000. Kenaikan ini disumbangkan oleh jumlah keuntungan yang tidak diagihkan yang lebih tinggi sepanjang tahun tersebut. Pada tahun 2000, sektor perbankan Islam telah menunjukkan prestasi keuntungan yang amat memberangsangkan dengan mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM534.5 juta (RM355.3 juta pada tahun 1999).

Jumlah pembiayaan sektor perbankan Islam meningkat sebanyak RM7.2 bilion atau 52.2% (RM3.1 bilion atau 28% pada tahun 1999). Nisbah pembiayaan-deposit sektor perbankan Islam juga semakin baik apabila meningkat kepada 58.2% pada akhir tahun 2000 berbanding 55.3% pada akhir tahun 1999. Seperti tahun-tahun yang lepas, jumlah pembiayaan perbankan Islam terus dikuasai oleh sektor harta benda yang meluas sebanyak 54.7% diikuti dengan kredit penggunaan (29.5%). Permintaan yang tinggi terhadap sektor harta benda ini dikaitkan dengan kepesatan pertumbuhan dalam pembiayaan harta kediaman

Jadual 4.17
Perbankan Islam: Arah Aliran Pinjaman

	Pada akhir tahun			
	1999		2000	
	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian
Pertanian, kegiatan, memburu, perhutanan dan perikanan	497.7	3.6	1,577.7	11.5
Perlombongan dan kuari	74.2	0.5	78.5	0.6
Perkilangan	1,216.9	8.9	2,044.3	14.9
Elektrik, gas dan air	213.8	1.6	855.6	6.2
Masyarakat, perkhidmatan sosial dan persendirian	128.4	0.9	292.7	2.1
Sektor harta benda yang luas	6,164.0	44.9	7,506.3	54.7
Harta tanah	*521.0*	*3.8*	*363.1*	*2.6*
Pembinaan	*1,367.2*	*10.0*	*1,572.0*	*11.5*
Pembelian harta kediaman	*2,881.7*	*21.0*	*3,974.4*	*29.0*
Pembelian harta bukan kediaman	*1,394.1*	*10.2*	*1,596.8*	*11.6*
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	740.2	5.4	854.7	6.2
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	759.8	5.5	787.9	5.7
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	632.8	4.6	595.7	4.3
Pembelian sekuriti	747.1	5.4	705.0	5.1
Kredit penggunaan	2,058.1	15.0	4,043.1	29.5
Kad kredit	*1.7*	*...*	*1.4*	*...*
Kegunaan persendirian	*211.8*	*1.5*	*340.2*	*2.5*
Pembelian barangan pengguna	*129.8*	*0.9*	*43.1*	*0.3*
Pembelian kenderaan pengangkutan	*1,714.8*	*12.5*	*3,658.4*	*26.7*
Lain-lain	490.7	3.6	1,549.7	11.3
Jumlah	**13,723.7**	**100.0**	**20,891.2**	**152.2**

yang menyumbang sebanyak 29% daripada jumlah pembiayaan. Sektor pertanian dan elektrik masing-masing mencatatkan peningkatan yang tinggi sebanyak 217% (RM1.1 bilion) dan 300.2% (RM641 juta). Peningkatan mendadak oleh kedua-dua sektor ini disebabkan oleh pembiayaan korporat kepada syarikat-syarikat berasaskan perladangan dan elektrik.

Keuntungan

Sektor perbankan Islam mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM534.5 juta bagi tahun kalendar 2000 berbanding RM355.3 juta pada tahun 1999. Peningkatan keuntungan membolehkan sektor ini terus menjana kadar pulangan aset yang positif sebanyak 1.1% (1.0% pada tahun 1999) dan pulangan ekuiti sebanyak 21.2% pada tahun ini (17.5% pada tahun 1999). Seiring dengan peningkatan ketara dalam jumlah pembiayaan, pendapatan pembiayaan bersih sektor perbankan Islam turut mencatatkan peningkatan sebanyak RM550 juta di peringkat operasi. Keuntungan bukan pembiayaan sektor perbankan Islam meningkat sebanyak RM32 juta atau 18.7% pada tahun 2000.

Kualiti Aset

Kualiti aset pembiayaan Islam terus menunjukkan prestasi yang semakin baik sepanjang tahun 2000 berikutan penurunan nisbah pembiayaan tidak berbayar (NPF) daripada 8.2% pada tahun 1999 kepada 7% pada tahun 2000. Penurunan dalam nisbah NPF ini disebabkan oleh peningkatan yang tinggi dalam jumlah pembiayaan pada tahun 2000 yang jauh melebihi kenaikan mutlak dalam jumlah NPF sebanyak RM534 juta. Dengan peningkatan jumlah pembiayaan dan NPF, jumlah peruntukan yang disediakan bagi NPF pada tahun 2000 meningkat sedikit kepada 47.8% berbanding 45.5% daripada NPF pada tahun 1999.

Jadual 4.18
Perbankan Islam: Pembiayaan tak Berbayar dan Peruntukan Kerugian Pembiayaan

	Pada akhir tahun	
	1999	2000
	RM juta	
Perbankan Islam		
Peruntukan am	238	314
Pendapatan tergantung	110	163
Peruntukan khas	373	535
Pembiayaan tak berbayar (NPF)	**1,585**	**2,119**
Nisbah bersih NPF (%)	8.15	7.04
Jumlah peruntukan/NPF (%)	45.49	47.76

Sektor harta benda yang meluas terus menguasai sebahagian besar (50.2%) daripada jumlah NPF (49.0% pada tahun 1999). Kadar NPF yang tinggi dalam sektor harta benda yang meluas adalah berpunca terutamanya daripada pembiayaan harta kediaman dan bukan kediaman yang menyumbangkan 28.6% (39.7% pada tahun 1999) daripada jumlah NPF sektor harta benda yang meluas.

Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (PWABI)

Pada tahun 2000, jumlah urus niaga dana dalam pasaran wang antara bank secara Islam (PWABI) merosot sebanyak 30.7% kepada RM301.9 bilion. Jumlah urus niaga yang lebih rendah adalah disebabkan kemerosotan dalam pelaburan Mudharabah antara bank sebanyak RM138.3 bilion. Pada tahun 2000, BNM telah memberi tumpuan kepada operasi mudah tunai BNM dalam pelaburan bagi tempoh matang yang lebih panjang, sekali gus mengurangkan bekalan dana di dalam pasaran antara bank, dan seterusnya mengurangkan urus niaga pelaburan Mudharabah antara bank. Jumlah mudah tunai yang diserap daripada PWABI oleh BNM pada akhir tahun 2000 berjumlah RM3.9 bilion. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk menguruskan kedudukan mudah tunai dan mempergiatkan lagi aktiviti PWABI, BNM telah memperkenalkan instrumen dasar monetari Islam yang baru iaitu Nota Boleh Niaga Bank Negara (BNNN) yang diterbitkan berasaskan konsep Bai' Al-Inah. Pada akhir tahun 2000, jumlah BNNN yang diterbitkan berjumlah RM250 juta. BNM

Jadual 4.19
Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (PWABI)[1]

	1999		2000	
	Jumlah (RM bilion)	Perubahan tahunan (%)	Jumlah (RM bilion)	Perubahan tahunan (%)
Jumlah Urus Niaga (PWABI)	**435.7**	**175.6**	**301.9**	**-30.7**
Pelaburan Mudharabah Antara Bank	**421.9**	**197.1**	**283.6**	**-32.8**
Penerimaan Jurubank Hijau (BA Hijau)	12.6	29.9	13.6	7.9
Bil Penerimaan Secara Islam (IAB)	1.2	-81.3	4.7	291.7

[1] Jumlah urus niaga melalui broker pasaran wang.

Jadual 4.20
Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (PWABI) - Profil Kematangan

	1999 Jumlah (RM bilion)	2000 Jumlah (RM bilion)	Perubahan tahunan (%)
Semalaman dan hujung minggu	**388.3**	**223.8**	**–42.4**
1 minggu	**10.2**	**66.3**[1]	**550.0**
1 bulan	**6.7**	**13.4**[1]	**100.0**

[1] Jumlah urus niaga melalui broker dan tender pasaran wang Mudharabah.

juga telah melantik kedua-dua bank Islam iaitu Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) sebagai bank ejen bagi operasi mudah tunainya. Sebelum ini, BNM bergantung kepada peniaga-peniaga utama yang menyertai SPI bagi operasi mudah tunainya dalam PWABI.

Aktiviti urus niaga dalam instrumen pasaran wang jangka pendek secara Islam telah meningkat dengan mencatatkan jumlah dagangan sebanyak RM18.3 bilion pada tahun 2000 berbanding RM13.8 bilion pada tahun 1999. Walau bagaimanapun, jumlah urus niaga penerimaan juru bank hijau mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 7.9% pada tahun 2000 berbanding 29.9% pada tahun 1999. Sebaliknya, bil penerimaan secara Islam mencatatkan jumlah urus niaga yang memberangsangkan pada tahun 2000 dengan jumlah urus niaga sebanyak RM4.7 bilion (RM1.2 bilion pada tahun 1999).

Institusi Kewangan Lain

Syarikat Diskaun

Prestasi syarikat diskaun kembali pulih pada tahun 2000 dengan jumlah sumber kewangan meningkat sebanyak RM2.6 bilion atau 13.8% kepada RM21.1 bilion pada akhir tahun 2000 (-RM1.4 bilion atau -7.1% pada tahun 1999) hasil daripada penglibatan secara aktif dalam perbankan Islam. Deposit daripada Sistem Perbankan Islam (SPI) menyumbang dengan nyata kepada peningkatan dalam jumlah sumber kewangan kerana perkhidmatan perbankan Islam diperluaskan kepada semua syarikat diskaun. Melalui aktiviti pemasaran yang agresif, syarikat diskaun dapat mengumpul guna deposit jangka pendek berlandaskan Islam dalam jumlah yang nyata. Deposit jangka pendek berlandaskan Islam ini telah menarik minat pelanggan oleh kerana

Jadual 4.21
Syarikat Diskaun: Sumber dan Kegunaan Dana

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2000
	1999	2000	
	RM juta		
Sumber:			
Dana modal yang diluluskan	558	188	1,785
Deposit	933	3,858	13,953
Pinjaman antara bank	–2,873	–1,670	4,926
Lain-lain	–33	186	458
Jumlah	**–1,415**	**2,563**	**21,122**
Kegunaan:			
Pelaburan dalam sekuriti:	–2,379	2,508	18,559
Sekuriti hutang kerajaan	*–333*	*46*	*677*
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*–363*	*–122*	*469*
Bon Khazanah	*269*	*163*	*433*
Bil BNM	*0*	*709*	*709*
Sekuriti hutang swasta	*–1,506*	*342*	*10,704*
Penerimaan jurubank	*–1,092*	*990*	*4,175*
Deposit instrumen boleh niaga	*38*	*–603*	*344*
Sekuriti hutang Cagamas	*206*	*858*	*1,310*
Lain-lain	*40*	*2*	*206*
Penyimpanan antara bank	828	313	2,133
Lain-lain	135	–258	431
	1998	**1999**	**2000**
Bilangan syarikat diskaun	7	7	7

sifat kecairannya yang tinggi yang membolehkan penyimpan membuat simpanan dan pengeluaran dalam tempoh yang singkat. Dengan peningkatan dalam deposit, pergantungan kepada pasaran antara bank sebagai sumber dana berkurangan justeru mengakibatkan kemerosotan dalam peminjaman daripada pasaran antara bank pada sepanjang tahun 2000.

Peningkatan dalam jumlah sumber kewangan telah dilaburkan terutamanya dalam sekuriti, yang meningkat sebanyak RM2.5 bilion atau 15.6% pada tahun 2000 (-RM2.4 bilion atau -12.9% pada tahun 1999). Peningkatan pelaburan adalah terutamanya dalam penerimaan jurubank yang dianggap menarik oleh kerana ciri-cirinya yang berjangka pendek dan boleh diniagakan, dan dalam sekuriti hutang Cagamas. Terdapat juga pelaburan dalam bil BNM. Berbeza dengan tahun 1999, terdapat peningkatan semula dalam pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) berikutan kenaikan dalam penerbitannya, terutamanya dalam pasaran bon Islam. Walau bagaimanapun, pegangan instrumen deposit boleh niaga (NID) oleh syarikat diskaun berkurangan disebabkan kurangnya insentif bagi institusi perbankan untuk menerbitkan NID berikutan keadaan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan.

Pada tahun 2000, syarikat diskaun juga meningkatkan aktiviti berasaskan upahnya. Syarikat diskaun mengatur, menjadi pengurus utama dan pengurus bersama terbitan sekuriti hutang swasta bernilai RM3.3 bilion (RM1.6 bilion pada tahun 1999). Dengan itu, jumlah yang ditanggung jamin oleh syarikat diskaun meningkat sebanyak RM2.8 bilion (RM0.8 bilion pada tahun 1999), dengan jumlah sekuriti hutang swasta sebanyak 55 terbitan (18 terbitan pada tahun 1999). Pada tahun 2000, hanya dua buah syarikat diskaun dilantik sebagai peniaga utama (tiga buah pada tahun 1999).

Bank Simpanan Nasional

Jumlah sumber kewangan Bank Simpanan Nasional (BSN) meningkat dengan ketara sebanyak RM3.7 bilion atau 46.6% kepada RM11.6 bilion pada akhir tahun 2000 (RM0.6 juta atau 0.7% pada tahun 1999). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh kenaikan dalam jumlah deposit, berikutan bertambahnya bilangan pemegang akaun yang aktif. Penyumbang utama kepada peningkatan deposit ialah simpanan tetap, yang mencerminkan kenaikan dalam simpanan oleh badan korporat (daripada RM1.2 bilion kepada RM4.7 bilion). Simpanan tetap oleh individu pula merosot sedikit (daripada RM1.4 bilion kepada RM1.3 bilion). Kenaikan dalam simpanan oleh badan korporat adalah berikutan usaha agresif BSN dalam aktiviti pemasaran dan penjualan produk mereka. Di samping itu, BSN juga telah menerima jumlah simpanan yang tinggi daripada satu badan dana pencen. Sehubungan dengan itu, simpanan tetap kekal sebagai skim deposit paling popular, merangkumi sebanyak 58.2% daripada jumlah deposit pada akhir tahun 2000, diikuti dengan skim simpanan GIRO dengan sumbangan iaitu sebanyak 27.5%.

Jadual 4.22
Bank Simpanan Nasional

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2000*a*
	1999	2000*a*	
	RM juta		
Deposit [1]	108	3,621	10,386
Tabungan	-66	-67	1,316
Tetap	-23	3,424	6,049
Skim Simpan-Daripada-Pendapatan	-2	0	15
GIRO	28	371	2,860
Sistem Perbankan Islam (SPI)	171	-107	146
Sijil Simpanan Premium	20	37	600
Pelaburan (nilai buku)	-461	1,128	4,259
Sekuriti Kerajaan Malaysia	-281	117	1,029
Lain-lain pelaburan	-181	1,011	3,230
Deposit dengan institusi kewangan	-357	3,152	4,045
Pinjaman kasar	-153	260	2,321
Pinjaman bersih (setelah diambil kira peruntukan untuk hutang ragu, hutang lapuk dan faedah digantung)	-192	261	2,187
Bilangan cawangan BSN [2]	-9	-3	436
Bilangan pejabat pos yang mempunyai kemudahan BSN [3]	0	-18	623
Bilangan pemegang akaun ('000)	-156	387	8,905
Bilangan mesin juruwang automatik (ATM)	10	13	610

[1] Termasuk faedah yang dikreditkan
[2] Termasuk cawangan mini dan cawangan kecil
[3] Termasuk pejabat tetap dan pejabat bergerak
a Awalan

Kenaikan dalam jumlah sumber kewangan ini telah dilaburkan terutamanya dalam deposit dengan institusi kewangan, yang meningkat sebanyak RM3.2 bilion. Deposit berkenaan adalah dalam bentuk simpanan tetap jangka pendek (dengan tempoh matang kurang daripada setahun) yang telah meningkat sebanyak RM3.5 bilion, manakala simpanan tetap jangka sederhana dan panjang menurun sebanyak RM358 juta. Operasi pinjaman BSN turut meningkat pada tahun 2000, dengan jumlah hutang yang belum dijelaskan meningkat sebanyak RM261 juta, disumbangkan terutamanya oleh kenaikan dalam pembiayaan sewa beli. Seperti tahun-tahun lalu, sebahagian besar pinjaman dihulurkan kepada individu, mencakupi 92.1% daripada jumlah hutang yang belum dijelaskan. Pada akhir tahun 2000, jumlah hutang lapuk BSN kekal di tahap 8% dari jumlah hutang kasar. Dalam tempoh yang sama, sumber-sumber BSN dilaburkan terutamanya dalam sekuriti (36.6%) dan dalam deposit dengan institusi kewangan (34.8%).

Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen

Jumlah sumber 14 kumpulan wang simpanan dan pencen (PPF) yang dikaji selidik oleh BNM terus meningkat pada tahun 2000. Jumlah sumber bagi dana-dana tersebut meningkat sebanyak 11.2% kepada RM217.6 bilion (1999: +12.7% kepada RM195.7 bilion), dimana 85.4% daripadanya adalah sumber Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Peningkatan sumber PPF adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh pertumbuhan caruman terkumpul PPF dalam akaun pencarum. Caruman terkumpul, walau bagaimanapun, meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 7% atau RM12.1 bilion pada tahun 2000 (1999: +12.2%); mencerminkan terutamanya caruman bersih dan dividen yang

Jadual 4.23
Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen: Penunjuk Terpilih

	1998	1999	2000*a*
	RM juta		
Pada akhir tahun			
Bilangan pencaruman ('000)	17,833	18,382	18,752
di mana : KWSP	*9,158*	*9,544*	*9,748*
Perkeso	*8,429*	*8,598*	*8,772*
Caruman terkumpul	155,034	174,011	186,132
Aset	173,597	195,709	217,871
diantaranya:			
Pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia	*47,481*	*53,822*	*63,630*
Sepanjang tahun			
Caruman kasar	17,096	17,532	20,187
Pengeluaran	9,103	7,780	10,686
Caruman bersih	7,993	9,752	9,501
Dividen yang dikreditkan	9,119	10,483	9,748
Pendapatan pelaburan	11,131	12,163	12,024

a Awalan

Sumber: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Kumpulan Wang Amanah Pencen, Pertubuhan Keselamatan Sosial, Tabung Angkatan Tentera, Kumpulan Wang Simpanan Kakitangan Estet Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Guru-guru dan lapan buah kumpulan wang simpanan dan pencen yang lain

dikreditkan yang lebih rendah pada tahun tersebut.

Pada tahun 2000, caruman bersih menurun sebanyak 2.6% mencerminkan pengeluaran yang lebih tinggi. Pengeluaran meningkat sebanyak 37.4% selepas merosot sebanyak 14.5% pada tahun 1999. KWSP telah memperkenalkan empat skim pengeluaran yang baru, iaitu untuk pembelian komputer, pelajaran, kakitangan berpencen dan skim anuiti untuk melengkapkan 10 skim pengeluaran yang sedia ada. Tambahan lagi, pengeluaran yang lebih tinggi adalah juga disebabkan oleh masa pemprosesan permohonan pengeluaran yang lebih singkat oleh KWSP. Walau bagaimanapun, caruman kasar terus meningkat sebanyak 15.1% (1999: 2.6%) berikutan peningkatan dalam bilangan pencarum serta paras pendapatan pencarum yang lebih tinggi. Jumlah bilangan pencarum bertambah sebanyak 2% kepada 18.7 juta orang pada akhir tahun 2000. Penurunan jumlah majikan yang gagal mencarum juga telah menyumbang kepada paras caruman yang lebih tinggi. Prestasi pasaran saham yang lemah pada tahun 2000 cuma mempunyai kesan kecil ke atas aktiviti pelaburan PPF. Akibatnya, pendapatan pelaburan pada tahun 2000 telah mencatat sedikit penurunan sebanyak 1.1%.

Dari segi komposisi aset PPF, terdapat pemindahan dari pegangan deposit dan kertas pasaran wang ke Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) dan bon korporat. Bahagian deposit dan kertas pasaran wang menurun sebanyak 20.8% (23.1% pada tahun 1999), sementara bahagian SKM dan bon korporat masing-masing meningkat sebanyak 29.2% dan 9.4% (masing-masing sebanyak 27.5% dan 9.2% pada tahun 1999). Pemindahan mencerminkan minat ke atas aset yang mempunyai pulangan yang lebih tinggi dan terbitan SKM dan bon korporat yang lebih besar pada tahun 2000. Sementara itu, pelaburan dalam saham ekuiti mencatatkan bahagian yang lebih besar sebanyak 24.5%, manakala bahagian pinjaman menurun kepada 12%, mencerminkan beberapa pemindahan dalam strategi pelaburan PPF pada tahun 2000.

Beberapa langkah telah diumumkan dalam Belanjawan Tahun 2001, yang mempengaruhi industri PPF. Semua pencarum KWSP telah dibenarkan membuat pengeluaran untuk membeli komputer bagi kegunaan persendirian. Dalam usaha meningkatkan pemilikan rumah, Kerajaan telah membenarkan pencarum KWSP untuk membuat pengeluaran bagi tujuan pembelian rumah kedua dengan syarat mereka menjual rumah pertama terlebih dahulu. Di bawah skim meningkatkan tahap pendidikan pula, pencarum KWSP dibenarkan membuat pengeluaran untuk pembayaran yuran bagi anak-anak mereka yang mengambil kursus diploma, melainkan kursus ijazah. Bagi skim pengeluaran untuk kakitangan berpencen pula, ia telah dibuka kepada semua kakitangan awam yang telah bersara, termasuk yang mencarum kepada KWSP dalam pekerjaan baru mereka di sektor swasta, atau jika mereka

Graf 4.18
Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen: Komposisi Aset Utama



bekerja sendiri atau bekerja dengan agensi Kerajaan. Langkah-langkah ini telah dilaksanakan pada 2 Januari 2001.

Lembaga Tabung Haji

Sumber kewangan Lembaga Tabung Haji terus meningkat pada tahun 2000. Sumber kewangan yang dikumpul oleh Lembaga berjumlah RM10.2 bilion pada akhir tahun 2000, merupakan peningkatan sebanyak RM1.6 bilion atau 19% (+RM1.3 bilion atau 17.8% pada tahun 1999). Peningkatan dalam sumber kewangan ini mencerminkan kenaikan dalam deposit berikutan pertambahan dalam bilangan pendeposit.

Peningkatan dalam sumber kewangan telah dilaburkan terutamanya dalam pelaburan jangka pendek dan sekuriti korporat, yang masing-masing telah meningkat sebanyak RM801 juta (+35%) dan RM322 juta (+8.3%) pada tahun 2000. Pada akhir tahun 2000, sebahagian besar daripada sumber kewangan Lembaga terus dilaburkan dalam sekuriti korporat (41% daripada jumlah aset) dan pelaburan jangka pendek (30.2% daripada jumlah aset).

Institusi-institusi Pembiayaan Perindustrian

Jumlah aset institusi-institusi pembiayaan perindustrian meningkat pada kadar yang perlahan dalam tahun 2000 (14.2%) berbanding dengan tahun sebelumnya (16.7%). Sebahagian besar daripada pertambahan tersebut disumbangkan oleh baki berian pinjaman dan jumlah deposit yang disimpan di institusi-institusi kewangan, yang masing-masing merupakan 60.6% dan 57.1% daripada pertambahan dalam jumlah sumber kewangan.

Jadual 4.24
Lembaga Tabung Haji: Penunjuk Terpilih

	Perubahan tahunan		Pada akhir 2000*a*
	1999	2000*a*	
	RM juta		
Liabiliti:	**1,293.9**	**1,628.7**	**10,208.8**
Baki pendeposit	1,233.6	1,455.0	9,441.7
Jumlah rizab	–88.1	312.8	716.7
Deposit diterima dari penyewa, dll.	1.2	1.0	5.6
Lain-lain liabiliti	147.2	–140.1	44.8
Aset:	**1,293.9**	**1,628.7**	**10,208.8**
Aset tetap bersih	127.9	224.2	1,009.5
Sekuriti korporat	383.3	321.7	4,183.5
Pelaburan jangka pendek	462.7	800.5	3,079.1
Aset semasa	319.9	282.2	1,936.6
Lain-lain Statistik:			
Bilangan pendeposit ('000)	307.2	355.1	4,370.7
Bilangan peserta haji berdaftar ('000)	5.5	4.5	39.5

a Awalan

Secara tradisi, institusi-institusi pembiayaan perindustrian sebahagian besarnya bergantung pada peminjaman untuk menjana pertumbuhan aset memandangkan institusi-institusi tersebut tidak dilesenkan untuk menjalankan aktiviti pengambilan deposit daripada pihak awam. Institusi yang ditubuhkan khusus untuk menggalakkan program pembangunan dalam sektor pertanian, perindustrian dan eksport serta perdagangan antarabangsa ini mendapat akses kepada sumber kewangan pada kadar konsesi daripada Kerajaan dan institusi-institusi antarabangsa serta asing seperti Japan Bank for International Co-operation dan Bank Pembangunan Islam, Jeddah.

Jumlah peminjaman bagi institusi-institusi pembiayaan perindustrian meningkat dengan ketara sebanyak 23.8% (+RM2.8 bilion) dalam

Jadual 4.25
Institusi Pembiayaan Perindustrian: Perubahan dalam Haluan Berian Pinjaman

Sektor	Pertumbuhan tahunan					
	1998		1999		2000	
	RM juta	% Komp.	RM juta	% Komp.	RM juta	% Komp.
Pengangkutan dan penyimpanan	125.77	8.04	995.29	62.37	1,612.74	106.78
Pertanian	–32.33	–2.07	–13.43	–0.84	38.31	2.54
Perlombongan dan kuari	3.82	0.24	9.69	0.61	–0.53	–0.04
Perkilangan	1,334.22	85.28	-0.77	–0.05	–96.80	–6.41
Perdagangan am	29.06	1.86	-24.76	–1.55	–212.87	–14.09
Harta tanah dan pembinaan	61.83	3.95	838.17	52.53	–372.71	–24.68
Lain-lain	42.06	2.69	–208.47	–13.06	542.21	35.90
Jumlah	**1,564.43**	**100.00**	**1,595.72**	**100.00**	**1,510.35**	**100.00**

tahun 2000 (10.8% atau +RM1.1 bilion dalam tahun 1999) kepada RM14.4 bilion, terutamanya oleh Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad (+RM3.1 bilion) yang telah mengumpulkan dananya melalui program terbitan Nota Hutang berjumlah RM1.0 bilion. Pengumpulan dana tersebut bertujuan untuk mengurangkan penanggungan risiko kecairan serta kadar faedah ke paras yang minimum supaya lebih padan dengan tempoh penantian hasil yang panjang bagi projek-projek infrastruktur yang dibiayai oleh Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, selaras dengan peranannya sebagai sebuah bank infrastruktur. Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad juga menambah sumber-sumber pembiayaannya dalam bentuk pinjaman pada kadar faedah yang rendah daripada Kementerian Kewangan dan peminjaman daripada badan-badan berkanun serta institusi-institusi antarabangsa dan asing.

Secara amnya, institusi-institusi pembiayaan perindustrian yang lain mengurangkan jumlah peminjaman mereka. Peminjaman daripada Kerajaan oleh institusi-institusi pembiayaan perindustrian telah meningkat dengan ketara sebanyak 65.6% kepada RM4.6 bilion dalam tahun 2000 selepas pengurangan dalam peminjaman tersebut dalam tahun sebelumnya. Peminjaman daripada entiti bukan-Kerajaan pula merangkumi 68% daripada jumlah peminjaman.

Berian pinjaman oleh institusi-institusi pembiayaan perindustrian meningkat sebanyak 16.3% (+RM1.5 bilion) dalam tahun 2000, berbanding dengan 20.8% dalam tahun 1999. Peningkatan tersebut terutamanya disumbangkan oleh Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad melalui peningkatan dalam portfolio berian pinjaman infrastrukturnya. Jika Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad dikecualikan, jumlah berian pinjaman oleh institusi-institusi pembiayaan perindustrian menurun sebanyak RM202.6 juta dalam tahun 2000. Penurunan tersebut terutamanya berpunca dari pengurangan dalam berian pinjaman oleh Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad kepada subsidiarinya, BI Credit and Leasing Berhad yang menamatkan operasinya sejak November 2000.

Pada tahun 2000, sektor pengangkutan dan penyimpanan menyumbang sebahagian besar daripada pertambahan berian pinjaman oleh institusi-institusi pembiayaan perindustrian. Sebaliknya, berian pinjaman kepada sektor harta tanah dan pembinaan menurun dengan ketara sebanyak 24.7% (-RM372.7 juta) pada tahun ini selepas peningkatan yang berterusan selama tujuh tahun sebelum itu. Berian pinjaman kepada sektor perkilangan pula terus menurun sebanyak 6.4% atau RM96.8 juta. Walaupun berian pinjaman kepada sektor perkilangan menurun, pendedahan institusi-institusi pembiayaan perindustrian kepada sektor ini kekal berada di paras yang tinggi iaitu sebanyak 31% daripada jumlah baki pinjaman pada akhir Disember 2000.

Deposit institusi-institusi pembiayaan perindustrian yang ditempatkan dengan institusi-institusi kewangan meningkat dengan ketara iaitu sebanyak 46.4% (+RM1.4 bilion) dalam tahun 2000, berbanding dengan 3.1% (+RM93.1 juta) dalam tahun 1999.

Modal Usaha Niaga

Industri modal usaha niaga terus berkembang pada tahun 2000, dengan jumlah sumber meningkat sebanyak 18.1% kepada RM1.7 bilion pada akhir tahun 2000. Memandangkan pembiayaan modal usaha niaga semakin diiktiraf sebagai sumber dana alternatif, jumlah syarikat modal usaha niaga meningkat kepada 33 pada akhir tahun 2000. Demikian juga, jumlah syarikat penerima pelaburan yang disokong oleh pelaburan modal usaha niaga meningkat kepada 221 daripada 194 buah syarikat pada tahun lalu.

Jadual 4.26
Dana/Syarikat Modal Usaha Niaga

	Pada akhir tahun	
	1999	2000*a*
Bilangan syarikat modal usaha niaga	30	33
Bilangan syarikat penerima pelaburan	194	221
	RM juta	
Sumber:		
Dana pemegang saham	703.6	1,037.0
Tanggungan	703.3	624.8
Jumlah	**1,406.9**	**1,661.8**
Kegunaan:		
Pelaburan ke atas syarikat penerima pelaburan	637.3	727.9
Lain-lain aset	769.6	933.9
Jumlah	**1,406.9**	**1,661.8**

a Awalan

Jadual 4.27
Dana/Syarikat Modal Usaha Niaga: Pelaburan Sepanjang Tahun

	1999	2000*a*
Bilangan syarikat penerima pelaburan	56	64
	RM juta	
Pelaburan sepanjang tahun	**104.1**	**117.1**
Mengikut sektor		
Perkilangan	31.9	17.9
di antaranya:		
Produk berasaskan IT	*–0.1*	*3.3*
Produk elektrik dan elektronik	*5.2*	*8.4*
Teknologi elektronik maju	*12.5*	*5.3*
Perkhidmatan telekomunikasi maklumat	*14.0*	*68.0*
Sains kehidupan	*6.4*	*5.2*
Lain-lain	*51.8*	*26.0*

a Awalan

Di sepanjang tahun 2000, syarikat-syarikat modal usaha niaga telah meningkatkan aktiviti pelaburan mereka dan telah melabur sebanyak RM117.1 juta dalam 64 buah syarikat (RM104.1 juta dalam 56 buah syarikat pada tahun 1999). Terdapat perubahan yang ketara dalam kecenderungan pelaburan syarikat modal usaha niaga, dengan lebih banyak syarikat modal usaha niaga melabur dalam sektor teknologi maklumat dan komunikasi (58.1% daripada jumlah pelaburan berbanding hanya 13.4% pada tahun 1999).

Syarikat modal usaha niaga terus menyediakan pembiayaan kepada syarikat penerima pelaburan pada berbagai peringkat. Sementara bahagian pelaburan dalam modal benih, pembiayaan permulaan dan lain-lain pembiayaan peringkat awal telah meningkat kepada 36% pada tahun 2000 (18% pada tahun 1999), sebahagian besar daripada pelaburan ini adalah untuk pembiayaan peringkat kedua.

Walaupun perkembangan telah tercapai dalam membangunkan industri modal usaha niaga, pembangunan seterusnya diperlukan untuk menyokong pertumbuhan syarikat yang berintensifkan pengetahuan dan teknologi di negara ini. Menyedari bahawa pentingnya modal usaha niaga sebagai sumber pembiayaan alternatif, Kerajaan sejak beberapa tahun sebelum ini memberi galakan kepada industri ini. Pada tahun 2000, beberapa langkah dan inisiatif telah diperkenalkan oleh Kerajaan untuk terus menggalakkan industri modal usaha niaga. Di sepanjang tahun ini, dua dana modal usaha niaga untuk projek berteknologi tinggi setiap satu berjumlah RM150 juta telah dilancarkan. Tambahan kepada dua dana ini, satu dana modal usaha niaga yang berjumlah RM500 juta telah ditubuhkan oleh Kerajaan bagi meningkat kesediaan pembiayaan modal usaha niaga dalam ekonomi dan pada masa yang sama, merangsang lebih banyak usaha niaga terutamanya dalam industri teknologi maklumat komunikasi. Insentif cukai tambahan dalam bentuk pengurangan cukai yang bersamaan dengan jumlah pelaburan yang dibuat dalam syarikat-syarikat yang diluluskan di peringkat permulaan, modal benih dan pembiayaan peringkat awal telah diberikan kepada industri ini. Menyedari keperluan untuk memastikan adanya tanggungjawab dalam mempromosi industri modal usaha niaga dan untuk

Graf 4.19
Dana/Syarikat Modal Usaha Niaga: Pelaburan Mengikut Peringkat



memastikan pembangunan industri modal usaha niaga diberi keutamaan dan dikendalikan dengan baik, Kerajaan telah mengumumkan penubuhan pusat serenti bagi modal usaha niaga. Pusat serenti ini akan mencartakan hala tuju yang strategik bagi modal usaha niaga dan bertindak sebagai pusat rujukan tunggal bagi semua inisiatif dan insentif Kerajaan. Tambahan lagi, Kerajaan telah mengumumkan bahawa penyenaraian yang ketat di MESDAQ (contohnya peraturan 70% daripada perolehan IPO MESDAQ mesti digunakan di Malaysia) akan dilonggarkan. Objektifnya adalah untuk membuatkan mekanisme laluan keluar bagi syarikat modal usaha niaga lebih menarik.

Untuk saling melengkapi usaha Kerajaan, sektor swasta juga telah mengambil inisiatif dalam pembangunan industri modal usaha niaga. Pertandingan pelan perniagaan yang pertama, iaitu Venture 2001 telah dilancarkan pada bulan November dengan objektif untuk menukarkan idea-idea yang berpotensi kepada perniagaan yang sebenar, menarik perhatian syarikat modal usaha niaga dan mengadakan persekitaran keusahawanan di Malaysia.

Tambahan lagi, Pelan Induk Sektor Kewangan dan Pelan Induk Pasaran Modal yang dilancarkan pada suku pertama tahun 2001 telah menggariskan saranan untuk hala tuju industri di masa hadapan. Objektif keseluruhan adalah bagi industri modal usaha niaga memainkan peranan yang berkesan untuk memastikan Malaysia dapat mencapai visinya untuk menjadi ekonomi yang berteraskan pengetahuan. Dalam membangunkan industri modal usaha niaga yang kukuh, pendekatan yang menyeluruh adalah dicadangkan. Cadangan-cadangan yang digariskan termasuk penubuhan-penubuhan dana modal usaha niaga Islam; perkhidmatan pemadanan; modal usaha niaga amanah; kelab-kelab dan rangkaian *"business angel"* dan penubuhan pusat penilaian teknologi dalam sektor berteknologi tinggi yang digalakkan.

Pasaran Kewangan

Tinjauan Pasaran Kewangan

Perkembangan dalam pasaran kewangan adalah bercampur-campur pada tahun 2000. Jumlah urus niaga dalam pasaran wang, bon dan niaga hadapan adalah lebih tinggi, sementara pasaran pertukaran mata wang asing mencatatkan jumlah urus niaga yang rendah sedikit.

Sentimen pasaran yang lemah dalam pasaran ekuiti mengakibatkan urus niaga berkurangan dengan ketara. Walau bagaimanapun, pasaran kewangan kekal berkesan dalam memainkan peranan mereka sebagai perantara kewangan dalam menggerakkan dan memperuntukkan dana. Pasaran kewangan terus disokong oleh kemudahan rangka pengawalan yang terus diperkukuhkan lagi dengan usaha yang bertujuan meningkatkan ketelusan dan keberkesanan pasaran.

Jumlah urus niaga dalam pasaran wang meningkat sedikit, sebanyak 0.7% kepada RM1,425 bilion pada tahun 2000. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan jumlah urus niaga instrumen pasaran wang yang mana lebih daripada mengimbangi kemerosotan dalam urus niaga deposit antara bank. Urus niaga deposit antara bank terus merosot pada tahun ini disebabkan terutamanya oleh suasana mudah tunai yang lega berserta dengan pertumbuhan pinjaman yang rendah dalam sistem perbankan, yang telah mengurangkan keperluan untuk mendapatkan pembiayaan antara bank.

Urus niaga instrumen pasaran wang meningkat untuk kebanyakan instrumen. Peningkatan ini mencerminkan terutamanya permintaan bagi pelaburan institusi. Dalam keadaan di mana aktiviti pinjaman meningkat secara perlahan dan mudah tunai yang lega, institusi perbankan aktif mencari instrumen pasaran wang untuk pelaburan daripada dana berlebihan mereka.

Aktiviti di pasaran pertukaran mata wang asing antara bank tempatan secara relatifnya kekal stabil pada tahun ini, dengan jumlah purata harian bagi urus niaga pertukaran mata wang asing antara bank yang diniagakan melalui lapan buah syarikat broker wang merosot sedikit sebanyak 0.1%, berbanding jumlah yang diurusniagakan pada tahun 1999. Urus niaga di pasaran pertukaran mata wang asing berterusan dikuasai oleh urus niaga di dalam dolar Amerika Syarikat (AS) dengan ringgit mencerminkan pentingnya dolar AS sebagai mata wang pengantaraan di pasaran pertukaran mata wang asing antara bank serta penggunaan meluas dolar AS sebagai mata wang penjelasan utama bagi perdagangan dan urus niaga akaun modal yang lain.

Dana yang diperoleh daripada pasaran modal adalah amat tinggi pada tahun 2000, berjumlah

Jadual 4.28
Dana yang diperoleh daripada Pasaran Modal

	1999	2000*a*
	RM juta	
Oleh Sektor Awam		
Sekuriti Kerajaan, kasar	10,000	16,413
Tolak Penebusan	6,676	5,286
Tolak Milikan Kerajaan	0	0
Bersamaan Penerimaan bersih Persekutuan	3,324	11,128
Bon Khazanah (bersih)	2,598	551
Terbitan Pelaburan Kerajaan (bersih)	0	2,000
Bon Simpanan Malaysia (bersih)	375	–19
Dana bersih yang diperoleh oleh Sektor Awam	6,297	13,659
Oleh Sektor Swasta		
Saham	6,096	6,004
Sekuriti hutang[1]	26,558	31,097
Tolak Penebusan	12,750	10,331
Bersamaan Keluaran bersih	13,808	20,766
Dana bersih yang diperoleh oleh Sektor Swasta	19,904	26,770
Jumlah Dana Bersih yang diperoleh	**26,202**	**40,429**
Kertas dan nota jangka-pendek (bersih)[2]	–720	–1,626
Jumlah	**25,481**	**38,803**

a Awalan.
[1] Tidak termasuk sekuriti hutang swasta hutang yang diterbitkan oleh institusi perbankan.
[2] Merujuk kepada Nota Cagamas dan Kertas Perdagangan sahaja.

sebanyak RM40.4 bilion (1999: RM26.2 bilion). Ini mencerminkan lebih banyak dana yang diperoleh oleh sektor swasta, sementara dana yang diperoleh oleh sektor awam adalah rendah sedikit. Sumber pembiayaan utama sektor swasta adalah pasaran hutang sekuriti swasta *(PDS)*. Persekitaran kadar faedah yang rendah telah menyebabkan lebih kecenderungan untuk mendapatkan pembiayaan projek jangka panjang melalui pasaran sekuriti hutang swasta dan juga memenuhi keperluan pembiayaan aktiviti-aktiviti penstrukturan semula hutang korporat yang sedang dijalankan. Pasaran ekuiti kekal sebagai pembekal pembiayaan yang penting bagi sektor swasta pada tahun 2000. Dana yang diperoleh adalah terutamanya melalui terbitan-terbitan hak dan tawaran permulaan awam.

Sektor awam memperoleh sebanyak RM13.6 bilion pada tahun 2000, terutamanya melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) yang lebih tinggi. Terbitan SKM yang lebih tinggi mencerminkan keperluan pembiayaan Kerajaan yang lebih tinggi serta komitmen Kerajaan terhadap keperluan terbitan SKM yang lebih kerap untuk membangunkan keluk hasil tanda aras bagi pasaran bon.

Pasaran saham lembab pada tahun 2000 dengan indeks utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), Indeks Komposit BSKL *(KLSE CI)* merosot sebanyak 16.3% mengakhiri tahun pada 679.64 mata. Jumlah permodalan pasaran dan jumlah urus niaga (dalam unit) adalah lebih rendah masing-masing pada 19.6% dan 16.4%. Prestasi BSKL adalah lemah secara relatifnya walaupun prestasi ekonomi lebih kukuh, akibat daripada kesan penularan dari pasaran Amerika Syarikat dan serantau, pemindahan dalam aliran modal antarabangsa dan kebimbangan mengenai perkembangan dalam sektor korporat tempatan. Walaupun kejatuhan dalam harga ekuiti, pasaran saham kekal penting untuk aktiviti perolehan dana sektor swasta dalam tahun 2000.

Semenjak krisis kewangan Asia, pasaran bon ringgit berkembang dengan pesatnya. Pada tahun 2000, dana berjumlah sebanyak RM34.4 bilion telah diperoleh daripada pasaran bon ringgit, mencakupi sebanyak 85.1% daripada jumlah dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal. Dari segi saiz, nilai terkumpul pasaran bon ringgit berkembang sebanyak 19.4% daripada RM202.5 bilion pada akhir tahun 1999 kepada RM241.7 bilion pada akhir tahun 2000. Terbitan yang lebih tinggi bagi kedua-dua sektor awam dan sektor sekuriti hutang swasta disebabkan oleh kombinasi beberapa faktor, iaitu persekitaran kadar faedah yang rendah, peningkatan keperluan untuk membiayai aktiviti ekonomi seiring dengan pertumbuhan ekonomi, peningkatan perlaksanaan skim penstrukturan semula hutang korporat dan defisit fiskal yang lebih tinggi.

Dengan terbitan yang lebih tinggi pada tahun 2000, pasaran *PDS* berkembang untuk

Graf 4.20
Dana Bersih yang diperoleh dalam Pasaran Modal oleh Sektor Awam dan Swasta



mencakupi sebanyak 58% daripada jumlah bon terkumpul. Perkembangan ini menghasilkan pembangunan pasaran *PDS* yang lebih dalam dan mudah tunai. Aktiviti urus niaga dalam pasaran sekunder meningkat dengan nyata pada tahun ini, berjumlah sebanyak RM253.8 bilion atau peningkatan sebanyak 62.8% daripada tahun sebelumnya. Akibatnya, mudah tunai pasaran meningkat daripada 77% kepada 105%. Berikutan dengan persekitaran kadar faedah yang rendah dan stabil, kadar hasil bon adalah lebih rendah dan bergerak dalam lingkungan yang kecil. Pertumbuhan ekonomi dan pemulihan kualiti kredit korporat pada tahun ini juga menghasilkan perbezaan kadar hasil yang lebih kecil bagi bon berbagai penarafan berbanding dengan skim tanpa risiko.

Pada tahun 2000, beberapa langkah telah diambil untuk membangunkan lagi pasaran bon. Dalam membentuk keluk tanda aras, buat pertama kalinya Kerajaan telah mengumumkan kalendar jadual terbitan bagi terbitan-terbitan sekuriti Kerajaan dan membuka semula SKM yang sedia ada kepada nilai yang lebih besar.

Tambahan lagi, Suruhanjaya Sekuriti juga dilantik sebagai pihak berkuasa untuk pasaran *PDS*.

Dalam pasaran derivatif, perkembangan yang ketara dapat dilihat daripada segi perluasan pasaran dan perkembangan pasaran yang masih membangun. Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur *(KLOFFE)* melancarkan produk opsyen kewangan pertama, Opsyen *KLSE CI*, pada bulan Disember. Sementara itu, aktiviti urus niaga bagi Niaga Hadapan *KLSE CI* juga lemah pada tahun 2000. Jumlah urus niaga menurun sebanyak 15%, disebabkan terutamanya oleh kekurangan penyertaan pelabur asing. Disebaliknya, aktiviti urus niaga dalam pasaran Niaga Hadapan *KLIBOR* adalah aktif, mencatat peningkatan sebanyak 54.6% daripada tahun sebelumnya. Aktiviti urus niaga yang lebih tinggi adalah didorong oleh keadaan mudah tunai yang mencukupi di dalam pasaran tunai di antara bank serta peningkatan aktiviti di dalam pasaran bon tempatan dan pasaran swap kadar faedah.

Dari aspek pembangunan, lebih banyak pembangunan dalam pasaran kewangan tertumpu terutamanya ke atas isu-isu pengawalan yang disasarkan untuk meningkatkan dan mengukuhkan keberkesanan pasaran dan daya saing. Terutamanya, langkah-langkah tambahan diarah untuk meningkatkan pentadbiran korporat dan menggalakkan lebih ketelusan untuk melindungi pemegang saham minoriti. Langkah-langkah juga diperkenalkan untuk mengukuhkan industri saham tempatan melalui penggabungan syarikat broker, meningkatkan prosedur pasaran dan ketelusan untuk meningkatkan daya saing. Pembangunan dalam pasaran bon terus dipertingkatan lagi dengan mengrasionalisasi struktur pengawalan untuk mencapai mekanisme pasaran yang lebih berkesan.

Pelan Induk Pasaran Modal telah dilancarkan pada bulan Februari 2001, dengan tujuan untuk menetapkan kedudukan yang strategik dan arah masa depan untuk pasaran modal Malaysia. Pelan Induk tersebut berusaha untuk memastikan yang pasaran modal berada dalam kedudukan yang betul untuk memainkan peranan dalam menyokong keperluan pertumbuhan ekonomi negara dan aspirasi, menyahut cabaran dari saingan serantau dan peningkatan globalisasi, serta mendapat peluang tambah-nilai dalam lingkungan kelebihan bandingan dan saingan.

Pasaran kewangan kekal stabil dan terus memobilisasikan dana untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Perkembangan pasaran telah diperkukuh oleh usaha untuk memperbaiki ketelusan dan urusan pentadbiran.

Pelan Induk mempunyai enam objektif, yang mana dihubungkan kepada 24 inisiatif strategik dan 152 cadangan. Enam objektif utama untuk mengembangkan Malaysia sebagai pusat perolehan dana bagi syarikat Malaysia, untuk menggalakkan industri pentadbiran pelaburan yang berkesan dan persekitaran yang lebih selesa untuk pelabur, meningkatkan kedudukan daya saing dan keberkesanan institusi pasaran, mengembangkan persekitaran yang teguh dan berdaya saing untuk perkhidmatan perantaraan, memastikan rejim pengawalan yang lebih kukuh dan lebih mudah, dan memperkenalkan Malaysia sebagai pusat pasaran modal Islam antarabangsa.

Pelan Induk akan dilaksanakan dalam tiga fasa. Dalam Fasa 1 (2001 hingga 2003), fokus

akan dipertingkatkan untuk memperkukuhkan kapasiti tempatan dan membangun sektor strategik dan yang baru berkembang. Dalam Fasa 2 (2004 and 2005), usaha-usaha akan lebih tertumpu ke atas mengukuhkan sektor utama dan secara beransur-ansur meliberalisasikan akses kepada pasaran yang mana perlu. Akhir sekali, dalam Fasa 3 (2006 ke atas), Pelan Induk akan terus mengkaji pengembangan dan mengukuhkan proses pasaran dan infrastruktur untuk meningkatkan sepenuhnya modal pasaran dan infrastruktur untuk mencapai pasaran modal yang berkembang pesat. Ia juga akan menumpukan perhatian ke atas meningkatkan kedudukan pasaran antarabangsa dalam bidang yang komparatif dan berdaya saing.

Pasaran Wang

Jumlah urus niaga dalam pasaran wang meningkat sedikit sebanyak 0.7% pada tahun 2000 kepada RM1,425 bilion (Jadual 4.29). Peningkatan ini adalah berpunca daripada jumlah urus niaga instrumen pasaran wang yang lebih tinggi (+47.7%) yang lebih daripada mengimbangi penurunan dalam urus niaga deposit antara bank (-8.2%). Urus niaga deposit antara bank terus merosot pada tahun ini disebabkan terutamanya oleh persekitaran mudah tunai yang lega dan pertumbuhan pinjaman yang sederhana yang telah mengurangkan keperluan untuk mendapatkan pembiayaan antara bank. Penurunan urus niaga adalah meliputi deposit semua tempoh matang kecuali deposit tempoh matang enam bulan ke atas di mana urus niaga yang lebih tinggi telah dicatatkan. Namun demikian, sebahagian besar urus niaga masih tertumpu kepada tempoh matang yang lebih singkat iaitu deposit semalaman dan hujung minggu (masing-masing sebanyak 64.5% dan 16.7% daripada jumlah urus niaga deposit antara bank). Penumpuan urus niaga kepada tempoh matang yang lebih singkat adalah satu kebiasaan dalam pasaran antara bank, di mana dagangan adalah pada amnya dilaksanakan bagi tujuan mudah tunai dan penyelesaian jangka pendek.

Jadual 4.29
Pasaran Wang[1]

	1999		2000	
	Jumlah (RM bilion)	Perubahan tahunan (%)	Jumlah (RM bilion)	Perubahan tahunan (%)
Jumlah urus niaga pasaran wang	**1,415.2**	**-23.1**	**1,425.4**	**0.7**
Deposit antara bank	**1,189.3**	**-28.0**	**1,091.7**	**-8.2**
Instrumen pasaran wang	**225.9**	**19.1**	**333.7**	**47.7**
Penerimaan Jurubank (BA)	67.9	-14.4	63.6	-6.3
Instrumen deposit boleh niaga (NID)	27.2	-36.9	21.0	-22.8
Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM)	63.8	92.7	88.6	38.9
Bon Khazanah	16.1	222.0	15.5	-3.7
Bil Perbendaharaan	11.5	22.3	15.0	30.4
Bil Bank Negara	-	-	50.9	-
Bon Cagamas	12.9	186.7	29.3	127.1
Nota Cagamas	26.5	73.2	49.8	87.9

[1] Semua data diperolehi daripada Sistem Penyebaran Maklumat Bon, kecuali BA dan NID di mana sumbernya adalah daripada broker pasaran wang.

Graf 4.21
Bahagian Jumlah Urus Niaga



Urus niaga dalam instrumen pasaran wang terus meningkat pada tahun 2000 sebanyak 47.7% kepada RM333.7 bilion. Seperti tahun sebelumnya, semua instrumen mencatatkan peningkatan kecuali instrumen deposit boleh niaga (NID) dan penerimaan jurubank (BA). Ini sebahagian besarnya adalah kesan daripada kelakuan peserta pasaran dalam persekitaran mudah tunai yang lega dan pertumbuhan pinjaman yang sederhana. Dalam persekitaran ini, institusi perbankan tidak bertindak agresif dalam mendapatkan dana samada daripada pasaran antara bank atau pasaran runcit. Oleh itu, terdapat penurunan yang nyata dalam NID yang diterbitkan daripada RM27.4 juta pada akhir tahun 1999 kepada RM21 juta pada akhir tahun 2000, mengakibatkan jumlah urus niaga sekunder yang lebih rendah dalam instrumen ini. Begitu juga, walaupun BA yang diterbitkan telah meningkat sejajar dengan peningkatan aktiviti ekonomi, terdapat penurunan dalam jumlah urus niaga sekuriti ini kerana institusi perbankan lebih berminat untuk memegang instrumen tersebut sehingga tempoh matang. Disebaliknya, instrumen lain mencatatkan urus niaga yang lebih besar kerana peserta aktif mencari sekuriti untuk tujuan pelaburan daripada dana lebihan yang sedia ada. Tambahan pula, kedua-dua Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) dan Bon Cagamas mencatatkan urus niaga yang lebih nyata besar pada tahun ini berbanding dengan tahun sebelumnya disebabkan oleh terbitan utama yang lebih tinggi sebanyak RM16 bilion SKM dan RM8.5 bilion Bon Cagamas (RM10 bilion dan RM4.4 bilion masing-masing pada tahun 1999). Peningkatan dagangan Bil Bank Negara adalah akibat penerbitan semula sekuriti tersebut mulai bulan Februari 2000.

Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing dan Kadar Pertukaran Ringgit

Kadar pertukaran ringgit terus ditetapkan kepada dolar Amerika Syarikat (AS) pada kadar RM3.80 bagi setiap dolar AS pada tahun 2000. Rejim ini telah berkuat kuasa semenjak 2 September 1998. Di bawah rejim ini, kadar pertukaran ringgit berbanding mata wang yang lain ditentukan melalui kadar silang, berdasarkan kepada pergerakan dolar AS berbanding mata wang tersebut di pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa.

Dari segi kadar pertukaran efektif nominal yang berwajaran perdagangan, nilai ringgit telah

Graf 4.22
Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia berbanding Mata Wang Utama (1999–2000)



meningkat sebanyak 6.8% pada tahun ini selaras dengan peningkatan nilai dolar AS. Jangkaan pulangan yang lebih tinggi ke atas aset yang berasaskan dolar AS, terutamanya pada separuh tahun pertama berikutan prospek anggaran pertumbuhan KDNK di AS yang meningkat dengan lebih ketara berbanding negara-negara yang lain, telah memberi sokongan kepada peningkatan dalam nilai dolar AS berbanding mata wang yang lain dalam sekumpulan mata wang negara-negara yang berdagang dengan Malaysia.

Perbandingan secara dua hala menunjukkan **nilai ringgit telah meningkat berbanding yen Jepun (12.1%), euro (8.5%) dan pound sterling (8.3%)** selaras dengan pergerakan dolar AS berbanding mata wang tersebut di pasaran mata wang asing antarabangsa. Nilai euro telah menurun berbanding dolar AS pada sepuluh bulan pertama tahun ini disebabkan terutamanya oleh aliran keluar dana

Graf 4.23
Prestasi Ringgit Malaysia berbanding Mata Wang Serantau terpilih



Nota: Peningkatan indeks melambangkan peningkatan nilai mata wang tersebut berbanding ringgit.

Jadual 4.30
Perkembangan Ringgit

	RM berbanding satu unit mata wang asing [1]				Perubahan tahunan (%)		Perubahan (%)	
	1997	1998	1999	2000	1999	2000	Akhir-Jun '97-Dis.2000	2 Sept. '98-Dis.2000
	Akhir-Jun	Sept.2 [2]	Akhir-Dis.					
Komposit	102.47	72.11	68.64	70.86	-1.3	3.2	-30.8	-1.7
SDR	3.5030	5.1177	5.2096	4.9511	2.7	5.2	-29.2	3.4
AS$	2.5235	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	-33.6	0.0
S$	1.7647	2.1998	2.2809	2.1946	0.3	3.9	-19.6	0.2
100 Yen	2.2088	2.7742	3.7115	3.3121	-10.7	12.1	-33.3	-16.2
Paun Sterling	4.1989	6.3708	6.1389	5.6662	3.1	8.3	-25.9	12.4
Mark Jerman	1.4522	2.1743	1.9599	1.8064	15.5	8.5	-19.6	20.4
Franc Switzerland	1.7368	2.6450	2.3836	2.3234	15.4	2.6	-25.2	13.8
Euro [3]	-	-	3.8333	3.5331	17.5	8.5	-	-
100 Baht Thai	9.7470	9.3713	10.1199	8.7790	2.4	15.3	11.0	6.7
100 Rupiah Indonesia	0.1038	0.0354	0.0542	0.0395	-12.2	37.2	162.8	-10.4
100 Won Korea	0.2842	0.2827	0.3355	0.3022	-4.9	11.0	-6.0	-6.5
100 Peso Filipina	9.5878	8.8302	9.4823	7.6053	2.4	24.7	26.1	16.1

[1] Kadar AS$ ialah kadar purata belian dan jualan pada pukul 12.00 tengahari di Pasaran Pertukaran Asing Antara Bank Kuala Lumpur. Kadar bagi mata wang asing selain daripada AS$ adalah kadar silang yang diperoleh daripada kadar mata wang asing tersebut berbanding AS$ dan kadar RM/AS$.
[2] Ringgit ditetapkan pada AS$1=RM3.8000 pada 2 September 1998.
[3] Euro mula diperdagangkan pada 4 Januari 1999 (EUR 1= RM4.5050). Perubahan tahunan pada tahun 1999 adalah dikira berdasarkan nilai pada 4 Januari 1999.

pelaburan asing langsung, modal ekuiti dan bon dari kawasan euro, terutamanya ke Amerika Syarikat. Kebimbangan terhadap kemerosotan nilai mata wang euro telah mendorong negara-negara G7 untuk campur tangan dalam pasaran mata wang asing bagi menyokong nilai mata wang euro pada 22 September 2000. Bank Pusat Eropah juga turut campur tangan secara berasingan beberapa kali selepas itu. Sementara itu, pound sterling juga telah turun nilai berbanding dolar AS selaras dengan kelemahan mata wang euro. Penurunan nilai pound sterling mencerminkan tanggapan pasaran bahawa kecenderungan pihak berkuasa United Kingdom untuk mengetatkan dasar monetari tidak lagi wujud. Faktor-faktor teknikal, seperti urus niaga momentum dan aliran dana berikutan aktiviti gabungan syarikat (M dan A) juga telah mempengaruhi pergerakan kadar pertukaran.

Graf 4.24
Jumlah Urus Niaga Antara Bank di Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing Kuala Lumpur



Menjelang hujung tahun 2000, berlaku perubahan dalam arah aliran nilai dolar AS, di mana nilai dolar telah menurun berbanding euro dan pound sterling berikutan terdapatnya tanda-tanda pertumbuhan yang lebih perlahan di Amerika Syarikat yang menyebabkan peniaga mata wang menjangka bahawa Bank Pusat AS *(Federal Reserve)* tidak akan meningkatkan lagi kadar faedah. Walau bagaimanapun, nilai mata wang yen Jepun terus mengalami tekanan ke bawah pada suku terakhir tahun 2000 disebabkan kebimbangan terhadap kemajuan pemulihan ekonomi Jepun yang perlahan.

Pada tahun ini, **nilai ringgit telah meningkat berbanding kesemua mata wang serantau.** Kebimbangan pelabur mengenai kesan daripada pertumbuhan AS yang semakin lemah serta harga minyak yang tinggi ke atas prospek pertumbuhan ekonomi serantau telah memberi tekanan kepada kebanyakan mata wang serantau berbanding dolar AS. Perkembangan politik di Indonesia dan Filipina telah menurunkan lagi nilai rupiah dan peso. Sementara itu, nilai won Korea tetap kukuh bagi tiga suku pertama tahun ini disokong oleh aliran masuk dana yang besar. Walau bagaimanapun, nilai won menurun dengan ketara pada suku terakhir disebabkan kebimbangan terhadap prestasi sektor korporat serta pasaran saham yang lemah di Korea.

Graf 4.25
Urus Niaga Antara Bank di Pasaran Mata Wang Asing Kuala Lumpur mengikut Mata wang



Rejim kadar pertukaran tetap terus memberi kestabilan kepada pasaran kewangan Malaysia dalam suasana pasaran pertukaran asing yang sentiasa berubah. Walaupun mata wang serantau turun nilai pada tempoh tersebut, kadar pertukaran tetap tersebut terus disokong oleh asas ekonomi yang kukuh. Kadar inflasi kekal rendah dan akaun semasa imbangan pembayaran terus berada dalam keadaan lebihan. Selain daripada itu, tahap rizab antarabangsa kekal kukuh sementara jumlah pinjaman jangka-pendek adalah rendah dan hanya merangkumi 15.7% daripada jumlah rizab. Dasar ekonomi makro terus ditumpukan ke arah mengekalkan kekukuhan asas-asas tersebut.

Aktiviti di pasaran pertukaran mata wang asing KL tetap stabil pada tahun ini. Jumlah purata harian bagi urus niaga pertukaran mata wang asing antara bank (urus niaga *spot* dan *swap*) yang diniagakan melalui lapan buah syarikat broker wang menurun sedikit sebanyak 0.1% berbanding jumlah yang diurusniagakan pada tahun 1999. Semenjak pengenalan kawalan pertukaran terpilih, aktiviti urus niaga ringgit di pasaran pertukaran asing antara bank KL adalah sebahagian besarnya dikaitkan dengan urus niaga perdagangan, yang mana telah menghasilkan aliran dana yang lebih stabil sambil disokong oleh aktiviti ekonomi benar. Aktiviti spekulatif ke atas ringgit telah dibendung melalui penghapusan pasaran ringgit luar pesisir serta garis panduan yang mengawal rangka kerja operasi institusi perbankan. Dengan penguatkuasaan langkah-langkah tersebut, jumlah urus niaga yang dikendalikan telah menurun dengan ketara berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Mengikut jenis mata wang, urus niaga di pasaran pertukaran mata wang asing terus dikuasai oleh urus niaga dolar AS berbanding ringgit, dengan jumlah urus niaga tersebut meningkat dari 63% daripada jumlah urus niaga pada tahun 1999 kepada 68% pada tahun 2000. Penguasaan urus niaga dolar AS berbanding ringgit yang berterusan mencerminkan pentingnya dolar AS sebagai mata wang pengantaraan di pasaran pertukaran mata wang asing antara bank serta penggunaan meluas dolar AS sebagai mata wang penjelasan utama bagi perdagangan dan urus niaga akaun modal yang lain.

Pasaran Ekuiti

Tahun 2000 bermula pada tapak yang kukuh bagi Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Bersama-sama dengan peralihan yang berjalan lancar tanpa masalah pepijat Y2K, minat belian kembali ke pasaran pada awal tahun dengan bukti yang nyata bahawa ekonomi Malaysia kekal berada pada landasan pemulihan. Kemasukan semula portfolio pelaburan asing ke Malaysia yang terbukti lebih awal daripada kemasukan semula Malaysia ke dalam indeks MSCI, lantas memberikan kecairan yang mencukupi bagi bursa tempatan. Kemajuan teknologi, media dan telekomunikasi sedunia yang dialami oleh kebanyakan pasaran saham utama dalam separuh tahun pertama terus menyemarakkan minat kepada kaunter-kaunter yang sama di BSKL. Saham yang berkaitan dengan teknologi mengalami kenaikan harga dan pertambahan penilaian dalam tempoh tersebut. BSKL melancarkan Sektor teknologi dan Indeks yang berkaitan Teknologi pada bulan Mei untuk membantu pelabur-pelabur mengenalpasti syarikat-syarikat berinovasi teknologi yang disenaraikan di BSKL, di samping menggalakkan syarikat-syarikat yang serupa untuk memohon penyenaraian di BSKL.

Walaupun asas ekonomi mengukuh dengan keadaan mudah tunai yang mencukupi dan persekitaran kadar faedah dan inflasi yang rendah, prestasi BSKL menjadi lemah pada separuh tahun kedua tahun 2000. Perkembangan ini disebabkan terutamanya oleh kesan rentetan daripada pasaran saham utama serantau dan Amerika Syarikat serta peralihan dalam aliran modal antarabangsa berserta dengan kebimbangan ke atas perkembangan sektor korporat tempatan. Faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi

bursa tempatan di sepanjang tahun 2000 dijelaskan oleh carta berikut.

Tanda aras Indeks Komposit BSKL *(KLSE CI)* ditutup dengan lebih rendah sebanyak 16.3% pada 679.64 mata pada akhir tahun 2000 sementara permodalan pasaran merosot sebanyak 19.6% kepada RM444.35 bilion. Jumlah urus niaga keseluruhan adalah lebih rendah sebanyak 16.4% sementara nilai urus niaga meningkat sebanyak 22.3% berbanding tahun sebelumnya. Indeks sektor di BSKL juga menunjukkan arah aliran yang sama. Pada asas tahunan, kemerosotan kebanyakan indeks adalah secara menyeluruh dalam lingkungan 20 sehingga 40%. Sektor yang mencatatkan jumlah urus niaga yang tinggi adalah sektor infrastruktur (68.7%), perladangan (42.4%) dan perlombongan (10.9%). Walau bagaimanapun, *KLSE CI* mempamerkan prestasi yang lebih baik berbanding dengan bursa serantau yang lain.

Pengumpulan stok oleh pelabur institusi sebelum kemasukan semula Malaysia ke dalam indek MSCI pada akhir bulan Mei telah meningkatkan pasaran ke tahap tertinggi tahunan (*KLSE CI:* 1,013) pada 18 Februari. Dalam tempoh tujuh minggu, iaitu daripada 3 Januari ke 18 Februari, BSKL telah meningkat dengan luar biasa sebanyak 21.5%, jauh mengatasi prestasi bursa-bursa lain di rantau ini. Pada lima bulan pertama tahun 2000, sejumlah RM8.3 bilion (AS$2.1 bilion) aliran masuk modal portfolio telah dicatatkan melalui Akaun Luaran dan Akaun Luaran Khas. Walau bagaimanapun, di antara akhir bulan Jun sehingga akhir tahun,

Graf 4.26
Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE CI), Indeks Papan Kedua dan Urus Niaga BSKL



Sumber: Bursa Saham Kuala Lumpur

Jadual 4.31
Bursa Saham Kuala Lumpur: Penunjuk Terpilih

	1999	2000*a*
Indeks harga		
Komposit	812.33	679.64
EMAS	206.39	159.77
Papan Kedua	180.57	132.98
Jumlah urus niaga		
Jumlah (bilion unit)	90.1	75.4
Nilai (RM bilion)	199.6	244.1
Purata urus niaga harian		
Jumlah (juta unit)	363.5	309.1
Nilai (RM juta)	805.0	1000.2
Nilai pasaran (RM bilion)	552.7	444.4
Nilai pasaran/KDNK (%)	184.0	130.9
Jumlah syarikat yang disenaraikan	757	795
Papan Utama	474	499
Papan Kedua	283	296
Mudah tunai pasaran:		
Nilai urus niaga/Nilai pasaran (%)	43.5	42.3
Jumlah urus niaga/Bilangan sekuriti yang disenaraikan (%)	52.3	39.5
Penumpuan pasaran:		
10 saham dengan nilai pasaran tertinggi/ Nilai pasaran (%)	33.9	38.9
Purata modal berbayar syarikat broker saham (RM juta)	103.2	129.6

a Awalan

Sumber: Bursa Saham Kuala Lumpur

terdapat aliran keluar bersih sebanyak RM12.3 bilion (AS$3.2 bilion). Secara keseluruhannya, aliran keluar bersih dana portfolio bagi tahun ini berjumlah RM4 bilion (AS$1.1 bilion). Aliran keluar modal portfolio asing telah menjejaskan keadaan mudah tunai dalam bursa tempatan berserta harga dan urus niaga juga kekal merosot pada separuh tahun kedua tahun 2000.

Pasaran ekuiti kekal sebagai sumber pembiayaan yang penting bagi sektor swasta pada tahun 2000, mencakupi sebanyak 22.4% daripada dana bersih yang diperolehi oleh sektor swasta dalam pasaran modal (30.6% pada tahun 1999). Lebih kurang 65% daripada pembiayaan baru yang diperoleh daripada pasaran ekuiti adalah melalui terbitan hak manakala tawaran awam permulaan (IPOs) pula mencakupi 16.6%. Pada tahun 2000, terdapat sejumlah 38 IPOs, 12 di antaranya disenaraikan di papan utama. Syarikat-syarikat yang terlibat dalam pengeluaran barangan industri dan pengguna telah membentuk sebahagian besar daripada bilangan penyenaraian baru. Jumlah IPOs meningkat lebih daripada sekali ganda pada tahun ini dan sejumlah 425.9 juta unit

Graf 4.27
Perkembangan KLSE CI (31 Dis 99 - 30 Jun 2000)



Graf 4.28
Perkembangan KLSE CI (1 Julai - 30 Disember 2000)



baru telah ditawarkan. Perkembangan ini adalah sejajar dengan pengukuhan aktiviti ekonomi, yang telah membawa kepada peningkatan dalam prospek keuntungan sektor korporat. Dari segi perkembangan pasaran, terdapat lebih banyak unit telah didagangkan berserta dengan kepelbagaian dari segi jenis kaunter yang berlainan di bursa tempatan pada tahun 2000. Ini telah menyediakan pilihan pelaburan ekuiti yang lebih meluas. Walau bagaimanapun, prestasi BSKL yang lemah pada separuh tahun kedua tahun ini telah sedikit sebanyak memberi kesan kepada prospek penyenaraian. Ini terbukti dengan hampir 80% daripada

Graf 4.29
Prestasi Indeks Pasaran Saham Terpilih (perubahan dari tahun 1999 ke 2000)



Sumber: Datastream

Graf 4.31
Dana Bersih yang Diperoleh oleh Sektor Swasta daripada Pasaran Modal



penyenaraian baru dibuat di antara bulan Januari dan Jun.

Beberapa langkah telah diperkenalkan di sepanjang tahun ini untuk membangunkan pasaran modal. Langkah-langkah utama adalah terdapat dalam "Langkah-langkah Pasaran Modal Utama pada tahun 2000". Tahun 2000 juga menyaksikan perlaksanaan berterusan langkah-langkah pentadbiran korporat yang baru serta penguatkuasaannya. Langkah-langkah yang diambil adalah bertujuan untuk mempertingkatkan kebertanggungjawaban syarikat yang tersenarai bagi menggalakkan keutuhan dan daya tahan syarikat-syarikat ini. Langkah-langkah ini meneruskan perlaksanaan amalan pentadbiran korporat yang boleh dipercayai dan berkesan untuk memanfaatkan para pelabur dan pasaran serta meningkatkan kecekapan dan keusahawanan perniagaan. Syarikat yang tersenarai telah mencatatkan kemajuan dalam perlaksanaan amalan pentadbiran korporat. Pada akhir tahun 2000,

Graf 4.30
KLSE CI berbanding Aliran Bersih melalui Akaun Luaran (Mac 1999-Dis.2000)



penyerahan laporan suku tahunan penyata kewangan bagi syarikat-syarikat yang tersenarai telah mencapai kadar pematuhan sebanyak 99%, menunjukkan kezahiran, ketelusan dan kebertanggungjawaban yang lebih baik oleh peserta pasaran. Pada masa yang sama, sejumlah 143 tindakan telah diambil terhadap syarikat yang tersenarai disebabkan kegagalan untuk mematuhi keperluan penyenaraian.

Di Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia *(MESDAQ)*, indeks komposit *MESDAQ* (MCI) meningkat sebanyak 3.5% untuk ditutup pada 93.1 mata pada akhir tahun 2000. Jumlah urus niaga di *MESDAQ* bernilai RM4.7 juta. Sebahagian besar daripada urus niaga ini tertumpu pada bulan Februari dan Mac yang selaras dengan peningkatan prestasi BSKL yang pada tempoh tersebut. Permodalan pasaran meningkat kepada RM141.4 juta (pada akhir tahun 1999: RM55.7 juta). Dua kaunter lagi telah disenaraikan di *MESDAQ* pada tahun lalu. Sehingga akhir tahun 2000, terdapat enam permohonan untuk penyenaraian di *MESDAQ*. Urus niaga di kaunter-kaunter *MESDAQ* telah dipengaruhi oleh sentimen pasaran yang teruk yang menyebabkan saham *MESDAQ* mengalami jumlah urus niaga yang rendah. Pada akhir tahun 2000, jumlah keahlian *MESDAQ* meningkat kepada 19, yang mana 15 di antaranya adalah syarikat broker saham dan empat lagi adalah bank saudagar. Tujuh daripada penyertaan ini adalah penggerak pasaran.

Sistem urus niaga *MESDAQ* baru yang berasaskan internet, MORE! *(MESDAQ Order Routing and Execution System)* telah dilancarkan pada 28 Julai 2000. Sistem baru ini

Graf 4.32
Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia: Urus Niaga dan Indeks Komposit MESDAQ (MCI)



menggantikan sistem berasaskan kuota Bloomberg. Satu peristiwa yang penting bagi *MESDAQ* adalah kelulusan daripada Suruhanjaya Sekuriti yang membenarkan syarikat Koridor Raya Multimedia disenaraikan secara serentak di *MESDAQ* dan *NASDAQ* dengan menerbitkan sehingga 30% daripada modal berbayar syarikat yang disenaraikan di *NASDAQ* melalui *American Depository Receipts.* Langkah ini membolehkan syarikat-syarikat memperoleh dana yang lebih banyak daripada dua pasaran ekuiti ini dan keumpilan atas penjenamaan, mudah tunai dan juga penilaian yang dapat ditawarkan oleh *NASDAQ.*

Salah satu objektif Pelan Induk Pasaran Modal yang dilancarkan baru-baru ini adalah untuk meningkatkan kedudukan persaingan dan kecekapan institusi pasaran. Untuk mencapai objektif ini, Pelan Induk ini mencadangkan, antara lainnya, penyatuan instituti-institusi pasaran dan menerima pakai aktiviti-aktiviti yang lebih fokus kepada komersil. Bursa Malaysia yang tunggal akan ditubuhkan melalui penggabungan kesemua bursa yang sedia ada. Penyatuan bursa ini akan disamakan dan beroperasi sebagai entiti yang berasaskan keuntungan untuk memastikan ianya mempunyai rangka kerja pentadbiran yang sesuai bagi memimpin pembangunan bursa di masa hadapan. Adalah juga dicadangkan bahawa entiti yang telah disamakan ini disenaraikan di pasaran saham. Institusi pasaran akan terus memenuhi amalan antarabangsa yang terbaik dan menawarkan struktur kos yang berdaya saing secara global.

Pasaran Bon

Pada tahun 2000, pasaran bon ringgit berkembang dengan pesatnya dan telah banyak menyumbang dalam menyediakan sumber pembiayaan alternatif kepada para peminjam. Perkembangan pasaran bon adalah disebabkan oleh kadar faedah yang rendah, permintaan yang lebih tinggi terhadap pembiayaan jangka panjang seiring dengan perkembangan aktiviti ekonomi, dan juga keperluan pembiayaan di bawah skim penstrukturan semula hutang korporat yang sedang dilaksanakan. Tambahan lagi, Kerajaan terus menerbit Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) untuk membiayai defisit fiskal.

Pertumbuhan yang nyata dalam pasaran bon telah dilihat melalui peningkatan dalam nilai bon ringgit yang terkumpul, sebanyak 19.4% pada tahun 2000 kepada RM241.7 bilion (RM202.5 bilion pada tahun 1999), termasuk sekuriti-sekuriti sektor awam[1] dan sekuriti-sekuriti swasta[2] (PDS). Nilai PDS terkumpul adalah lebih besar, iaitu sebanyak 58% daripada jumlah nilai terkumpul pada akhir tahun 2000, adalah lebih besar berbanding nilai terkumpul sekuriti sektor awam sebanyak 42%. Pasaran bon dari segi peratusan daripada KDNK juga meningkat kepada 71.2%, dengan nisbah pasaran PDS kepada KDNK pada 41.3%. Pertumbuhan dalam pasaran PDS ini adalah ketara. Pada tahun 1990, saiz pasaran PDS adalah sebanyak 5.3% daripada KDNK dan selepas krisis pada tahun 1999, peratusannya adalah sebanyak 37.6%. Pasaran PDS adalah dijangka akan terus berkembang dan mengambil bahagian yang lebih besar dalam pembiayaan ekonomi. Pada masa ini, sektor perbankan masih mencakupi bahagian yang lebih besar dengan jumlah pinjaman terkumpul (tidak termasuk pinjaman yang telah dijual kepada Cagamas dan Danaharta) sebanyak 116.9% daripada KDNK pada akhir tahun 2000.

Dari segi dana bersih yang dikumpulkan, pasaran bon (kedua-dua sektor awam dan swasta) memperoleh sebanyak RM34.4 bilion, mencakupi 85.1% daripada jumlah dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal.

[1] Sekuriti hutang awam merujuk kepada Sekuriti Kerajaan Malaysia, Terbitan Pelaburan Kerajaan, bon Khazanah dan Bon Simpanan Malaysia.
[2] Sekuriti hutang swasta merujuk kepada bon Cagamas, bon Danamodal, bon Danaharta dan lain-lain *PDS.*

Graf 4.33
Saiz Pasaran Bon Ringgit: Nilai Terkumpul



1 Sekuriti Kerajaan Malaysia
2 Lain-lain Sekuriti Hutang Swasta
3 Bon Cagamas
4 Bon Danamodal
5 Bon Danaharta
6 Bon Khazanah
7 Terbitan Pelaburan Kerajaan
8 Bon Simpanan Malaysia

Jumlah dana bersih yang diperoleh oleh sektor awam berjumlah sebanyak RM13.7 bilion, terutamanya hasil daripada terbitan-terbitan SKM. Pada tahun ini, Kerajaan telah mengapungkan lima terbitan SKM berjumlah sebanyak RM16.4 bilion, dengan tempoh kematangan 3, 5 dan 10 tahun. Setelah mengambil kira penebusan, jumlah dana bersih yang diperoleh melalui SKM adalah sebanyak RM11.1 bilion (1999: RM3.3 bilion). Terbitan SKM yang lebih besar ini adalah disebabkan oleh keperluan pembiayaan Kerajaan yang lebih tinggi dan juga objektif Kerajaan untuk memastikan terbitan yang kerap sebagai salah satu langkah untuk membangunkan pasaran ringgit bon.

Graf 4.34
Dana yang Diperoleh Daripada Pasaran Bon (1996-2000)



Jadual 4.32
Dana yang Diperoleh Daripada Pasaran Bon

	1999	2000*a*
	RM juta	
Oleh Sektor Awam		
Sekuriti Kerajaan, kasar	10,000	16,413
Tolak Penebusan	6,676	5,286
Bersamaan Penerimaan bersih Persekutuan	3,324	11,128
Bon Khazanah (bersih)	2,598	551
Terbitan Pelaburan Kerajaan (bersih)	0	2,000
Bon Simpanan Malaysia (bersih)	375	–19
Dana bersih yang diperoleh oleh sektor awam	6,297	13,659
Oleh Sektor Swasta		
Sekuriti hutang swasta[1], kasar	26,557	31,097
Bon biasa	18,182	12,940
Bon dengan Waran	947	0
Bon boleh tukar	1,269	1,944
Bon berasaskan prinsip Islam	1,734	7,666
Bon Cagamas	4,425	8,547
Tolak Penebusan	12,750	10,331
Sekuriti hutang swasta	6,280	6,077
Bon Cagamas	6,470	4,254
Dana bersih yang diperoleh oleh sektor swasta	13,807	20,766
Dana bersih yang diperoleh daripada pasaran bon	**20,104**	**34,425**
Terbitan bersih sekuriti jangka-pendek [2]	–720	–1,626
Jumlah	**19,384**	**32,799**

[1] Tidak termasuk sekuriti hutang yang diterbitkan oleh institusi perbankan.
[2] Merujuk kepada Nota Cagamas dan Kertas Perdagangan sahaja.
a Awalan.

Dana kasar yang diperoleh daripada pasaran PDS adalah lebih tinggi pada tahun 2000, berjumlah sebanyak RM31.1 bilion (1999: RM26.6 bilion). Dari segi jenis terbitan, bon biasa mencakupi sebanyak 41.6% (1999: 68.5%) daripada jumlah dana kasar yang diperoleh, bon Cagamas yang disokong oleh aset, sebanyak 27.5% (1999: 16.7%), diikuti oleh bon berasaskan Prinsip Islam sebanyak 24.7% (1999: 6.5%). Setelah mengambil kira penebusan sebanyak RM10.3 bilion, jumlah dana bersih yang diperoleh daripada pasaran PDS kekal tinggi sebanyak RM20.8 bilion (1999: RM13.8 bilion). Terbitan PDS yang lebih tinggi ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor, seperti persekitaran kadar faedah yang rendah dan keadaan mudah tunai yang mencukupi bagi sektor korporat untuk mengumpulkan dana, dan juga peningkatan keperluan pembiayaan modal jangka panjang serta aktiviti penstrukturan semula hutang korporat yang sedang dilaksanakan. Pertumbuhan dalam pasaran PDS juga disebabkan oleh permintaan pelabur kepada

Jadual 4.33
Terbitan Baru Sekuriti Hutang Swasta mengikut Sektor[1]

Sektor	1999		2000*a*	
	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian
Pertanian, ternakan, perhutanan dan perikanan	0.0	0.0	42.5	0.2
Perlombongan dan kuari	0.0	0.0	0.0	0.0
Perkilangan	1,506.9	6.8	1,354.6	6.0
Elektrik, gas dan bekalan air	63.8	0.3	4,564.1	20.2
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	660.0	3.0	1,853.9	8.2
Pembinaan	5,002.2	22.6	2,006.3	8.9
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	8,331.2	37.6	7,320.3	32.5
Perkhidmatan kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan	6,568.4	29.7	5,108.3	22.7
Lain-lain	0.0	0.0	300.0	1.3
Jumlah	**22,132.5**	**100.0**	**22,550.0**	**100.0**

a Awalan

[1] Tidak termasuk bon Cagamas

pelaburan alternatif yang memberi pulangan yang lebih tinggi daripada deposit bank.

Penerbit-penerbit PDS adalah daripada sektor yang luas. Dalam pasaran terbitan utama, terbitan-terbitan baru adalah terutamanya daripada sektor-sektor infrastruktur (pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi), utiliti (elektrik, gas dan pembekalan air) dan perkhidmatan kewangan. Dari segi penggunaan dana yang diperolehi, 52% daripada PDS yang diterbitkan adalah untuk perlaksanaan skim penstrukturan semula hutang korporat, diikuti dengan bagi pembiayaan aktiviti baru (31.2%) dan pembiayaan semula (16.8%).

Aktiviti urus niaga di pasaran sekunder meningkat dengan nyata pada tahun ini.

Graf 4.35
Penggunaan Dana yang Diperoleh pada Tahun 2000[1]



[1] Tidak termasuk Cagamas

Graf 4.36
Urus Niaga Bon Ringgit



1 Sekuriti Kerajaan Malaysia
2 Bon Danamodal
3 Bon Khazanah
4 Bon Cagamas
5 Bon Danaharta
6 Lain-lain PDS Tidak Tersenarai
7 Lain-lain PDS Tersenarai

Sumber: Sistem Penyebaran dan Maklumat Bon

Pasaran sekunder yang aktif dan mudah tunai yang mencukupi adalah merupakan kunci penunjuk kepada permintaan pelabur dan kematangan pasaran yang berkekalan. Aktiviti urus niaga dalam pasaran sekunder berjumlah sebanyak RM253.8 bilion (1999: RM155.9 bilion), meningkat sebanyak 62.8% pada tahun 2000. Jumlah urus niaga yang tinggi adalah didorong oleh terbitan yang lebih besar dalam pasaran utama dan juga dirangsang oleh persekitaran yang memuaskan seperti keadaan mudah tunai di dalam sistem perbankan yang mencukupi, kadar pulangan yang lebih rendah dan keadaan ekonomi yang bertambah baik. Mudah tunai dalam pasaran bon, seperti yang diukur oleh nisbah urus niaga kepada jumlah nilai terkumpul, juga meningkat kepada 105% (1999: 77%). Peningkatan dalam urus niaga bon korporat telah meningkat dengan nyata sebanyak 128%, daripada RM13 bilion kepada RM29.6 bilion. Dari segi bahagian urus niaga bon Ringgit, bon korporat meningkat daripada 8.3% kepada 11.7%. Ini merupakan arah aliran yang menggalakkan, oleh kerana peningkatan mudah tunai di pasaran sekunder adalah penunjuk kepada tahap pertumbuhan pasaran bon korporat di Malaysia.

Dengan kadar faedah yang rendah dan stabil, kadar pulangan bon adalah lebih rendah pada tahun 2000. Pada tahun 2000, pertumbuhan ekonomi yang pesat dan sejajar dengan pemulihan kualiti kredit korporat juga

menghasilkan perbezaan kadar pulangan yang lebih kecil di antara bon pelbagai penarafan berbanding dengan SKM tanpa risiko.

Pertumbuhan saiz pasaran PDS dan kecenderungan syarikat untuk mendapatkan pembiayaan alternatif daripada pasaran hutang telah membawa kepada peningkatan dalam kerja-kerja penarafan. Ini dicerminkan dengan meningkatnya bilangan penarafan baru yang dikendalikan oleh *Rating Agency Malaysia Berhad* (RAM) dan *Malaysian Rating Corporation Berhad* (MARC). Kerja-kerja penarafan adalah penting kepada syarikat yang menerbitkan bon dan juga para pelabur kerana ia menunjukkan profil risiko terbitan bon dan juga kemampuan kredit syarikat yang menerbitkan bon. Ia juga akan meningkatkan tahap ketelusan dan meneguhkan keyakinan dan kredibiliti dalam aktiviti pasaran. RAM mengendalikan 85 kerja-kerja penarafan terbitan baru bernilai RM32.6 bilion pada tahun 2000, berbanding dengan 49 kerja-kerja penarafan bernilai RM35.3 bilion pada tahun 1999. Sementara itu, kerja-kerja penarafan baru MARC meningkat kepada 41 bernilai sebanyak RM17.7 bilion pada tahun 2000, berbanding dengan 22 bernilai sebanyak RM8.3 bilion pada tahun sebelumnya.

Pada tahun 2000, kajian semula penarafan ke atas sekuriti hutang swasta sedia ada yang dikendalikan oleh RAM dan MARC masing-masing berjumlah sebanyak 153 dan 15. Daripada 153 kajian semula penarafan yang dikendalikan oleh RAM, 15 adalah penarafan meningkat dan 114 adalah pengesahan semula, mewakili sebanyak 84.3% daripada jumlah kajian semula sepanjang tahun 2000. Kajian semula penarafan yang dikendalikan oleh MARC juga menunjukkan arah aliran yang sama. Daripada jumlah 15 kajian semula penarafan yang dikendalikan, lima adalah penarafan meningkat dan sembilan adalah pengesahan semula, mewakili 93.3% daripada jumlah kajian semula sepanjang tahun ini. Bilangan penarafan menurun oleh kedua-dua agensi penarafan adalah rendah, masing-masing sebanyak 17 (11.1% daripada jumlah kajian semula) dan satu (6.7% daripada jumlah kajian semula). Jumlah penarafan meningkat dan pengesahan semula yang tinggi mencerminkan profil korporat yang positif, dan juga keadaan ekonomi yang stabil pada tahun ini telah mengurangkan risiko keingkaran.

Pada tahun 2000, beberapa langkah telah diperkenalkan untuk memperkembangkan lagi pasaran bon. Ini termasuklah usaha pembentukan keluk hasil tanda aras melalui terbitan-terbitan SKM yang kerap. Pada tahun 2000, Kerajaan telah mengumumkan jadual terbitan bagi sekuriti Kerajaan. Ini adalah

Pasaran bon yang lebih aktif pada tahun 2000 telah melengkapi sistem perbankan dalam menyediakan sumber pembayaran alternatif. Pasaran hutang sekuriti menyediakan pembiayaan yang besar untuk keperluan ekonomi, khususnya projek jangka panjang.

Graf 4.37
Perubahan Kadar Hasil



Graf 4.38
Industri Unit Amanah – Jualan Kasar, Pembelian-balik dan Jualan Bersih



untuk meningkatkan ketelusan dan memudahkan pelabur membentuk strategi pelaburan mereka. Tambahan lagi, Kerajaan juga telah membuka semula empat daripada terbitan SKM sedia ada kepada nilai yang lebih besar untuk menjana lebih banyak aktiviti urus niaga di pasaran sekunder.

Satu lagi perkembangan yang penting ialah pindaan yang dibuat ke atas Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 dan juga Akta Syarikat 1965 untuk menjadikan Suruhanjaya Sekuriti sebagai pihak berkuasa tunggal bagi pasaran PDS. Ini adalah bertujuan untuk merasionalisasi serta memudahkan struktur pengawalan dan juga mempercepatkan kelulusan terbitan-terbitan PDS. Suruhanjaya Sekuriti telah memperkenalkan skim kelulusan yang baru bagi bon biasa di bawah garis panduan baru PDS dengan melaksanakan skim *'shelf-registration'* dan meliberalisasikan syarat-syarat terbitan ke arah memberi lebih fleksibiliti kepada terbitan bon.

Pada bulan Februari 2001, Pelan Induk Pasaran Modal (CMP) yang mengandungi saranan-saranan yang komprehensif untuk terus membangunkan pasaran bon telah dilancarkan. Keutamaan khusus dalam pembangunan pasaran bon adalah untuk mewujudkan pasaran bon korporat yang lebih mendalam, meluas dan lebih berkesan yang dapat menyediakan sumber pembiayaan yang berdaya saing bagi semua tempoh pegangan. Antara lain, untuk menambahkan lagi mudah tunai pasaran, CMP menyarankan agar akses kepada pasaran yang lebih besar bagi infrastuktur urus niaga dan proses bon. Pada masa yang sama, CMP turut menekankan pembangunan komponen-komponen penting yang lain bagi pembangunan pasaran bon secara menyeluruh seperti keluk kadar pulangan, pensekuritian aset dan juga mempromosikan 35% derivatif bon dan dana bon.

Industri unit amanah

Industri unit amanah terus berkembang pada tahun 2000 dari segi bilangan dana unit amanah, unit dalam edaran dan akaun. Jualan kasar yang dicatat oleh dana unit amanah juga melebihi pembelian-balik pada tahun tersebut mengakibatkan jualan bersih yang berjumlah sebanyak RM7 bilion. Pertumbuhan industri ini adalah disebabkan terutamanya oleh peningkatan permintaan pasaran untuk unit amanah berikutan tindakan para pelabur untuk mengurangkan pergolakan harga pelaburan ekuiti mereka serta peningkatan usaha pemasaran oleh industri berikutan kelonggaran garispanduan

Jadual 4.34
Industri Unit Amanah – Penunjuk Terpilih

	1999			2000			1999	2000
	Dana yang Disokong oleh Kerajaan	Dana Swasta	Jumlah	Dana yang Disokong oleh Kerajaan	Dana Swasta	Jumlah	Pertumbuhan (%)	
Bilangan Syarikat Pengurusan Unit Amanah	10	23	33	10	24	34	3.1	3.0
Bilangan Dana Unit Amanah[1]	29	72	101	30	89	119	13.5	17.8
Unit Dalam Edaran (bilion)	37.1	15.5	52.6	40.2	23.6	63.8	13.1	21.3
Bilangan Akaun (juta)	7.9	1.0	8.9	8.4	1.2	9.6	4.7	7.9
Nilai Aset Bersih *(NAV)* (RM bilion)	32.0	11.1	43.1	30.5	12.8	43.3	11.4	0.5
Nisbah *NAV* kepada Nilai Pasaran BSKL (%)	5.8	2.0	7.8	6.9	2.9	9.8		

[1] Merujuk kepada dana yang telah dilancarkan.

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

yang mentadbir pemasaran unit amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan BNM. Tambahan lagi, Skim Pelaburan Simpanan Ahli KWSP yang sedia ada telah menyumbang kepada pertumbuhan industri unit amanah. Ini membolehkan ahli KWSP melabur simpanan mereka dalam institusi pengurusan dana, termasuk syarikat pengurusan unit amanah, yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Walau bagaimanapun, pasaran BSKL yang lembap pada tahun 2000 telah memberi kesan kepada nilai aset bersih (NAV) industri unit amanah dan mengakibatkan pertumbuhan kecil sebanyak 0.5% bagi industri tersebut. Namun demikian, pasaran BSKL yang lembap, seperti yang dicerminkan oleh kemerosotan dalam nilai pasaran sebanyak 19.6% pada tahun 2000 (pertumbuhan sebanyak 47.6% pada tahun 1999), telah menyebabkan peningkatan dalam nisbah NAV kepada nilai pasaran BSKL industri tersebut.

Beberapa saranan untuk pengurusan pelaburan telah dibuat dalam Pelan Induk Pasaran Modal yang mana akan membantu pembangunan industri unit amanah. Langkah-langkah ini termasuk liberalisasi peraturan mengenai pemilikan asing, di mana pemilikan majoriti bagi milikan asing untuk syarikat pengurusan unit amanah akan dibenarkan dari tahun 2003.

Pasaran Derivatif yang Diniagakan dalam Bursa

Prestasi produk-produk yang diniagakan dalam pasaran bursa derivatif Malaysia adalah bercampur-campur pada tahun 2000. Aktiviti urus niaga di dalam Niaga Hadapan *KLSE CI* adalah

Graf 4.39
Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur: Purata Urus Niaga Harian dan Bukaan



Sumber: Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur

Niaga Hadapan KLIBOR: Purata Urus Niaga Harian dan Bukaan



Sumber: Bursa Komoditi dan Kewangan Malaysia

Graf 4.40
Dagangan Hadapan di COMMEX



Jadual 4.35
KLOFFE dan COMMEX Urus Niaga: Bilangan Kontrak

	1999	2000	% change
KLOFFE			
Niaga Hadapan *KLSE CI*	436,678	366,942	–16.0
Opsyen *KLSE CI*		349	t.d.
COMMEX			
Niaga Hadapan *KLIBOR*	28,994	44,812	54.6
Niaga Hadapan *CPO*	389,933	308,662	–20.8

Sumber: Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur
Bursa Komoditi dan Monetari Malaysia

lemah dengan jumlah urus niaga bagi *Niaga Hadapan KLSE CI merosot* sebanyak 16%. Bilangan bukaan pada akhir bulan, iaitu bilangan kedudukan yang belum dijelaskan, merosot daripada 3,152 kontrak pada bulan Januari 2000 kepada 1,644 kontrak pada akhir tahun. Kemerosotan ini mencerminkan sentimen pasaran yang lemah secara amnya serta kekurangan minat daripada pihak institusi asing. Kekurangan aktiviti urus niaga dalam pasaran juga dicerminkan oleh nisbah mudah tunai derivatif yang rendah (DLR), yang berada dibawah paras 100 di sepanjang tahun 2000, menggambarkan bahawa pendedahan para pelabur dalam pasaran asas tidak dilindungi sepenuhnya oleh kontrak hadapan. DLR merupakan nisbah di antara nilai urus niaga hadapan berbanding dengan nilai urus niaga stok komponen.

Pada bulan Disember 2000, *KLOFFE* telah melancarkan produk kedua, kontrak Opsyen *KLSE CI*. Dengan kontrak ini, aktiviti di *KLOFFE* meningkat memandangkan ia berupaya untuk menawar para pelabur satu instrumen tambahan bagi pengurusan lindung nilai dan risiko ke atas urus niaga pasaran saham. Produk baru ini mencatat prestasi urus niaga yang lebih baik daripada yang dijangkakan. Jumlah urus niaga sebanyak 105 kontrak telah dicatat pada hari pertama perniagaan, sementara kedudukan bilangan bukaan berada pada paras 80. Purata jumlah urus niaga harian bagi bulan urus niaga yang pertama perniagaan adalah sebanyak 21 kontrak.

Prestasi kontrak niaga hadapan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur *(KLIBOR)* 3 bulan yang diniagakan dalam *COMMEX* adalah lebih baik daripada tahun sebelumnya. Aktiviti urus niaga yang lebih tinggi ini disebabkan oleh keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi di pasaran tunai antara bank, dan peningkatan minat dalam pasaran bon dan pasaran kadar faedah *swap*. Tambahan lagi, pemulihan skim penggerak pasaran, sejak Ogos 1999, yang memerlukan penggerak pasaran membuat sebut harga dua hala juga membantu menambahkan kedalaman dan mudah tunai di dalam pasaran niaga hadapan.

Aktiviti urus niaga kontrak hadapan minyak sawit mentah (MSM) di *COMMEX* adalah lembap, mencerminkan sentimen pasaran yang lembap dan ketaktentuan harga pasaran yang tidak begitu ketara. Pada tahun 2000, julat harga kontrak hadapan 3 bulan menguncup kepada RM490 (1999: RM1,240). Harga hadapan MSM pada amnya menjadi stabil pada lapan bulan pertama tahun 2000 sebelum ditutup pada RM803 setan metrik pada Disember (Januari 2000: RM1,144 setan metrik).

Langkah-langkah Pasaran Modal Pada Tahun 2000

Langkah-langkah pasaran modal yang diperkenalkan pada tahun 2000 adalah dirumus untuk meningkatkan usaha yang sedia ada bagi memastikan pasaran modal menjadi lebih berkesan, telus, berinovasi dan berdaya saing. Pada masa yang sama, beberapa langkah tambahan telah diperkenalkan untuk memperbaiki amalan pentadbiran korporat dan perlindungan pemegang saham minoriti. Langkah-langkah utama adalah seperti berikut:

Mengukuhkan industri broker saham

- Pada 21 April, Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah melancarkan rangka kerja polisi mengenai penggabungan industri broker saham. Garis panduan mengenai dinding penghalang, penglibatan kumpulan broker saham dalam perniagaan harta tanah dan pembinaan, Broker Universal dan penubuhan dan lokasi pejabat cawangan oleh sesebuah Broker Universal dan Broker bukan Universal telahpun diumumkan. Satu badan bertindak telah diwujudkan bagi memantau dan mengkaji semula tahap kemajuan proses penggabungan industri broker saham.

- Dalam usaha untuk mengurangkan kos urus niaga, kadar komisen telah dikurangkan pada fasa pertama, yang berkuat kuasa 1 September, kadar komisen untuk semua dagangan bernilai lebih daripada RM100,000 boleh dirunding, manakala dagangan yang bernilai kurang daripada RM100,000 dikenakan kadar tetap sebanyak 0.75%. Pada fasa kedua, yang akan dilaksanakan pada tahun 2001, kadar komisen boleh dirunding bagi semua dagangan, tetapi akan dikenakan had maksimum sebanyak 0.70%. Tambahan lagi, yuran urus niaga seperti yuran penjelasan SCANS, yuran SCORES dan levi SC telahpun dikurangkan.

Promosi Pasaran Bon

- Berkuat kuasa 1 Julai, SC telah menjadi penguatkuasa tunggal bagi kesemua aktiviti mendapatkan dana. Langkah ini akan membantu proses rasionalisasi struktur pengawalseliaan serta mengadakan skim kelulusan yang mudah dan telus untuk sekuriti hutang swasta (PDS).

- SC mengumumkan garis panduan, peraturan dan nota amalan baru yang berkuat kuasa 1 Julai, dalam perkara-perkara berkenaan dengan penawaran PDS, kandungan prospektus untuk debentur, Skim Pendaftaran untuk debentur dan keperluan minimum untuk kandungan perjanjian amanah. Langkah-langkah ini bertujuan untuk memastikan proses terbitan yang cekap.

- Pada 23 Oktober, syarat-syarat penggunaan perolehan daripada terbitan PDS telah dilonggarkan. Perolehan daripada terbitan PDS kini boleh digunakan untuk membiayai pembangunan hartanah kediaman dan rumah kedai yang bernilai lebih daripada RM250,000 seunit, dengan syarat harga lebihan tersebut adalah disebabkan kawasan tanah tambahan (seperti unit tepi atau hujung). Syarikat-syarikat juga boleh menerbitkan PDS untuk pembangunan rumah kediaman, rumah kedai, bangunan komersil, kompleks membeli-belah dan hotel di Putrajaya, Cyberjaya dan Taman Teknologi Kulim.

Meningkatkan Mekanisme dan Daya Saing Pasaran

- BSKL telah mengukuhkan penzahiran aktiviti Internet dan E-Dagang yang dilakukan oleh syarikat awam tersenarai (PLCs). Pada 1 April, PLCs dikehendaki mengumumkan butiran perniagaan E-Dagang yang diperoleh, contohnya model perniagaan butiran di peringkat pembangunan, huraian mengenai risiko dan ganjaran serta keupayaan dan kebolehan teknikal. PLCs dikehendaki mengumumkan kemajuan perniagaan mereka pada setiap suku tahunan.

Langkah ini adalah untuk memastikan pelabur mempunyai informasi yang tepat pada waktunya, mencukupi dan benar.

- BSKL telah melancarkan indeks teknologi terbaru dan memperkenalkan sektor teknologi pada 15 Mei. Indeks teknologi ini mewakili kesemua saham syarikat teknologi daripada Papan Utama dan Papan Kedua. Indeks baru ini telah diperkenalkan untuk membantu pelabur mengesan pelaburan mereka dalam saham teknologi dan mengenal pasti syarikat-syarikat yang berinovasi teknologi.

- Berkuat kuasa 13 Jun, SC telah melonggarkan keperluan untuk penyenaraian berantai dan nilai tara syer biasa untuk penyenaraian utama. Syarikat subsidiari/syarikat bersekutu bagi syarikat-syarikat induk yang tersenarai adalah dibenarkan untuk disenaraikan dalam BSKL atau MESDAQ tanpa keperluan untuk syarikat induk memenuhi keperluan penyenaraian. Tambahan lagi, had di mana sesebuah syarikat tidak dibenar untuk disenaraikan di BSKL sekiranya ia menyumbang lebih daripada 50% daripada keuntungan selepas cukai dan/atau aset ketara bersih syarikat induknya yang telah disenaraikan, telahpun dihapuskan. Syarikat yang ingin disenaraikan dalam BSKL juga tidak lagi dikehendaki untuk menetapkan nilai tara syer biasa mereka pada RM1.00 setiap satu.

- Pada 1 Julai, SC telah memperkenalkan garis panduan baru bagi prospektus terbitan ekuiti dan yang berkaitan dengan ekuiti. SC telah dilantik sebagai pihak berkuasa yang meluluskan dan mendaftarkan kesemua terbitan ekuiti dan yang berkaitan dengan ekuiti (selain daripada terbitan itu, tawaran atau jemputan bagi langganan saham dan debentur oleh kelab rekreasi yang tidak tersenarai).

- Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan (LFX) telah dilancarkan pada 23 November. Ia adalah bursa global yang menyediakan penyenaraian dan kemudahan dagangan untuk pelbagai produk kewangan dan bukan kewangan (serta produk bercirikan Islam), termasuk dana mutual, bon, derivatif, produk yang berkaitan dengan insuran dan harta intelektual.

- Tempoh penyelesaian yang lebih singkat (T+3) telah dilaksanakan bagi kesemua dagangan dalam BSKL dan MESDAQ pada 20 Disember. Kitaran penyelesaian pembayaran yang singkat ini bertujuan untuk mengurangkan risiko penyelesaian, meningkatkan kecekapan, dan menerapkan keyakinan yang lebih tinggi terhadap keselamatan dan keutuhan sistem penjelasan dan penyelesaian sekuriti.

- Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan Bursa Komoditi dan Monetari Malaysia (COMMEX) telah menanda tangani satu perjanjian penggabungan pada 22 Disember. Perjanjian ini menggariskan mekanisme bagi COMMEX untuk menyertai Kumpulan BSKL. Langkah ini akan memaksimumkan penggunaan sumber, mencapai ekonomi berskala dan meningkatkan kecekapan kos.

Memperbaiki Pentadbiran Korporat dan Pemeliharaan Pemegang Saham Minoriti

- Pada 11 Mei, BSKL telah menubuhkan Pasukan Petugas berkenaan dengan Pengawalan Dalaman untuk merumuskan satu garis panduan bagi membantu pengarah syarikat yang disenaraikan dalam memenuhi tanggungjawab penzahiran mereka. Ini adalah untuk mengekalkan keutuhan sistem pengawalan dalaman bagi memelihara pelaburan pemegang saham dan aset syarikat.

- Pada 25 Mei, SC telah memperkenalkan Kod Tatalaku bagi Institusi Pasaran dalam pasaran modal. Tata tertib ini secara amnya memerlukan institusi ini untuk memastikan proses pengawalan yang jelas, konsisten, adil, saksama dan telus di kalangan setiap institusi pasaran. Tata tertib ini menyediakan amalan pentadbiran yang terbaik yang diamalkan oleh institusi

pasaran untuk memastikan akauntabiliti institusi ini. Tata tertib ini telah dihasilkan berikutan peningkatan tumpuan dan penelitian yang iberikan kepada isu pentadbiran korporat dan pengiktirafan bahawa institusi pasaran seperti bursa, rumah penjelasan dan depositori pusat hendaklah bertindak di atas kepentingan umum dan mematuhi piawaian pentadbiran yang terbaik dalam menjalankan tugas mereka. Kod Tatalaku ini akan menjadi asas bagi setiap institusi pasaran untuk mewujudkan dasar, prosedur dan struktur membuat keputusan yang lebih terperinci pada semua peringkat di institusi ini.

- Berkuatkuasa 1 Oktober, keperluan penyenaraian untuk Papan Utama dan Papan Kedua telah dipinda untuk mematuhi prinsip Lembaga Piawaian Akaun Malaysia (MASB) yang telah diluluskan.

Promosi Industri Pengurusan Dana

- Berkuat kuasa 1 Februari, kesemua ejen Institusi Unit Amanah (IUTAs) mestilah didaftarkan dengan Persatuan Pengurus Unit Amanah Malaysia (FMUTM). Kesemua IUTAs dan wakil-wakil mereka yang ingin memasarkan atau telahpun memasarkan produk unit amanah pihak ketiga hendaklah mendapatkan kelulusan daripada FMUTM.

- Kajian semula Garis Panduan mengenai Penubuhan Syarikat Pengurusan Dana Asing (FFMC) telah berkuat kuasa pada 1 Julai. SC telah menstruktur dan menyusun semula garis panduan FFMC dan menjelaskan beberapa fasal bagi kemudahan rujukan untuk menggambarkan perubahan dalam dasar dan perkembangan yang terkini di pasaran kewangan (garis panduan FFMC telah diperkenalkan pada bulan Ogos 1995 untuk mempromosi dan membangun industri pengurusan dana bagi memastikan langkah liberalisasi diuruskan dengan sempurna).

- Pada 1 Julai, SC telah mengumumkan beberapa langkah untuk skim unit amanah. Langkah-langkah ini termasuk Keperluan Perjanjian yang Minimum dan Prosedur untuk Pendaftaran dan Penyerahan Surat Ikatan Dana Unit Amanah, Garis Panduan untuk Prospektus Dana Unit Amanah, Garis Panduan mengenai Pengiklanan dan Bahan-bahan Promosi Unit Amanah dan Pindaan kepada Garis Panduan mengenai Unit Amanah.

- Pada 7 September, SC telah mengumumkan terbitan nota amalan mengenai Polisi Pengagihan Pulangan untuk memastikan amalan yang sama dipraktikkan oleh semua dana unit amanah. "Rangka Kerja Dasar yang Terbaik" dalam nota itu berfungsi sebagai panduan bagi syarikat pengurusan dana untuk menentukan jumlah pengagihan yang akan dibayar oleh skim unit amanah yang berada di bawah pengurusan mereka. Objektif nota ini adalah untuk memastikan penzahiran yang mencukupi dan lengkap dari segi hasil prestasi dana unit amanah, meningkatkan ketelusan, mewujudkan kesedaran di kalangan pemegang unit, terutamanya mengenai jumlah pulangan dana dan mewujudkan corak pengagihan yang konsisten dalam industri unit amanah.

Rencana V

Peranan Sistem Pembayaran Dalam Kestabilan Kewangan

Sistem pembayaran adalah satu komponen penting bagi kestabilan kewangan memandangkan ia merupakan infrastruktur utama dalam sistem kewangan bagi memudahkan transaksi. Ia juga dapat menghasilkan tiga kesan sampingan yang utama apabila sistem tersebut dapat memainkan peranannya dengan berkesan. Pertama, ia menggalakkan keyakinan awam terhadap sistem kewangan. Kedua, ia meningkatkan kecekapan sistem kewangan dan ekonomi secara keseluruhannya dengan memastikan pembayaran dilakukan dengan cekap dan mengikut masa yang ditetapkan. Seterusnya, ia juga memberi manfaat khusus kepada bank pusat dengan memudahkannya melaksanakan dasar monetari menerusi penggunaan instrumen berasaskan pasaran bagi mencapai hasil yang dikehendaki.

Sistem pembayaran yang teguh adalah penting bagi memelihara kestabilan kewangan. Kegagalan sistem pembayaran boleh mengganggu kestabilan kewangan sekiranya tidak wujud kaedah alternatif untuk melakukan pembayaran. Kegagalan ajen dalam membuat pembayaran oleh sebab-sebab tertentu boleh menyebabkan kesan ketidakstabilan dalam sistem kewangan. Oleh yang demikian, Bank Negara Malaysia sentiasa memberi perhatian khusus dalam merekabentuk, menjalankan operasi dan penyeliaan terhadap sistem pembayaran. Walau bagaimanapun, perkembangan terkini dalam sistem kewangan dan teknologi memerlukan bank pusat untuk memainkan peranan yang lebih aktif. Di samping sebab-sebab kehematan dan pengawalan yang memerlukan penyeliaan yang lebih oleh bank pusat, peningkatan dalam tahap kerumitan dan saling berhubungan dalam sistem kewangan global juga membawa risiko baru. Tambahan pula, kemunculan sistem dan mekanisme pembayaran baru juga telah mengubah cara sistem penyelesaian kewangan. Akhir sekali, peningkatan dalam jumlah pembayaran yang perlu dijelaskan dalam masa yang singkat juga memberi tekanan ke atas sistem pembayaran dan ia memerlukan kepada pelaburan dalam infrastruktur sistem pembayaran.

Sistem Pembayaran di Malaysia

Di Malaysia (pada masa itu dikenali sebagai Malaya), pengeluaran wang kertas hanya bermula pada tahun 1897, manakala penyelesaian cek hanya bermula berikutan pengenalan Akta Bil Pertukaran pada tahun 1949. Sebelum penubuhan bank pusat pada tahun 1959, penjelasan dan penyelesaian cek dijalankan oleh bank-bank perdagangan. Selaras dengan perkembangan teknologi di seluruh dunia, kad untuk pembayaran termasuk kad kredit dan debit telah diperkenalkan sebagai alat pembayaran pada tahun 1980an. Inovasi yang



terbaru ialah pengenalan wang tunai elektronik pada tahun 1999. Wang tunai elektronik merupakan wang digital yang digunakan untuk menyelesaikan transaksi dengan menggunakan medium elektronik. Ia juga boleh wujud dalam bentuk unit perdagangan yang mempunyai nilai monetari bagi menjalankan perniagaan menerusi Internet.

Institusi-institusi perbankan merupakan pemudah cara utama dalam perkhidmatan sistem pembayaran. Bagi mempercepat dan memudahkan penyelesaian di antara institusi perbankan, bank pusat dan institusi perbankan telah mewujudkan beberapa sistem pembayaran berkomputer sebagai satu pletform utama bagi penyerahan dan pemindahan wang. Antara lain, sistem-sistem ini digunakan untuk menjelas dan menyelesaikan cek, pemindahan dana antara bank dan pemprosesan serta penyelesaian sekuriti tanpa skrip.

Sistem pembayaran di Malaysia adalah berpusat di Bank Negara Malaysia. Sistem ini terdiri daripada sistem RENTAS (*"Real Time Electronic Transfer of Funds and Securities"* atau Sistem Pemindahan Elektronik Masa Nyata bagi Dana dan Sekuriti) dan Sistem Penjelasan Imej Cek Kebangsaan (SPICK). Kedua-dua sistem ini dibangun dan dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia. Di samping sistem ini, terdapat pelbagai sistem yang dimiliki dan dikendalikan oleh institusi-institusi perbankan dan entiti-entiti perniagaan yang lain. Sistem-sistem persendirian ini antara lainnya terdiri daripada sistem kad debit, kad kredit, rangkaian ATM, giro, wang tunai elektronik, *Securities Clearing Automated Network Services* (SCANS) untuk penjelasan sekuriti dan Rumah Penjelasan Derivatif Malaysia (MDCH).

RENTAS merupakan sistem pemindahan dana bernilai tinggi di antara bank yang turut menggabungkan pemprosesan dan penjelasan dan penyelesaian bagi sekuriti tanpa skrip bertanda berasaskan konsep *"Delivery versus Payment"* (DvP) untuk institusi-institusi perbankan yang menggunakan sistem ini. RENTAS merupakan satu komponen infrastruktur sistem pembayaran yang penting di Malaysia kerana ia menyediakan khidmat kepada pelanggan borong (wholesale clients) terutamanya bank-bank perdagangan. SPICK pula menyediakan khidmat kepada pelanggan runcit. Sistem SPICK merupakan satu sistem yang menggabungkan sistem penjelasan cek berautomasi dengan sistem imej bagi cek-cek masuk (inward cheques) untuk tujuan pemeriksaan dan pengesahan tandatangan oleh ibu pejabat dan juga pejabat-pejabat kawasan bank–bank pembayar yang berkenaan.

Rekabentuk dan Risiko Dalam Sistem Pembayaran

Perkembangan dalam persekitaran kewangan dan ekonomi membawa kepada cabaran-cabaran baru. Dalam hal ini, satu sistem yang direkabentuk dengan baik, dilengkapi dengan dasar sistem pembayaran yang bersesuaian dan penyeliaan perbankan yang berkesan boleh membantu negara mengelakkan gangguan. Oleh yang demikian, kekukuhan dan keselamatan sistem-sistem berkenaan merupakan prasyarat bagi memastikan setiap sistem tersebut berfungsi dengan sebaiknya serta mengurangkan faktor-faktor risiko yang terdapat dalam sistem-sistem

Graf V.1
Jumlah Penjelasan Cek menerusi SPICK



Graf V.2
Urus niaga IFTS dan SSTS dalam RENTAS



pembayaran. Risiko-risiko ini wujud dalam pelbagai bentuk dan biasanya dikategorikan seperti berikut:-

- **Risiko kredit**: Merupakan risiko di mana rakan niaga tidak dapat memenuhi kewajipan sepenuhnya, sama ada pada masa yang telah ditetapkan atau selepas tarikh tersebut.

- **Risiko Penjelasan** : Merupakan risiko di mana seseorang rakan niaga tidak dapat menjelaskan sesuatu kewajipan sepenuhnya pada masa yang ditetapkan, tetapi akan menjelaskan kewajipan tersebut selepas tarikh yang telah ditetapkan. Ini boleh melibatkan masalah mudah tunai sekiranya ia terjadi dengan meluas.

- **Risiko Operasi** : Risiko yang disebabkan oleh perkakasan atau masalah, perisian atau kesilapan yang akan menyebabkan sistem tersebut gagal berfungsi atau rosak dan seterusnya meningkatkan dedahan kewangan dan kemungkinan kerugian.

- **Risiko Keselamatan** : Merupakan risiko di mana keselamatan sistem pembayaran yang dicerobohi mengakibatkan kerugian kewangan.

- **Risiko Sistemik** : Merujuk kepada risiko di mana kegagalan satu peserta sistem pembayaran dalam memenuhi kewajipannya akan menyebabkan institusi kewangan yang lain gagal memenuhi kewajipan mereka apabila tiba masa yang ditetapkan.

Kesemua bentuk risiko ini, sama ada secara individu atau secara kombinasi boleh menyebabkan kesan sistemik. Kegagalan sistem pembayaran boleh menyebabkan merebaknya masalah mudah tunai atau kredit, dan akibatnya boleh menggugat kestabilan sistem berkenaan serta pasaran kewangan. Sebagai pemberi pinjaman usaha akhir kepada institusi perbankan, bank pusat akan terlibat secara langsung apabila risiko sistemik mengancam sistem pembayaran dan kewangan dengan menyediakan mudah tunai yang diperlukan untuk memulihkan kestabilan. Oleh itu, pencegahan dan kawalan ke atas risiko sistemik adalah penting bagi bank pusat. Hakikatnya, sistem berkenaan perlu dilindungi secukupnya daripada risiko-risiko berkenaan.

Bagi mengurangkan risiko-risiko tersebut, beberapa kaedah pengawalan risiko terutamanya berkaitan dengan sistem pembayaran yang berfungsi dalam pasaran antara bank telah diwujudkan. Kaedah-kaedah ini mungkin wujud dalam bentuk penyelesaian bersih dua-hala *(bilateral netting)* dengan sebuah bank perdagangan, penyelesaian bersih pelbagai-hala *(multilateral netting)* dalam buku bank pusat atau penyelesaian dua-hala *(bilateral settlement)* menerusi buku bank pusat dengan menggunakan kaedah penyelesaian secara kasar. Setiap kaedah ini memberi kesan ke atas kestabilan kewangan dalam bentuk yang tersendiri.

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini kecenderungan adalah tertumpu kepada penggunaan kaedah penyelesaian dua-hala secara kasar dalam akaun bank pusat dimana setiap urusniaga akan dijelaskan dengan menggunakan akaun yang disimpan dengan bank pusat. Kaedah pembayaran ini atau sistem penyelesaian secara masa nyata (RTGS) memastikan penyelesaian dapat dimuktamadkan dengan serta merta bagi setiap pembayaran. Sistem RTGS merupakan satu kaedah yang paling biasa digunakan untuk mengawal risiko berkaitan dengan pembayaran bernilai tinggi dalam pasaran kewangan yang telah maju. Bank Negara Malaysia melaksanakan sistem RTGS pada bulan Julai 1999 dengan memperkenalkan RENTAS bagi menggantikan sistem SPEEDS yang beroperasi berasaskan penyelesaian bersih pada hujung hari.

Sistem RTGS memberi penumpuan terhadap pengurangan kredit, risiko penyelesaian dan sistemik. Walaupun tatacara mekanikal bagi setiap sistem RTGS mungkin berbeza dari segi mekanikalnya, sistem ini mempunyai ciri-ciri yang sama yang memerlukan penyelesaian dua hala di antara pihak-pihak yang berurusniaga secara muktamad dengan serta merta. Dalam sistem RTGS, selisihan masa yang boleh menyebabkan kegagalan dalam penyelesaian pembayaran akibat daripada risiko kredit dan penyelesaian akan dapat dihapuskan. Sistem ini juga meningkatkan ketelusan pasaran. Oleh kerana penyelesaian dilakukan secara dua-hala, sistem ini mampu mengenalpasti peserta pasaran dan memantau sebarang perkembangan yang luar biasa.

Sistem RENTAS, yang merupakan sistem RTGS di Malaysia terdiri daripada sebuah komputer "host" yang terletak di Bank Negara Malaysia.

Kesemua institusi-institusi kewangan yang menggunakan sistem RENTAS dihubungkan kepada komputer "host" ini menerusi COINS *(Corporate Information Superhighway)* yang dikendalikan oleh Telekom Malaysia Berhad. Arahan pembayaran dihantar secara elektronik kepada komputer "host" yang akan membuat catatan perakaunan yang berkaitan secara masa nyata ke atas akaun institusi-institusi perbankan yang diselenggarakan oleh sistem tersebut. Walau bagaimanapun ini hanya akan dilakukan jika institusi yang membuat pembayaran mempunyai dana yang mencukupi di dalam akaunnya atau ia mempunyai cagaran yang mencukupi yang dicagarkan kepada sistem bagi membolehkannya mendapat kemudahan kredit harian yang disediakan oleh Bank Pusat. Sekiranya institusi yang membuat bayaran tidak mempunyai dana atau cagaran yang mencukupi, transaksi tersebut akan digantung *(queue)* sehingga institusi kewangan berkenaan memperolehi dana atau cagaran yang diperlukan. Pemprosesan, pemindahan dan penyelesaian transaksi antara bank dan sekuriti tanpa skrip berlaku secara serentak dalam masa nyata. Pemindahan dana dilakukan pada nilai kasar (iaitu tanpa *"netting"* di antara debit dan kredit) dan transaksi tersebut adalah muktamad (iaitu, bank penerima boleh menerima dana bagi setiap transaksi dengan pasti).

Memandangkan kedua-dua sistem RENTAS dan SPICK merupakan sistem yang kritikal, Bank Negara Malaysia mempunyai sistem menjangka dalam mod "hot standby". Menerusi mod ini, data akan dihantar berterusan dari tapak utama agar pemprosesan dapat diteruskan dengan segera. Semua institusi perbankan yang menyertai sistem ini juga dinasihatkan agar mempunyai tapak sokongan. Di samping itu, sistem RENTAS dan SPICK juga mempunyai program penerusan perniagaan (business continuity arrangement) yang meliputi tahap perkhidmatan minimum sekiranya berlaku gangguan yang teruk. Pendekatan rancangan luar jangka yang diamalkan oleh Bank Negara Malaysia akan memastikan bahawa sistem pembayaran yang kritikal di negara ini tidak akan terganggu.

Kerjasama Antarabangsa Mengenai Sistem Pembayaran

Pada masa ini terdapat beberapa inisiatif antarabangsa bagi memelihara kestabilan kewangan menerusi pengukuhan infrastruktur kewangan. Inisiatif ini termasuklah penubuhan sebuah Kumpulan Kerja Sistem Penjelasan dan Pembayaran EMEAP (EMEAP *Working Group on Payment and Settlement Systems*) yang ditubuhkan pada tahun 1998 untuk mengkaji perkembangan sistem penjelasan dan pembayaran domestik dan antara negara.

Pada bulan Januari 2001, Gabenor-Gabenor Bank Pusat Kumpulan 10 (G10) telah menerbitkan satu set piawaian sistem pembayaran yang akan menyumbang kepada keutuhan sistem kewangan. Piawaian tersebut yang dikenali sebagai Prinsip-prinsip Asas Bagi Sistem Pembayaran Penting Sistemik *(Core Principles for Systemically Important Payment Systems)*, menyediakan prinsip-prinsip boleh digunapakai oleh semua negara. Mereka mewujudkan ciri-ciri utama yang perlu dipatuhi oleh semua sistem pembayaran yang penting dari segi sistemik. Di samping itu, pada bulan Februari 2001, APEC telah menubuhkan Kumpulan Kerja Mengenai Transaksi Kewangan Secara Elektronik (*Working Group on Electronic Financial Transactions)* bagi menggalakkan lagi pembangunan transaksi kewangan berasaskan elektronik.

Cabaran-Cabaran Terhadap Sistem Pembayaran

Kebolehan untuk menggunakan rangkaian elektronik untuk menyimpan dan mengendalikan dana dan bukannya bergantung kepada pemindahan dana secara fizikal telah menghasilkan kesan positif ke atas para peserta dan pengguna sistem RENTAS dan SPICK. Pembayaran domestik dan antarabangsa kini boleh dilakukan dengan lebih cepat dan selamat. Dana apungan (iaitu jumlah yang telah didebitkan tetapi masih belum dikreditkan atau sebaliknya bagi menyempurnakan satu-satu transaksi pembayaran) terutamanya berkaitan dengan kiriman wang dan penyelesaian cek telah dikurangkan berikutan pengurangan masa yang diperlukan untuk mendebit dan mengkredit akaun yang berkaitan.

Pembangunan teknologi maklumat yang berterusan memaksa perubahan ke atas sistem pembayaran yang sedia ada. Perubahan-perubahan tersebut menyebabkan sesetengah sistem yang sedia ada tidak mampu untuk menangani arah aliran semasa seperti wang tunai elektronik, bursa perdagangan dan perdagangan elektronik yang disediakan oleh Internet. Tambahan pula kesan daripada

perkembangan-perkembangan ini terhadap kestabilan kewangan masih belum difahami dengan sepenuhnya. Perkembangan-perkembangan tersebut mewujudkan cabaran-cabaran baru kepada agensi pengawalselia dan juga Kerajaan. Sebahagian daripada isu ini termasuklah kesan ke atas penawaran wang, hasil cukai dan keberkesanan pengawalan dalam dunia maya serta tanpa sempadan. Walau bagaimanapun, kemajuan teknologi menawarkan kemungkinan-kemungkinan baru untuk meningkatkan sistem pembayaran seperti menambah bilangan produk dan perkhidmatan yang ada, mengurangkan kos dan menangani risiko. Bank Negara Malaysia mempunyai peranan yang penting dalam pembangunan sistem pembayaran dan dalam memastikan keselamatan serta kecekapan sistem-sistem berkenaan selaras dengan tanggungjawab Bank Pusat dalam memastikan pasaran wang berfungsi dengan cekap, pelaksanaan dan penyaluran dasar monetari yang cekap serta memelihara keyakinan awam terhadap mata wang tempatan dan sistem kewangan.